

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session
MESYUARAT PERTAMA
First Meeting

Jilid IV
1998

Bil. 14

Hari Rabu

3 Jun

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1997. (Ruangan)

Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 1998. (Ruangan)

**Rang Undang-undang Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan
Kesihatan Swasta 1998. (Ruangan)**

Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1998. (Ruangan)

Rang Undang-undang Cukai (Pindaan) 1998. (Ruangan)

USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat. (Ruangan)**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA
Mesyuarat Pertama
Penggala Keempat
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M.,
P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A.

(Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K.,
J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Datuk Michael Bong Thiam Joon, P.J.N., A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)

- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Dato’ Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)

- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)
- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Tuan Jiuin bin Jimin (Sabah)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)

- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)
- “ Tuan S. Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)

Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)

- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Tuan Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)
- “ Datuk Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Chek Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk Yee Lung Fook Geoffrey (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)

- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara/
Timbalan Setiausaha Bagi Parlimen: Abdullah bin Abdul Wahab

Pemangku Ketua Penolong Setiausaha: Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Salamat

Penolong Setiausaha: Nor Hayatee binti Abdullah
Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,
P.P.N.
Hajah Supiah binti Dewak
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Rabu, 3 Jun 1998**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**JURUBAHASA CINA DI MAHKAMAH – KEKURANGAN**

1. Puan Tan Ah Eng minta Perdana Menteri menyatakan:
 - (a) sama ada terdapat rancangan untuk mengatasi masalah kekurangan Jurubahasa Cina di pelbagai peringkat mahkamah dalam negara ini; dan
 - (b) adakah masalah kekurangan Jurubahasa Cina setakat ini begitu ketara dan berkemungkinan akan menjejaskan perjalanan perbicaraan mahkamah; dan adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk memperbaiki skim perkhidmatan bagi jawatan berkenaan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya mahkamah di negara ini sedang menghadapi masalah kekurangan Jurubahasa Cina. Statistik perjawatan menunjukkan daripada jumlah 250 jawatan bagi Jurubahasa Cina, hanya 128 sahaja yang telah pun diisi. Ini bermakna bagi jawatan Jurubahasa Cina mahkamah hanya mempunyai 50% tenaga kerja.

Kekurangan ini adalah agak ketara di tempat-tempat yang mempunyai bilangan mahkamah yang banyak seperti di Kuala Lumpur. Adalah tidak dinafikan bahawa kekurangan Jurubahasa Cina boleh menjejaskan perbicaraan sesuatu kes yang telah dijadualkan untuk dibicara. Masalah kekurangan Jurubahasa Cina di mahkamah adalah disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (i) perletakan jawatan disebabkan mendapat tawaran kerja dan gaji yang lebih baik daripada sektor swasta;
- (ii) kesukaran mendapat calon-calon yang benar-benar berminat apabila jawatan ini diiklankan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam;
- (iii) skim gaji dan perkhidmatan Jurubahasa mahkamah adalah kurang menarik jika dibandingkan dengan jawatan-jawatan lain yang setaraf.

Menyedari tentang masalah kekurangan Jurubahasa yang sedang dialami oleh mahkamah-mahkamah di negara ini, pelbagai langkah dan tindakan telah diambil untuk mengatasi perkara ini. Antaranya ialah:

- (i) memberikan kelonggaran terhadap syarat layak kemasukan ke Skim Perkhidmatan Jurubahasa bagi maksud pengambilan Jurubahasa Cina. Di bawah kelonggaran ini calon-calon yang memohon jawatan Jurubahasa Cina hanya diperlukan lulus bahasa Cina dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Ini adalah untuk memberikan peluang yang lebih luas kepada calon-calon yang berminat untuk memohon jawatan walaupun mempunyai kelayakan yang agak terhad;
- (ii) skim ini juga memperuntukkan cara lantikan ke jawatan Jurubahasa secara multiple entries. Calon-calon boleh memilih untuk memohon kemasukan ke Skim Perkhidmatan Jurubahasa ini dengan menggunakan Sijil Pelajaran Malaysia ataupun Sijil Tinggi Pelajaran;
- (iii) untuk memberikan peluang kerjaya yang lebih baik kepada Jurubahasa-Jurubahasa secara amnya, Skim Perkhidmatan Jurubahasa Mahkamah di bawah Sistem Saraan Baru juga telah disemak semula pada tahun 1994. Di bawah kajian semula ini skim perkhidmatan Jurubahasa mahkamah telah diubah daripada N9 kepada L7. Ini juga membolehkan mereka yang layak meningkatkan kerjaya masing-masing sehingga ke taraf L5 atau L4 secara

kenaikan pangkat. Jawatan-jawatan L5 dan L4 adalah jawatan-jawatan Pendaftar Mahkamah Sesyen;

- (iv) di samping itu, mahkamah-mahkamah juga membenarkan supaya pihak-pihak yang terlibat dalam sesuatu perbicaraan kes sivil membawa Jurubahasa Cina yang berkeelayakan yang dibayar sendiri oleh mereka. Ini adalah untuk memastikan bahawa perbicaraan dapat dijalankan tanpa adanya sebarang alasan untuk menangguhkan kes.

Tuan Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, pertamanya saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri setakat ini sejauh manakah penggunaan bahasa Malaysia dalam semua jenis mahkamah di negara kita dan bilakah agaknya Jurubahasa-Jurubahasa selain daripada bahasa Malaysia akan ditamatkan bagi mendaulatkan penggunaan bahasa Malaysia secara keseluruhannya di seluruh mahkamah kita sebagaimana yang kita maklum sebagai bahasa rasmi negara kita?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, penggunaan bahasa Malaysia di dalam mahkamah di Semenanjung adalah meluas sehingga ke mahkamah yang paling tinggi sekali. Cuma, di Sabah dan Sarawak disebabkan kita ada perjanjian dengan mereka, penggunaan bahasa Inggeris masih lagi digunakan di mahkamah-mahkamah di Sabah dan Sarawak. Penggunaan secara menyeluruhnya hanya boleh dilakukan kalau sekiranya Dewan-dewan Undangan Negeri di Sabah dan Sarawak mengambil keputusan untuk menggunakan bahasa Malaysia secara keseluruhan – barulah boleh digunakan bahasa Malaysia secara menyeluruh di mahkamah-mahkamah di Sabah dan Sarawak. Di Semenanjung tadi saya sebut sudah menyeluruh semuanya.

Penggunaan Jurubahasa ini tidak akan ditamatkan selagi ada keperluan untuk menggunakan mereka dan di Malaysia kita mengamalkan bahawa bagi menuntut keadilan, kadangkala kita terpaksa menggunakan bahasa selain daripada bahasa Malaysia kerana ada di kalangan rakyat Malaysia yang masih lagi tidak begitu fasih dalam bahasa Malaysia. Bukan dia tidak boleh berbahasa Malaysia

tetapi tidak fasih dan dalam mahkamah ini kita harus berhati-hati kerana kadangkala kerana kurang kefasihan bahasa Malaysia akan menyebabkan kita menyatakan sesuatu yang tidak dimaksudkan oleh kita dan ini boleh menjejaskan kes di mahkamah. Sebab itu penggunaan Jurubahasa ini tidak akan ditamatkan selagi ada keperluan untuk mereka menggunakan bahasa selain daripada bahasa Malaysia untuk memastikan supaya keadilan ini dapat dilaksanakan dalam mahkamah.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kita hendak pastikan ada nampak dan didengar keadilan di mahkamah, oleh itu dengan sebab kita tidak ada ramai ataupun kekurangan Jurubahasa Cina di mahkamah ini sudah tentu tidak memberi keadilan sebab dalam mahkamah, bangsa Cina kita di Malaysia ini menggunakan banyak dialek seperti dialek Fuchow, Kantonis, Mandarin, Hakka. Oleh itu, kita hendak semuanya menggunakan Bahasa Malaysia tetapi untuk mewujudkan keadilan kita terpaksa menggunakan bahasa-bahasa ini dan dengan tidak adanya Jurubahasa yang cukup sudah tentu seorang Cina yang tahu bahasa Fuchow; dia tidak tahu bahasa Malaysia, dia tidak tahu bahasa Mandarin adalah mendapat kesusahan. Tidaklah misalannya di Sudan di mana orang-orang yang bukan beragama Islam banyak masuk agama Islam sebab dia hendak mengikut undang-undang syariah tadi. Tetapi di sini kita gunakan undang-undang sivil di mahkamah kita.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kita hendak mengatasi keadilan ini untuk mengadakan Jurubahasa Cina kepada orang-orang Cina yang tidak pandai bercakap Kantonis, yang tidak pandai bercakap Mandarin, tahu hanya Fuchow sahaja misalanya.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya keadaan yang dibawa tidaklah berlaku di mana kalau orang itu memahami dialek Fuchow dan lain-lain dialek, dia tidak memahami dialek Mandarin sebab kalau dia boleh membaca, akhbar-akhbar kita adalah dalam Mandarin. Jadi, sebab itu tidak berlaku banyak kes yang mana kita memerlukan

kepada dialek-dialek bahasa Cina ini kerana yang kita sebut sebagai Jurubahasa ini selalunya Jurubahasa Mandarin.

Ada kes yang memerlukan kepada seorang Jurubahasa yang faham Fuchow atau Khek, itu ada tetapi dia tidaklah menyeluruh sehinggakan kita memerlukan kepada tiap-tiap dialek mesti ada satu Jurubahasa di tiap-tiap mahkamah. Yang Berhormat sebut macam mana kita hendak mendapat keadilan, apabila kita tidak ada Jurubahasa kita terpaksa tanggung kerana kalau kita teruskan juga bermakna justice is not seen to be done sebab dia tidak faham, tidak ada Jurubahasa dalam dialek yang dia faham. Jadi, kita seberapa yang boleh cuba mengatasi masalah ini dan yang menjadi ketara ini ialah Jurubahasa Mandarin. Bahasa Cina maknanya bahasa Mandarin.

Seperti mana yang telah saya sebut sebentar tadi, untuk mengatasi masalah ini pelbagai perkara yang telah kita lakukan dan yang kita nampak ialah akhirnya nanti mungkin kita tidak mempunyai pilihan melainkan untuk melakukan seperti mana yang ke-(iv) itu – kita mengenakan kepada mereka yang memerlukan Jurubahasa Cina ini untuk membawa Jurubahasa mereka sendiri. Kalau tidak, sukar untuk kita mengatasi masalah ini dan akhirnya kita merasakan bahawa ada pandangan supaya profesion Jurubahasa ini diswastakan dan kalau ianya diswastakan, maka bayarannya itu harus dibuat oleh mereka yang memerlukan kepada penggunaan Jurubahasa ini. Ini sahaja satu yang kita fikirkan boleh mengatasi masalah ini secara keseluruhan. Kalau tidak, kita terpaksa menanggung kes sehingga kita mendapat Jurubahasa yang faham dalam dialek-dialek ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebutkan masih ramai rakyat negara ini yang tidak fasih berbahasa Malaysia yang menjadi Bahasa Kebangsaan. Saya ingin mendapat penjelasan apakah sebab-sebab jadi begini sedangkan kita telah mencapai kemerdekaan lebih daripada hampir tiga dekad.

Satu lagi, sama ada kerajaan akan terus menggalakkan penggunaan Jurubahasa dalam bahasa-bahasa lain selain daripada Mandarin dan apakah amalan ini boleh menentukan arus perpaduan kebangsaan dari segi jangka panjang?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah ada jawapan mengapa perkara ini berlaku sebab kita cuma terlibat dalam soal mahkamah sahaja. Jadi, soal mengapa orang Malaysia masih lagi tidak memahami bahasa Malaysia, itu di luar daripada jurisdiction saya.

Penggunaan Jurubahasa lain, ianya akan diteruskan selagi ianya ada keperluan. Tidak berbangkit soal mereka tidak faham maka tidak ada perpaduan. Sebenarnya kita harus lihat iaitu bahawa kadangkala sistem pendidikan negara kita sendiri mengizinkan supaya ada sekolah-sekolah 'national type' seperti sekolah Cina dan sekolah Tamil dan oleh kerana sistem kita mengizinkan, dan pengajaran Bahasa Malaysia itu memang dibuat di sekolah-sekolah ini tetapi mungkin ada di kalangan mereka yang lembab dan tidak dapat mempelajari bahasa Malaysia seperti setengah-setengah penuntut yang lain dan ini yang menyebabkan setengah-setengah murid masih lagi ataupun ada di kalangan orang Malaysia yang faham bahasa Malaysia tetapi tidak boleh hendak bertutur.

Jadi, saya ingin menyebutkan di sini iaitu bahawa kita bercakap tentang keadilan untuk mereka yang berada di mahkamah. Dalam penggunaan Jurubahasa ini bukan sahaja di Malaysia, malah macam hari ini pun kalau kita bercakap tentang orang-orang Bangla (Bangladesh), dia datang ke Malaysia, dia membuat kesalahan. Jadi, kalau kita berkeras bahawa kalau you tidak faham bahasa Malaysia, tidak boleh pergi mahkamah. Siapa faham bahasa Bangla? Sebab itu ia bukan dalam soal perpaduan sahaja, soal keadilan. Suka atau tidak suka kita kena menyediakan Jurubahasa Bangla kerana ada orang Bangla yang tidak faham bahasa Malaysia yang datang ke sini bekerja, buat kesalahan, dihadapkan ke mahkamah dan demi keadilan kita tidak boleh hukum dia semata-mata kerana dia tidak faham bahasa Malaysia, kita kena sediakan juga Jurubahasa Bangla supaya diberikan keadilan kepada orang yang didakwa di mahkamah.

Ini bukan sahaja berlaku di Malaysia. Ianya juga berlaku di negara-negara seperti di United Kingdom. Di United Kingdom ramai rakyat daripada luar negara datang, orang Iceland atau mana-manakah, bila dia pergi ke mahkamah – dia melakukan kesalahan, dia tidak faham bahasa Inggeris, maka terpaksa kita sediakan seorang Jurubahasa dalam bahasa yang difahami oleh yang kena tuduh itu. Jadi, sebab itu dalam perkara ini keperluan kepada Jurubahasa ini akan terus berlaku walaupun satu masa nanti Malaysia ini terdiri daripada seratus peratus rakyat Malaysia yang faham bahasa Malaysia tetapi kita kena ingat ada orang lain yang datang ke sini tidak faham bahasa kita, dia kena pergi ke mahkamah, kita kena sediakan Jurubahasa ini. Jadi, keperluan Jurubahasa ini akan berterusan.

IRAQ – BANTUAN KEMANUSIAAN OLEH MALAYSIA

2. **Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah bentuk bantuan kemanusiaan yang disumbangkan oleh Malaysia untuk meringankan penderitaan rakyat Iraq.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, seperti negara-negara lain yang prihatin terhadap penderitaan rakyat Iraq disebabkan oleh sekatan ekonomi yang dikenakan oleh Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Malaysia turut menghulurkan bantuan kemanusiaan kepada Iraq. Sebagai contoh, Malaysia pada tahun 1993 buat pertama kalinya telah menyumbangkan sejumlah US\$200,000 dalam bentuk bekalan perubatan. Ini diikuti dengan sumbangan bekalan perubatan buat kali keduanya pada tahun 1996 yang berjumlah RM5 juta.

Di samping itu Malaysia telah juga memberi kemudahan pinjaman untuk pembelian minyak kelapa sawit di bawah perjanjian pembayaran dan kredit minyak kelapa sawit (POCPA) dan setakat ini Iraq telah menggunakan kemudahan tersebut sebanyak dua kali berjumlah US\$45 juta. Malaysia juga turut memberi kemudahan latihan dan tempat pengajian kepada rakyat Iraq di bawah program Kerjasama Teknikal Malaysia di dalam pelbagai kursus seperti perkhidmatan awam, daya pengeluaran, pemprosesan minyak kelapa sawit, penilaian harta, sebaran am dan perikanan yang dikendalikan oleh institusi dan agensi-agensi kerajaan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu pendirian kerajaan kita terhadap bagaimana hendak memberikan dorongan kepada anggota-anggota NAM dan juga negara-negara di dalam Pertubuhan Negara-Negara Islam sebagai satu tenaga (force) melobi secara besar-besaran kepada Majlis Keselamatan ataupun Bangsa-Bangsa Bersatu sendiri kerana sekatan yang dibuat ini terlalu panjang, terlalu lama. Terlalu ramai anak-anak kecil yang telah pun, bukan sahaja susut badan daripada umur 5 tahun ke bawah tetapi meninggal dunia akibat kekurangan makanan dan juga kekurangan perubatan dan mereka menggunakan formula menukar minyak untuk

ubat dan makanan – sudah dua, tiga kali dibuat tetapi masih lagi sekatan berjalan sungguhpun siasatan telah dibuat – satu badan untuk menyiasat adakah Iraq menjalankan kerja-kerja membuat senjata-senjata yang berunsur kimia ataupun nuklear telah pun dibuat, semua telah dibuat tetapi masih lagi sekatan diwujudkan. Jadi, bagaimanakah caranya menerusi badan-badan yang saya sebutkan tadi yang kita perlu buat dan apakah harapan kerajaan Malaysia bilakah perkara sekatan ini dapat di‘angkat’ semula bagi kepentingan kemanusiaan – bayi-bayi Iraq.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyatakan di sini, pendirian kerajaan kita bahawa kita memang berusaha menyokong untuk sekatan ekonomi ke atas Iraq itu dihapuskan kerana kita percaya usaha-usaha Kerajaan Iraq dan juga dengan Majlis Keselamatan PBB kerjasama itu telah wujud dan kian hari bertambah baik dan pada masa kini kita berusaha juga menerusi badan-badan Bangsa-Bangsa Bersatu dan juga NAM termasuk multilateral forum berusaha terus untuk mendesak supaya kajian atas sekatan ekonomi ini dapat dipertimbang kerana kita nampak consequences dari sekatan ekonomi ini adalah lebih teruk daripada yang sepatutnya dan kita merasakan kerajaan atau badan-badan tertentu itu menerusi Majlis Keselamatan PBB dapat mengkaji semula dalam perkara ini. Kita memang terus menyokong supaya sekatan ekonomi ini patut dihapuskan.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kerajaan mempunyai satu garis panduan terutama apabila melihat penderitaan rakyat di negara-negara yang mengalami masalah seperti negara Iraq ini yang mana kita sedia maklum kita pernah membantu Bosnia, kemudian hari ini Kosovo, kemudian Afghanistan dan pelbagai negara. Apakah panduan khusus yang membolehkan negara kita akan memberi bantuan kepada mana-mana negara yang kita fikirkan perlu diberi bantuan?

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, persetujuan kita untuk memberi sokongan kepada negara-negara yang perlu bantuan seperti ini khususnya atas dasar peri kemanusiaan dan kita juga ingin melihatkan bahawa akibat-akibat konflik politik ataupun peperangan itu tidaklah memberi akibat yang begitu teruk kepada rakyat yang tidak bersalah itu dan kita berharap supaya kesan-kesan itu tidak memberikan keburukan kepada kawasan atau rantau-rantau itu.

Menerusi badan-badan antarabangsa kita mengikutkan keupayaan kita untuk memberi sokongan seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, iaitu mengikut keadaan di mana ada bantuan kewangan, makanan, perubatan dan sebagainya di mana yang sesuai dan kita mampu kerana ini adalah semangat untuk kita menyokong atas prinsip kemanusiaan dan keadilan masih disokong.

ISU KERUNTUHAN AKIDAH – KEJAYAAN KERAJAAN MENANGANI

3. **Puan Jamilah binti Ibrahim** minta Perdana Menteri menyatakan sejauhmana usaha dan kejayaan kerajaan setakat ini dalam menangani isu keruntuhan akidah sama ada melalui undang-undang, pendidikan dan pencegahan hasutan dan konspirasi dari luar lingkungan Islam.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan sentiasa menjalankan usaha untuk mengawal keruntuhan akidah dengan melaksanakan pelbagai program pembangunan akidah umat Islam dari masa ke semasa dari segi pendidikan, kurikulum untuk pengajaran agama sentiasa dikemaskinikan dari masa ke semasa di semua peringkat. Media massa juga telah diperuntukkan ruang dan masa untuk mendidik masyarakat Islam. Buku-buku dan risalah juga disebarkan dari masa ke semasa untuk memberi peluang kepada masyarakat mempertingkatkan kefahaman dan memperteguh keimanan. Usaha pencegahan juga dibuat melalui kawalan dan penguatkuasaan atas bahan-bahan cetak dan audio visual yang boleh membawa kepada keruntuhan akidah umat Islam sama ada ditahan pengedarannya ataupun diharamkan penerbitannya.

Agama Islam adalah agama rasmi negara. Penganut-penganut agama lain tidak boleh berdakwah kepada penganut-penganut agama Islam mengenai agama mereka.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya hendak mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Perdana Menteri yang telah menubuhkan kelas KAFA bagi anak-anak kita yang belum masuk sekolah rendah lagi. Cuma di peringkat awal ini kita lihat penyediaan KAFA ini cuma sekadar memberikan bekalan gurunya sahaja sedangkan bilik darjah, tempat belajar, kemudahan kerusi meja dan lain-lain menjadi masalah kepada guru-guru KAFA ini sendiri. Sebagaimana yang kita

maklum, apa yang telah diambil tindakan oleh Jabatan Perdana Menteri sudah kena pada tempatnya kerana menyemai akidah ini adalah di peringkat usia yang muda. Cuma kita berharap dengan adanya kelas KAFA ini diberikan bantuan yang lebih mantap lagi supaya kelas KAFA ini benar-benar dapat berkesan.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, memang kita sedar bahawa menanamkan fahaman akidah mestilah dibuat sejak dari kecil lagi kerana kalau kita memberi fahaman akidah kepada anak-anak kita sejak kecil lagi, kesannya amat mendalam dan boleh membentuk peribadi tiap-tiap mereka itu. Sebab itulah kerajaan mengambil tindakan supaya menyegerakan mengadakan kelas KAFA. Memanglah kalau kita menunggu untuk lengkap semua sekali mungkin agak terlewat bagi kita untuk melaksanakan kelas ini sebab itulah kita menggunakan bangunan-bangunan kita yang sedia ada, tambahan pula kadangkala ada di antara bangunan yang sedia ada itu kita tidak gunakan sepenuh masa, maka eloklah kalau kita isikan dengan mengadakan kelas KAFA ini. Sebab itulah kerajaan mengambil tindakan demikian rupa, yang penting ialah kita mengadakan guru dan juga mengadakan murid-muridnya bagi mengadakan kelas ini. Insyallah kalau ada kemampuan kita akan perbaiki keadaan ini dari masa ke semasa.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, yang mewakili Jabatan Perdana Menteri. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa di negara kita sekarang ini telah lahirnya kumpulan-kumpulan tarekat. Kumpulan-kumpulan tarekat ini, kebelakangan ini diminati oleh banyak golongan termasuk pensyarah-pensyarah, termasuk juga kakitangan kerajaan dan ahli-ahli korporat yang gagal dalam perniagaan. Mereka menyertai kumpulan-kumpulan beratib sehingga mereka taasub kepada tok guru-tok guru yang saya difahamkan ada di antara tok guru-tok guru adalah terdiri daripada pendatang-pendatang daripada luar. Adakah perkara ini benar, adakah perkara ini di dalam pengetahuan pihak

kementerian dan apakah tindakan kementerian untuk mengatasi dan juga membanteras keruntuhan akidah ini yang mana saya difahamkan kumpulan ini adalah mirip sebagaimana kumpulan Arqam, yang mana pada masa dulu pernah mengancam keselamatan negara.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, tarekatikah pada asalnya, adalah merupakan satu cara yang baik untuk mentaarufkan kita kepada Allah S.W.T, untuk menghampirkan diri kepada Allah S.W.T. Tetapi apabila disalahgunakan kadangkala walaupun disebutkan 'tarekah' atau 'tarekat' tetapi kadangkala salah digunakan maka perkara itu akan menjadi penyelewengan dan tidak sebenarnya boleh menghampirkan diri kepada Allah S.W.T. Sebab itulah, pihak kita kerajaan menentukan berapa 'tarekat' ataupun ajaran-ajaran sesat yang dikira tidak boleh diikuti telah dipastikan dan kita cuba mengharamkan. Jadi, kalau ada masih berlaku maka perkara ini perlulah kita mengambil tindakan dari masa ke masa. Sebab kita telah mengeluarkan sendiri kriteria-kriteria ajaran sesat, kita sudah keluarkan, jadi kalau ada melingkungi dengan perkara ini, bererti tarekat itu adalah menyeleweng daripada ajaran sebenar. Saya tidak tahulah sepatutnya orang yang punya jawatan tinggi macam pensyarah, korporat tidaklah boleh kita mengikut perkara yang tidak benar, sedangkan semua orang menempuh kekecewaan dalam hidup. Manusia hidup di atas muka bumi ini akan menempuh kekecewaan sejak lahir sehingga mati, tidak ada manusia yang terlepas daripada kekecewaan. Sama ada kekecewaan itu besar atau kecil, itu sahaja yang berbeza kepada tiap-tiap orang. Janganlah disebabkan kita menempuh kekecewaan yang sedikit mungkin, kita terpaksa mengikut tarekat-tarekat yang sesat mungkin boleh mengubat kecewa ataupun mengambil untung kalau sekiranya kita rugi. Ini adalah tidak betul, yang salah tetap salah. Sebab itulah kita sentiasa mengambil perhatian yang berat supaya tarekatataupun ajaran-ajaran sesat ini tidak berlaku dengan sewenang-sewenangnya di negara kita, apa lagi kalau sekiranya mengikut pembawa-pembawa tarekat yang tertentu sehingga kita taasub kepada mereka. Ini amat tidak benar dan tidak boleh dilaksanakan mengikut Islam itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Ghazi.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. soalan tambahan. Menyedari hakikat bahawa manusia menghadapi masalah selalu macam Yang Berhormat Dato' sebut tadi. Kita juga mendapat faham dalam masyarakat menyatakan bahawa seleweng akidah ini nampak merebak seperti api dalam kawasan kering di hutan yang kita alami. Jadi, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat adakah perkara ini benar, dan kalau sekiranya benar, bolehkah saya tahu statistik menyeluruh di tiap-tiap negeri supaya kita dapat betul-betul merasai, berapa seriusnya perkara ini. Kerana perkara ini adalah satu alat atau vehicle yang amat senang untuk digunakan oleh pihak-pihak khususnya untuk dari segi (angle) politiknya kemudian. Terima kasih.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Memang kita sedar, Tuan Yang di-Pertua, bahawa penyelewengan akidah ini amat bahaya boleh menyebabkan seseorang itu tidak diterima ibadahnya dengan sebab dia melakukan perkara-perkara yang luar daripada ajaran Islam. Memang cukup serius kalau sekiranya siapa yang melakukan perkara ini. Dan ada di antara mereka tahu bahawa ajaran yang mereka ikut itu adalah salah, sebab itulah mereka kadang kala melakukan ajaran ini secara tidak terbuka menyorok-nyorok tidak sebagaimana kita sembahyang jemaah di masjid terbuka, tetapi mereka melaksanakan secara menyorok-nyorok, bererti mereka itu tahu perkara ini tidak betul. Sebab itulah kadangkala benda ini, kadangkala apabila mereka terlalu lama, amat sukar untuk memulihkan mereka ini. Kita selalu dengar beberapa ajaran sesat ada 50, 60 di negara kita dan kita telah haramkan, tetapi kadangkala pengikutnya terlalu lama, dia juga kadangkala cuba membuat cara yang menyorok, saya katakan serupa kita mengharamkan dadah. Kita, macam mana haram sekali pun tetapi pendedaran dadah masih berlaku. Sebab, apabila kita menahan perkara itu mereka akan tahu cara lain, hendak melakukan perkara yang salah ini. Inilah juga yang berlaku kepada ajaran-ajaran sesat ini, kita cuba semampu mungkin tetapi kadangkala ada juga berlaku di sana-sini dengan cara senyap-senyap. Saya minta maaf tidak dapat hendak menyatakan satu-satu daripada tiap-tiap negeri tetapi bolehlah dikatakan keseluruhannya ada di antara tiap-tiap negeri itu.

TV SWASTA METROVISION - SIARAN DI LEMBAH KLANG

4. **Dr. Yeow Seng Huat** minta Menteri Penerangan menyatakan:
- (a) mengapakah siaran TV swasta Metro hanya di Lembah Klang sahaja; dan
 - (b) adakah kerajaan mencadangkan siarannya dipancarkan ke seluruh negara.

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]:

Tuan Yang di-Pertua. MetroVision telah dilancarkan pada tahun 1995, buat masa ini stesen TV itu memberikan tumpuan kepada peningkatan strategi pemancarannya di Lembah Klang, sebagai ujian sebelum meluaskan siaran ke kawasan lain.

Mengenai pertanyaan kedua, kerajaan telah meluluskan permohonan MetroVision untuk meluaskan siarannya ke seluruh Semenanjung Malaysia mulai 1998. Walau bagaimanapun, memandangkan kegawatan ekonomi yang sedang melanda negara sekarang, MetroVision belum bersedia untuk meluaskan kawasan siarannya kerana hasil pendapatan dari iklan menurun dengan mendadak. MetroVision akan melaksanakan siaran ke seluruh Semenanjung apabila keadaan ekonomi kembali pulih seperti sedia kala.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya melihat ada televisyen swasta ini, begitu hebat sekali menjalankan aktiviti terkeluar daripada peraturan kerajaan. Saya kadang-kadang terpingga-pingga memikirkan di manakah peraturan, saya ingin tahu, bagaimana proses kawal selia oleh pihak kementerian yang menyebabkan stesen swasta yang baru pun berani buat salah. Ini serius, kalau yang lama-lama ini, agaknya kita boleh faham, tetapi kalau ia baru diberi lesen ertinya hitam putih dakwat yang ditandatangani pun belum kering lagi, pun dah berani yang ini saya hendak tahu dan hendak faham di mana longgarnya yang nakal, terlalu nakal atau yang jaga tak berapa berkesan. Terima kasih.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Kementerian akui memang terdapat beberapa stesen swasta yang diberi lesen tetapi telah terkeluar daripada peraturan-peraturan yang termaktub di dalam syarat

perlesenan. Namun demikian dari masa ke sama kita terus menyelia atau kontrol terutama dari segi soal seks, soal counter culture, soal fantasi yang menjadi syarat utama yang tidak boleh mereka siarkan. Memang baru-baru ini terdapat satu stesen swasta yang telah melanggar peraturan ini dan ia telah pun diberi amaran yang keras daripada Yang Berhormat Menteri Penerangan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan apakah matlamat besar kerajaan membenarkan terlalu banyak siaran swasta ini. Apa matlamat besar untuk ini?

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mengikuti perkembangan soal IT terutama dari segi convergence globalisasi yang ada pada hari ini. Dan oleh kerana itu penwujudan stesen-stesen swasta selain daripada stesen kerajaan adalah mengikuti pertumbuhan dan perkembangan teknologi media ini sesuai dengan perkembangan globalisasi yang ada.

Dato' Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada pertanyaan Dato' Ghazi tadi, yang mengatakan banyak program yang terkeluar daripada dasar nasional. Tetapi saya melihat bahawa tugas-tugas nasional yang besar yang sepatutnya dijalankan oleh RTM telah diambil oleh pihak stesen swasta. Umpamanya dalam men`dubbing`kan filem-filem yang mempunyai unsur-unsur pelajaran dari segi pendidikan, masakan dan sebagainya telah di`dubbing`kan dalam bahasa Malaysia dan di samping itu tugas-tugas nasional lebih besar umpamanya memperingati Allahyarham P. Ramle sendiri, telah diusahakan dengan impak yang begitu besar dan mengkagumkan para penonton yang patutnya dilakukan oleh RTM sendiri. Apakah pihak RTM menyedari perkara ini atau RTM mempunyai kelemahan-kelemahan yang tidak membolehkan untuk mengambil tanggungjawab dalam soal tugas-tugas nasional yang begitu besar.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab tugas nasional bukan sahaja terletak di bahu kerajaan semata-mata. Lain-lain pihak yang terlibat di dalam industri ini turut memikul tanggungjawab ini dan tentulah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Saya nafikan sama sekali bahawa terdapat kelemahan di RTM di dalam konteks ini.

Namun demikian tanggungjawab ini selain daripada kerajaan dan pihak swasta akan terus kita pertingkatkan dari masa ke masa sesuai dengan tuntutan yang ada.

TUSYEN OLEH GURU/ORANG PERSEORANGAN - PANDUAN RASMI

5. **Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang** minta Menteri Pendidikan menyatakan memandangkan kerajaan pada masa ini belum ada apa-apa panduan rasmi mengenai guru-guru atau orang perseorangan yang menjalankan tuisyen, adakah beliau akan mengeluarkan panduan-panduan supaya penuntut-penuntut dapat nilai yang setimpal bagi yuran yang mereka bayar dan tidak tertipu.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.

Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah pun mengeluarkan garis panduan yang jelas, mengenai syarat-syarat penglibatan guru-guru dengan kerja-kerja luar termasuk aktiviti-aktiviti tuisyen. Garis panduan ini bertujuan untuk mengawal supaya penglibatan guru dengan kerja luar tidak bercanggah dengan tugas-tugas rasmi sekolah.

Berhubung dengan garis panduan mengenai kadar bayaran atau yuran yang dikenakan Kementerian Pendidikan belum bercadang untuk mengeluarkan panduan yang khusus mengenai perkara tersebut.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan yang di-Pertua, Soalan tambahan saya ialah sama ada kerajaan bercadang untuk menjadikan program tuisyen ini sebagai program yang tetap dalam kurikulum supaya pelajar-pelajar yang miskin atau pihak-pihak tertentu tidak boleh komersialkan program tuisyen ini.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, dari segi Kementerian Pendidikan di sekolah-sekolah memang ada kita buat kelas-kelas tuisyen ini yang dikelolakan oleh kementerian sendiri. Namun demikian, kita tidak berhasrat untuk menghalang kalau sekiranya ada pihak-pihak lain yang ingin berbuat demikian. Kerana pada hemat Kementerian Pendidikan soal hendak menyalurkan ilmu dan pengetahuan dan merebakkan ilmu dan pengetahuan mestilah diikhtikarkan oleh seberapa banyak pihak yang ada kemampuan dan keupayaan untuk berbuat demikian dan ini juga sesuai dengan hasrat dan matlamat akhir kita untuk menjadikan negara Malaysia kita ini sebagai pusat kecemerlangan pendidikan sekurang-kurangnya untuk kawasan rantau ini.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, tuisyen pada masa sekarang ini sungguh menjadi-jadi. Ada juga setengah sekolah tidak payah tuisyen langsung pun dapat seratus peratus kelulusan. Oleh itu, akhirnya tuisyen ini akan menjejaskan taraf pengajaran di sekolah-sekolah,

sebab kita hendak mengejar certificate sangat ini. Jadi, sekolah jadi tidak begitu penting, yang penting tuisyen pada malam itu dan pada petang itu. Oleh itu, satu masa akan tiba di mana sekolah ini hanya jadi, dengan izin, formality sahaja.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, kelas-kelas tuisyen ini sebenarnya sama ada dibuat secara dalam bentuk kelas ataupun di rumah oleh penjaga-penjaga yang mempunyai kemampuan merupakan pengajian tambahan kepada yang telah diberikan oleh guru-guru di peringkat persekolahan. Namun demikian, kita berpendapat daripada tuisyen-tuisyen yang ada ini ada kesannya, ada manfaatnya kepada anak-anak kita. Dan adakah dengan adanya pusat-pusat tuisyen ataupun kegiatan pusat tuisyen yang berlaku sekarang ini akan akhirnya menjejaskan pelajaran anak-anak dan memberi kesan yang negatif kepada sistem persekolahan kita itu keseluruhannya. Pada hemat kami setakat ini kita tidak nampak gambaran yang demikian, sebab itu kita sentiasa mengawasi pusat-pusat tuisyen yang hendak mengelolakan itu mesti mendapat kebenaran daripada Jabatan Pendidikan negeri-negeri sebelum ianya hendak dimulakan.

Datuk Haji Kassim bin Mh. Yusop: Terima kasih kepada Timbalan Menteri Pendidikan di atas jawapan yang telah diberi. Saya percaya kita tahu bahawa ada juga pusat-pusat tuisyen memilih murid-murid yang cerdas sahaja untuk mengikuti kelas-kelas tuisyennya. Ini biasanya terdiri dari kalangan murid-murid atau ibu bapa yang berada. Murid-murid yang miskin, yang lemah biasanya ditinggalkan begitu sahaja. Gejala ini bukan sahaja berlaku di pusat-pusat tuisyen di luar sekolah, bahkan di dalam sekolah pun perkara ini berlaku di mana guru-guru memilih murid-murid tertentu sahaja untuk mendapat kecemerlangan. Jadi, saya ingin tahu adakah pihak kementerian akan melakukan sesuatu untuk menangani yuran yang tinggi ini dan juga diskriminasi oleh pihak-pihak pusat tuisyen dan sekolah-sekolah terhadap perkara ini.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Ada tiga perkara, Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama sekali tentang yuran yang dikenakan oleh pusat-pusat tuisyen ini. Biasanya di dalam permohonan hendak menubuhkan pusat-pusat tuisyen ini di peringkat pengurusan, perkara-perkara ini diteliti walaupun tidak dimasukkan secara rasmi, tetapi secara perundingan ada. Saya maklum diberikan tumpuan tentang soal ini. Sama ada yuran itu tinggi ataupun rendah sebenarnya ini banyak bergantung kepada pihak yang hendak mengelolakan satu-satu pusat itu. Namun demikian, kita ada undang-undang di bawah IPTS yang boleh mengawasi perkara-perkara yang kita fikirkan tidak munasabah dan dapat diambil tindakan supaya tidak memberi kesan yang berat kepada mereka yang terlibat dalam pusat-pusat tuisyen tersebut.

Yang kedua tentang pengambilan murid-murid. Kita memandangkan penubuhan pusat-pusat tuisyen ini sebagai peranan dan sumbangan anggota masyarakat kita dalam usaha hendak membantu ataupun menangani apa juga persoalan-persoalan yang dihadapi di sektor ataupun dalam bidang pendidikan ini. Biasanya pusat-pusat tuisyen ini menawarkan kursus-kursus ataupun pelajaran-pelajaran yang diajar ataupun mata-mata pelajaran yang diajar di pusat tuisyen tersebut. Saya kurang pasti sama ada di pusat-pusat tuisyen swasta ini yang dikelolakan oleh macam-macam badan ini berlaku diskriminasi dari segi pemilihan itu. Tetapi kalau di peringkat sekolah-sekolah kerajaan, yang ini saya boleh siasat

kalau betul ada diskriminasi kita boleh perbetulkan. Tetapi yang dikelolakan oleh banyak badan dan pertubuhan, ini satu perkara yang perlu kita awasi bersama-sama.

PUSAT KEWANGAN ANTARABANGSA LUAR PESISIR LABUAN - LANGKAH MENGEMBANGKAN AKTIVITI

6. **Puan Faridah binti Abu Hassan** minta Menteri Kewangan menyatakan tahap sambutan terhadap Institusi Kewangan “Offshore Financial Centre” Labuan setakat ini khususnya dalam kemelut ekonomi masa kini. Adakah langkah-langkah baru penggalakan kewangan di Labuan akan dilaksanakan bagi menyuburkan lagi perkembangannya.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sambutan terhadap Pusat Kewangan Antarabangsa Luar Pesisir Labuan masih menggalakkan walaupun dalam keadaan kegawatan ekonomi masa kini. Pada akhir bulan April 1998 bilangan syarikat luar pesisir dan syarikat sokongan di Labuan adalah berjumlah 1,747 berbanding dengan 979 pada akhir tahun 1996, iaitu bertambah sebanyak 768 syarikat ataupun 78%.

Labuan kini mempunyai 65 bank luar pesisir, 37 syarikat berkaitan insurans dan 21 syarikat amanah. Peningkatan ini membuktikan bahawa Labuan masih menjadi tumpuan kepada pelabur-pelabur. Sepanjang tahun 1998 dijangkakan bahawa pertumbuhan aktiviti luar pesisir adalah lebih sederhana kerana bank-bank luar pesisir lebih memilih dalam memberi pinjaman, manakala syarikat luar pesisir yang baru ditubuhkan dijangka mencatatkan pertumbuhan yang kecil berbanding tahun lepas. Ini adalah kerana jumlah syarikat luar pesisir yang memberhentikan operasi mereka di Labuan mungkin akan meningkat berikutan penggulungan yang berpunca dari kekurangan pelaburan di negara yang menghadapi masalah ekonomi.

Walau bagaimanapun, pertumbuhan aktiviti yang sederhana ini akan diimbangi dengan kedatangan pelabur-pelabur baru. Dalam keadaan ekonomi yang meleset, pelabur dan syarikat akan lebih memberikan perhatian kepada kos perniagaan. Mereka seharusnya menggunakan pusat kewangan yang mempunyai kos operasi yang rendah serta struktur cukai yang menarik untuk menjalankan operasi. Labuan menawarkan peluang terbaik kepada pengurus-pengurus dana asing bagi melabur di pasaran saham negara-negara Asia Tenggara yang berada di bawah nilai, iaitu dengan izin, under-value.

Langkah-langkah telah pun dan sedang diambil untuk mengembangkan aktiviti luar pesisir di Labuan. Antaranya ialah penguatkuasaan Akta Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir Labuan 1998 bertujuan untuk memudahkan penubuhan dana bersama dan aktiviti pengurusan dana memandangkan peluang pelaburan yang menarik di rantau ini. Kerajaan juga sedang dalam proses untuk mewujudkan pasaran mata wang Islam antarabangsa Labuan bagi membolehkan institusi kewangan berprinsipkan syariah, mengurus aset dan liabiliti mereka bagi menarik pelabur. Di samping itu, usaha mempromosikan Labuan IOFC telah dipertingkatkan kepada bakal-bakal pelabur antarabangsa supaya mereka mengetahui peluang-peluang yang terdapat di Labuan.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita mengetahui bahawa kerajaan mempunyai niat baik untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan.

Kita juga mengetahui daripada penerangan-penerangan diberi oleh Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri dan sebagainya mengatakan bahawa pertumbuhan institusi pengajian tinggi swasta khususnya dan juga awam agaknya kurang. Masalah besarnya ialah dari segi kekurangan tenaga pengajar. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, dengan izin, expertise yang ada oleh pegawai-pegawai di Labuan Offshore Financial Centre ini, dengan izin, apakah tidak kementerian mempunyai perancangan untuk menggunakan kepakaran mereka ini khususnya dalam bidang economic dan international finance, dengan izin, umpamanya supaya mereka ini dijadikan pensyarah-pensyarah sambilan sama ada secara langsung ataupun secara bayar dalam keadaan teknologi terkini?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya Yang Berhormat Dato' Ghazi, setakat ini pihak LOFSA telah pun membincangkan perkara ini dengan pihak Universiti Malaysia Sabah yang akan diura-urakan menubuhkan satu fakulti bernama International Economic and Finance di Labuan dan pegawai-pegawai LOFSA sendiri dan kemungkinan pegawai-pegawai di syarikat-syarikat luar pesisir yang ditempatkan di Labuan itu akan diambil, dengan izin, coopted sebagai pensyarah-pensyarah untuk mengisi kehendak fakulti ini. Dan juga untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan adanya usaha ini iaitu menubuhkan satu fakulti Universiti Sabah di Labuan, ianya akan menambah memberangsangkan lagi pembangunan fizikal dan ekonomi Labuan, iaitu untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh Labuan sekarang ini, iaitu Labuan kekurangan treshhold population, dengan izin, untuk pembangunan ekonominya. Jadi, perlu diperbanyakkan penduduk di situ melalui kampus, mungkin melalui naval base untuk memastikan bahawa penduduk-penduduk di Labuan itu dapat memberi asas pembangunan ekonomi melalui kuasa membeli dan kuasa menjual di Labuan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: *[Bangun]*

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Zuki. *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Minta maaf Dato' Aziz, selepas ini barangkali Tuan Yang di-Pertua akan beri peluang. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang diperkatakan oleh Timbalan Menteri tadi kita ada 67 bank. Saya difahamkan bahawa bank-bank di Labuan diterima membuka cawangan di situ mestilah dalam lingkungan 100 bank yang terbaik di dunia termasuk bank kita ada empat yang dikira satu tadi. Saya hendak tanya sebabnya mekanisme Bank Pesisiran Luar Labuan ini sangat rumit. Jadi, memang banyak, Tuan Yang di-Pertua, termasuk saya pun tidaklah begitu tahu sangat. Oleh itu, pada saya adakah dalam Basel Committee yang menyelaras dan menyelia kedudukan bank ini adakah pihak Malaysia di dalamnya, dan jikalau ada bolehkah jawatankuasa ini ataupun ahli jawatankuasa ini memberi taklimat kepada Ahli-ahli Senator supaya kita tahu tentang duit masuk-keluar daripada bank pesisiran. Sebabnya saya tidak puas hati dengan wujudnya bank pesisiran ini sebab tidak tahu duit masuk, duit circulation dan sebagainya semua ini berlaku, interest rate, dengan izin, bank di Labuan. Jadi, saya hendak tanya bolehkah Timbalan Menteri mengadakan taklimat terdiri daripada Basel Committee tadi kepada kami semua esokkah ataupun pada bulan Ogos?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, di dalam Basel Committee tidak ada rakyat Malaysia tetapi Malaysia menjadi ahli yang memegang ataupun yang mengikut konvensyen yang diwujudkan oleh Basel. Tetapi persoalan Yang Berhormat Dato' Zuki tanya ialah soal apakah kita boleh beri taklimat, walaupun kita tidak ada anggota di dalam Basel committee dari segi individu, pihak LOFSA boleh memberi taklimat jikalau Ahli-ahli Yang Berhormat dapat membuat satu organisasi ataupun satu penyusunan untuk pergi ke Labuan, bagi saya kecil tapak tangan nyiru saya tadahkan untuk saya sambut Ahli-ahli Yang Berhormat di sana. Tetapi terletak kepada Tuan Yang di-Pertua untuk meluluskan peruntukan Parlimen untuk mereka....

Tuan Yang di-Pertua: Menteri Kewangan. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Kementerian Kewangan telah memberi peruntukan, Tuan Yang di-Pertua, di bawah T&T, 2100 kalau saya tidak lupa, kalau boleh dipakai saya akan mengadakan satu upacara untuk memberi taklimat dan saya sendiri akan berada di situ, insya-Allah. *[Ketawa]*

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, semenjak Pusat Kewangan Luar Pesisir Labuan ini diwujudkan berapakah buah bank yang memberi pinjaman terutama sekali bank-bank yang bermastautin di Malaysia tetapi mempunyai cawangan di Labuan yang memberi pinjaman dan di dalam kegawatan ekonomi pinjaman-pinjaman itu berkemungkinan menjadi pinjaman-pinjaman lapuk dan tidak boleh dibayar. Adakah perbezaan, pengawasan yang dibuat di antara Bank Negara Malaysia di Semenanjung Malaysia dan penguatkuasaan badan lain di Labuan. Adakah perbezaan secara ketat atau tidak ketat antara pengawasan bank-bank di Malaysia ataupun di Semenanjung dan juga di Labuan, dan berapakah jumlah hutang-hutang lapuk yang terpaksa dihadapi oleh bank-bank yang memberi hutang-hutang secara mudah kepada pihak-pihak tertentu?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan pertama berapa buah bank yang memberi pinjaman di dalam kegawatan ekonomi ini, saya tidak dapat memberi angka setakat ini ataupun mungkin saya tidak dapat memberi langsung Yang Berhormat Dato' Aziz kerana ini adalah di bawah confidentiality di bawah BAFIA kepada sesiapa. Kita hanya akan dapat tahu bilangan ataupun jumlah pinjaman yang diberi. Yang Berhormat Dato' Aziz pun sendiri tahu bahawa ada undang-undang yang tidak membolehkan kita mendedahkan pinjaman-pinjaman itu.

Mengenai dengan perbezaan di antara pengawasan bank dalam dan luar pesisir, memang ada sedikit perbezaan, kerana kita sedia maklum bahawa satu kawalan yang rapi, seperti mana Yang Berhormat Dato' Zuki kata tadi kita mementingkan bank-bank di bawah 100 bank yang terkemuka di dunia. Dan satu lagi yang kita perlu kawali ialah mengenai dengan kemasukan wang untuk dibersihkan, laundered money. Jadi, pengawasan terhadap ini kita lakukan dengan cukup teliti, iaitu misalannya tidak ada sesiapa yang boleh mendeponitkan wang di dalam Bank Luar Pesisir Labuan di dalam bentuk tunai (cash). Ianya mestilah melalui sistem peralihan ataupun pemindahan di dalam sistem kewangan yang mana kita dapat trace, dengan izin, sumber wang itu dan sekurang-kurangnya kita dapat walaupun bukan seratus peratus, tetapi kita tahu bahawa wang itu bukanlah wang kotor yang hendak dibersihkan di Labuan.

Ada lagi dua-tiga syarat-syarat yang ditentukan bahawa Labuan hanya akan mendapat wang yang bersih dan inilah pengawalan yang ketat yang kita lakukan. Mengenai dengan pengawalan, supervision dan lain-lain lagi pemantauan, kita adakan sebagaimana yang kita lakukan di kalangan bank-bank di dalam negara kita sendiri.

TELEFON SELULAR - PENGGUNAAN SEBAGAI PUNCA KANSER

7. **Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah benar telefon selular (telefon mudah alih) boleh menjadi punca penyakit barah di kepala pengguna. Jika benar, sila nyatakan hasil kajiannya dan kenapakah tidak menasihatkan rakyat supaya telefon jenis tersebut tidak boleh digunakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kajian-kajian saintifik yang dijalankan tidak ada bukti yang nyata menunjukkan bahawa telefon selular ataupun telefon mudah alih boleh menjadi punca penyakit barah, malah Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau World Health Organization (WHO) juga ada menyatakan bahawa daripada kajian-kajian epidermology yang dijalankan menunjukkan tidak ada bukti yang nyata yang menunjukkan bahawa radio frequency boleh menyebabkan kanser kepada manusia.

RUSUHAN OLEH PENDATANG TANPA IZIN DI KEM TAHANAN

8. **Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bagaimanakah boleh berlaku rusuhan di ketiga-tiga kem tahanan yang dilakukan oleh perusuh-perusuh tanpa izin Indonesia di Kem Semenyih Kajang, Lenggeng Negeri Sembilan dan Macap Umboo di Melaka; dan
- (b) memandangkan ramai rakyat dari Indonesia, Bangladesh dan juga dari negara-negara lain mempunyai kad pengenalan merah palsu, berapa ramaikah petualang kad pengenalan merah yang telah ditangkap dan telah dikenakan hukuman.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab bahagian -

- (a) Kejadian merusuh dan membuat penentangan terhadap pihak polis oleh pendatang tanpa izin terutamanya warganegara Indonesia di depo-depo Imigresen kerap kali berlaku. Walau bagaimanapun, pada 26 Mac 1998 pihak polis telah mengatur penghantaran pulang secara serentak, warganegara Indonesia dari tiga depo Imigresen, iaitu Semenyeh, Macap Umboo dan Lenggeng. Apabila mengetahui bahawa mereka akan dihantar pulang, maka tindakan merusuh dan cubaan untuk melepaskan diri dari tahanan telah dilakukan. Rusuhan yang besar telah berlaku di depo Imigresen, Semenyeh di mana perusuh-perusuh yang sebahagian besarnya adalah terdiri daripada

pendatang tanpa izin Indonesia. Mereka menggunakan pelbagai senjata tajam dan dibuat sendiri dan sememangnya telah bersedia untuk menentang pihak polis.

Sebagai langkah untuk mententeramkan keadaan, pihak polis terpaksa memasuki kawasan tahanan berkenaan. Setelah mendapati pihak polis memasuki kem, pihak perusuh dengan ganas telah menyerang dan memukul serta menikam anggota polis dengan menggunakan kayu dan besi tajam. Akibat daripada rusuhan itu, seorang anggota polis telah mati dan 27 orang anggota polis lain mendapat kecederaan. Manakala 7 pendatang tanpa izin Indonesia terkorban.

- (b) Sejak tahun 1990 hingga Mac 1998 seramai 405 orang yang terbabit dalam proses pengeluaran dokumen pengenalan dan perjalanan palsu termasuk pengeluaran kad pengenalan merah palsu kepada pendatang tanpa izin telah ditahan. Melalui penahanan ini sebahagian daripada mereka telah dikenakan perintah tahanan dan perintah sekatan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, satu laporan telah dikeluarkan di sebuah akhbar di luar negeri menunjukkan gambar seorang polis sedang menunjukkan tongkat kepada mayat seorang perusuh yang meninggal dalam rusuhan tersebut. Bagaimanakah gambar ini dapat keluar, adakah siasatan dibuat, siapakah yang ambil gambar dan apakah tindakan yang diambil selepas itu?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, pada hari rusuhan itu terjadi ada ramai pemberita dan juga orang ramai telah pun berkejar ke tempat itu. Nampaknya usaha mereka itu telah pun terlebih dahulu dikoordinasikan dan diberitahu kepada akhbar asing. Pada masa itu ramai jurugambar gunakan alat-alat canggih termasuk 'zooming lens' dari jauh. Jadi, pada masa kini pihak berkuasa menyaki sama ada mungkin ada orang tempatan ambil gambar itu bagi pihak media asing. Nampaknya media asing memang melabur, dia gunakan wang untuk mengupah orang kita untuk buat sesuatu kerja di negara sendiri. Saya harap orang Malaysia kena ingat-ingat secara patriotik apa-apa wang ditawarkan itu supaya tidak terima, jangan diperalatkan oleh orang asing.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya adalah apakah langkah yang sewajarnya diambil oleh Kementerian Dalam Negeri untuk mengelakkan rusuhan-rusuhan di kem-kem pendatang haram pada masa yang akan datang. Apakah langkah untuk mengelakkan rusuhan tersebut berlaku semula di dalam negara kita ini? Selain daripada itu, media Barat yang mengatakan kerajaan kita meracun pendatang haram, apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian Dalam Negeri untuk menolak tuduhan yang palsu itu? Adakah kita mengarahkan duta kita di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk mengadakan sidang akhbar dalam hal ini?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, salah satu langkah pada masa kini ialah pihak kerajaan sentiasa menghantar pulang, mengusir secara teratur pendatang tanpa izin ini dengan cepat

sekali, jangan beri mereka ada masa duduk lama di situ, kemudian mereka cuba berkomunikasi melalui cara-cara mereka. Pada masa kini pengusiran sentiasa dijalankan dengan lancar dan cepat dengan kerjasama daripada kerajaan negara jiran kita. Jadi, itu satu cara.

Selain daripada itu, mengenai dakwaan palsu yang mengatakan kita meracun mereka yang ditahan di depo Imigresen, memang kerajaan telah melalui wakil kedutaan kita di negara yang berkenaan ada membuat penjelasan. Tetapi seperti mana yang sentiasa diterangkan oleh pemimpin negara kita, pihak media asing ini bukan hendak lapor apa yang kita jelaskan. Selalunya dia buat tuduhan, buat dakwaan selepas itu dia tidak akan bantu kita untuk melaporkan penjelasan tentang apa yang sebenarnya berlaku. Mengenai dakwaan ini, ingin saya tegaskan kalau sekiranya pihak berkuasa hendak meracunkan mereka ini tidak payahlah kita korbankan polis sampai cedera 27 orang. Kita racun terus tak payah susah-susah hendak pergi korban diri. Jadi, tuduhan itu tidak logik, tidak masuk akal. Harap mereka ini walaupun ada niat jahat, janganlah sentiasa menguji ataupun mencabar kesabaran negara kita.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kerajaan pernah membuat penyelidikan yang menyeluruh bagi memastikan apakah punca wujudnya petualang-petualang yang tidak bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas mereka.

Dato' Ong Ka Ting: Yang jelas sekali faktor yang telah mengakibatkan ada petualang ini ialah tarikan wang. Mereka hendak dapatkan wang yang banyak, maka mereka melakukan banyak perkara yang bukan sahaja melanggar undang-undang, bahkan akan memudaratkan ataupun mendedahkan keselamatan negara kita. Selain daripada itu, kadang-kadang sikap orang kita yang mana ramai mereka ini ingat kegiatan ekonomi mereka sahaja yang penting. Jadi, sampai dia sentiasa mengambil pendatang tanpa izin untuk bekerja, maka petualang-petualang ini pun ada kesempatan sebab dia ada pasaran. Jadi, pada keseluruhannya kita perlukan kerjasama orang ramai terutamanya pihak majikan selain daripada penguatkuasaan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat pandangan dari pihak kerajaan. Apakah pandangan oleh pihak pemerintah Indonesia, sama ada ianya satu pandangan positif atau pandangan negatif terhadap insiden yang berlaku pada 26 Mac 1998 yang lalu?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, pihak pemerintah kerajaan Indonesia merasa amat kesal apa yang telah berlaku. Ini sesuatu yang tidak diingini oleh kedua-dua pihak dan mereka faham benar pendirian kerajaan kita dan mereka percaya bahawa pihak penguatkuasa di Malaysia ini sentiasa mempunyai peri kemanusiaan yang sepenuhnya. Cuma apabila kita terpaksa mempertahankan diri barulah melakukan sesuatu untuk mengawal keselamatan dan dalam pada itu kedua-dua belah pihak telah mempunyai persefahaman yang baik dan selepas itu banyak koordinasi lebih rapat telah diadakan untuk mengawasi dan mengendalikan pendatang-pendatang tanpa izin.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun cukup. Tidak dapat Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak jawab kerana banyak sangat soalan tambahan. *[Ketawa]* Saya hendak hadkan dua sahaja satu kali tidak boleh juga. Kena hadkan dua soalan tambahan sahaja untuk satu soalan. Baru ramai sedikit yang boleh jawab.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, banyak soalan tambahan pun baik juga sebab isu-isu yang belum ditimbulkan ditumpukan dari ahli-ahli yang arif. Betulkah Datuk Haji Ibrahim bin Ali? *[Ketawa]*

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 hingga 35 akan dijilid dalam naskhah berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. *[2 Jun, 1998]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama menyambung ucapan semalam.

3.47 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung ucapan pembentangan saya semalam dan kita sedang membicarakan perubahan struktur yang ketara yang dilalui oleh industri minyak sawit negara.

Dalam hubungan ini saya yakin keluaran kelapa sawit boleh mendukung tiga industri yang mempunyai nilai tambah yang tinggi iaitu industri makanan, industri oleokimia, industri pulpa dan kertas. Oleh itu potensi bagi industri berasaskan kelapa sawit adalah besar sekali dan segala usaha perlu digemblengkan untuk merealisasikan potensi ini. Di arena antarabangsa pula, industri minyak sawit Malaysia bersaing dengan 16 minyak sayuran dan lemak yang lain bahkan juga dengan minyak sawit dari negara-negara lain seperti Indonesia yang mempunyai beberapa kelebihan termasuk keluasan tanah yang sesuai dan bekalan buruh yang mencukupi bagi perladangan kelapa sawit. Indonesia sedang berusaha untuk menambah keluasan tanaman dan jumlah pengeluaran minyak sawitnya dan ini merupakan satu cabaran kepada Malaysia. Di sesetengah negara pengeluar lain, subsidi diberikan kepada minyak sayuran yang dihasilkan seperti minyak rapeseed, soya bean dan sunflower, dengan izin, yang merupakan pesaing-pesaing utama kepada minyak sawit.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan persaingan di peringkat antarabangsa tidak menggugat industri minyak sawit kita, kerajaan telah menggalakkan syarikat-syarikat perladangan kita untuk melabur dalam perladangan kelapa sawit di negara-negara yang mempunyai tanah dan iklim yang bersesuaian serta bekalan buruh yang mencukupi. Ini adalah memandangkan negara kita kini menghadapi masalah kekurangan tanah yang sesuai serta kekurangan tenaga buruh yang mengakibatkan kos pengeluaran meningkat. Dari segi opportunity cost, dengan izin, adalah lebih menguntungkan bagi syarikat-syarikat tersebut membuka ladang di luar negeri supaya tanah yang semakin terhad di negara ini boleh digunakan untuk kegunaan lain yang lebih strategik. Setakat ini syarikat-syarikat perladangan Malaysia telah membuka ladang kelapa sawit di Indonesia, di Filipina,

Kepulauan Solomon, Papua New Guinea dan Laos. Juga terdapat potensi untuk penanaman kelapa sawit di negara-negara Amerika Selatan seperti Brazil, Colombia, Honduras, Mexico, Guyana serta negara-negara Afrika Barat, seperti Cameroon dan Gabon.

Tuan Yang di-Pertua, melalui usaha ini kita juga berpeluang untuk menggunakan kelebihan kepakaran dan pengalaman kita dalam sektor perladangan bagi membangunkan industri perladangan kelapa sawit di negara-negara berkenaan. Di samping membawa bersama teknologi perladangan ke negara-negara tersebut, kita juga akan berpeluang mengeksport alat-alat atau mesin yang berkaitan dengan pembangunan dan industri sawit. Dengan secara tidak langsung, melalui aktiviti perladangan sawit di luar negeri kita akan berkesempatan memasarkan hasil keluaran sawit di pasaran tempatan dan di negara-negara berhampiran di rantau berkenaan. Dalam jangka masa panjang melalui pelaburan tersebut, kita akan dapat membawa bekalan minyak sawit lebih dekat kepada pengguna-pengguna dan ini akan membolehkan industri minyak sawit mengukuhkan lagi daya saingannya dengan minyak sayuran yang lain di pasaran-pasaran yang tertentu.

Dalam melaksanakan strategi “reverse investment” ini, dengan izin, tidak bermakna kerajaan tidak lagi menggalakkan pelaburan dalam sektor perladangan kelapa sawit di dalam negeri. Sekiranya kerajaan-kerajaan negeri memberikan sokongan dan galakan yang sesuai, saya percaya syarikat-syarikat perladangan kita akan mengambil peluang untuk melabur dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan terdapat persaingan sengit dengan minyak dan lemak lain, maka usaha-usaha mempromosikan minyak sawit di peringkat antarabangsa perlu dipertingkatkan. Bagi tujuan ini, satu organisasi khas iaitu Majlis Galakan Pemasaran Minyak Sawit Malaysia (MPOPC) ditubuhkan sebagai syarikat “limited by guarantee” pada awalnya bertujuan untuk menangkis kempen-kempen antiminyak sawit oleh pesaing-pesaingnya seperti pengeluar-pengeluar minyak soya di Amerika Syarikat. Pada ketika ini MPOPC menumpukan tugasnya untuk menerokai pasaran minyak sawit di dunia melalui pelbagai aktiviti. MPOPC juga bekerjasama rapat dengan agensi-agensi lain

termasuk PORIM, PORLA, KLCE, IMR dan juga pihak-pihak swasta yang mengeluarkan minyak sawit. Selain daripada itu, MPOPC juga mengeluarkan khidmat pakar-pakar nutrition dunia untuk memberikan penjelasan yang lebih mendalam kepada pengguna-pengguna dari luar negara tentang khasiat dan juga kegunaan minyak sawit.

Kerajaan, melalui MPOPC, menjemput pihak swasta supaya bersama-sama dalam kegiatan promosi di luar negara terutama dalam pameran dan juga seminar-seminar untuk industri-industri pengimport dan pengguna dan pengeluar barangan hiliran, ahli pemakanan, doktor-doktor perubatan dan juga suri rumah. Rancangan pengiklanan dalam media elektronik dan cetak juga diperhebatkan lagi. Selain daripada aktiviti-aktiviti MPOPC, misi-misi perdagangan yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama dan saya sendiri juga diadakan dari semasa ke semasa dalam usaha untuk membuka pasaran-pasaran baru bagi minyak sawit termasuk di Asia Tengah, Russia, Eropah Timur, negara-negara Afrika, Asia Barat, Sudan, Vietnam, Myanmar, Laos dan juga Kemboja.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada usaha-usaha yang dinyatakan tadi Skim Palm Oil Credit and Payment Arrangement (POCPA) juga digunakan untuk membuka pasaran baru serta mengekalkan pasaran yang sedia ada. Setakat ini sebanyak US\$326 juta telah diluluskan oleh kerajaan di bawah skim ini dan sebanyak US\$194.4 juta telah digunakan. Memang sukar untuk kita bersaing dengan US dan EU yang membelanjakan berbilion-bilion ringgit untuk membantu pengeksporan keluaran pertanian mereka termasuk minyak sayuran. Malahan US dan EU mengamalkan eksport subsidi yang berleluasa dan tidak dapat kita tandangi tetapi dalam tahun-tahun akan datang subsidi seperti ini mesti dikaji semula dan dikurangkan sejajar dengan komitmen negara-negara ahli World Trade Organization (WTO), dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun terdapat cabaran-cabaran yang dinyatakan tadi, industri minyak sawit masih mempunyai prospek pasaran yang baik untuk jangka masa panjang. Ini adalah kerana permintaan dunia terhadap minyak sayuran dan lemak khususnya minyak sayuran dijangka akan terus meningkat dengan

pertambahan jumlah penduduk dunia kepada 8.2 bilion pada tahun 2020 dan peningkatan pendapatan per kapita negara-negara di dunia. Peningkatan pendapatan per kapita ini akan mempengaruhi taraf hidup penduduk dunia yang seterusnya akan menyebabkan permintaan terhadap minyak sayuran dan lemak meningkat iaitu daripada 15 kilogram per kapita sekarang kepada 20.6 kilogram per kapita pada tahun tersebut. Selaras dengan itu permintaan terhadap minyak sawit diunjurkan akan turut meningkat kepada 100 juta tan metrik sekarang kepada 169 juta tan metrik menjelang tahun 2020. Ini menunjukkan ruang pasaran masih terbuka luas bagi minyak sayuran keseluruhannya dan minyak sawit berpeluang untuk menguasai sebahagian besar pasaran ini kerana ianya adalah kompetitif dari segi harga, mempunyai hasil yang tinggi dan telah diterima umum berdasarkan kepada kualiti, kepelbagaian kegunaannya serta khasiat pemakanan dan kesihatan.

Dengan adanya cabaran-cabaran serta peluang pasaran yang baik bagi industri kelapa sawit sebagaimana yang dinyatakan ini, maka agensi yang diamanahkan untuk menyelia dan memajukan industri kelapa sawit mestilah bersedia memikul tanggungjawab yang lebih luas dan menyeluruh. Tambahan pula industri kelapa sawit negara kini dan pada masa hadapan akan menjadi lebih kompleks merangkumi pelbagai aktiviti seperti pengeluaran minyak sawit, pengeluaran barangan berasaskan kelapa sawit dan pembekalan perkhidmatan, kepakaran dan perundingan. Ini juga bermakna bahawa usaha membangunkan industri kelapa sawit perlu dibuat secara bersepadu dengan mengambil kira kehendak semasa dan masa hadapan industri.

Maka industri minyak sawit sebagaimana yang terkandung di dalam Rang Undang-undang Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1997 ini telah diberi pengertian yang lebih luas merangkumi aktiviti pengeluaran, pemprosesan, pembuatan, usaha-usaha R&D, perkhidmatan kepakaran dalam bidang minyak sawit serta aktiviti-aktiviti pesisiran pantai (offshore), dengan izin. Oleh itu, agensi baru hasil gabungan PORIM, PORLA iaitu LMSM ini perlu mengambil pendekatan yang lebih bersepadu dalam usaha membangunkan industri minyak sawit negara bagi

menentukan yang industri ini terus menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara dan pada masa yang sama mengekalkan daya saing di pasaran antarabangsa.

Melalui rang undang-undang ini, LMSM dijangka akan dapat memainkan peranan yang berkesan dalam pembangunan minyak sawit baik di peringkat hulu dan juga hiliran. Di peringkat hulu, keutamaan akan diberi kepada menangani masalah kekurangan tenaga buruh, mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan produktiviti. Di peringkat hiliran, selain daripada meneruskan usaha-usaha menemui keluaran dan kegunaan baru bagi minyak sawit usaha akan turut diberi ke arah meningkatkan sumbangan keluaran bukan minyak seperti penggunaan biojisim yang terdiri daripada batang kelapa sawit, tandan kosong dan pelepah untuk menghasilkan produk-produk seperti Medium Density Fibre board, dengan izin, juga untuk mengeluarkan barangan-barangan seperti perabot, pulpa dan kertas serta lain-lain. Aktiviti R&D bagi pengeluaran barangan berteknologi tinggi sama ada untuk kegunaan makanan atau bukan makanan akan terus dipergiatkan lagi. Di antara keluaran-keluaran bukan makanan tersebut termasuklah kimia fitin, acid fitic dan pelapis kertas daripada oleokimia. Manakala produk-produk makanan pula iaitu keju, coklat, serbuk aiskrim dan marjerin bebas trans juga diperhebatkan lagi.

Di antara fungsi penting LMSM ialah untuk melaksanakan dasar-dasar dan program pembangunan bagi menentukan viability atau daya maju industri minyak sawit. LMSM juga akan merancang dan melaksanakan penyelidikan berhubung dengan pengeluaran, pemakanan dan penggunaan kelapa sawit termasuk penyelidikan ke atas minyak dan lemak lain yang ada kesan terhadap pembangunan industri kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1997 ini pada prinsipnya merupakan gabungan fungsi-fungsi PORIM dan PORLA sekarang yang ditokok tambah serta dikemaskini bagi mengambil kira perkembangan industri masa kini dan masa hadapan. Ianya terbahagi kepada lapan bahagian seperti berikut:

- Bahagian I mengandungi tajuk ringkas, tarikh kuatkuasa serta takrif beberapa ungkapan yang digunakan dalam akta.
- Bahagian II memperuntukkan penubuhan LMSM sebagai satu perbadanan, objektif, fungsi dan kuasa-kuasanya, keanggotaan lembaga, kuasa Menteri memberi arahan, mengemukakan penyata akaun dan maklumat, perwakilan kuasa oleh lembaga dan kuasa menubuhkan jawatankuasa.
- Bahagian III menyediakan peruntukan berhubung dengan Ketua Pengarah, lantikan Timbalan Ketua Pengarah, pegawai-pegawai dan pengkhidmat serta syarat-syarat perkhidmatan mereka, kuasa memberi pinjaman dan pendahuluan kepada kakitangan, perwakilan kuasa oleh Ketua Pengarah, penubuhan Jawatankuasa Tatatertib dan rayuan terhadap keputusannya, membuat peraturan tatatertib mengenai surcaj serta yang berkaitan dengannya.
- Bahagian IV mengandungi peruntukan kewangan. Ia memperuntukkan penubuhan kumpulan wang serta perbelanjaan yang boleh ditanggungkan, kuasa menggunakan ses dan penyediaan belanjawan tahunan.
- Bahagian V memperuntukkan kuasa meminjam, melabur, mengambil ejen dan melantik penasihat teknikal, memberi pinjaman menubuh perbadanan, menggantung, membatalkan atau menolak untuk memperbaharui lesen serta membuat rayuan terhadap penggantungan atau pembatalan lesen.
- Bahagian VI mengandungi peruntukan yang berhubung dengan penguatkuasaan, penyiasatan, keterangan dan kesalahan dan merupakan pengemaskinian kepada peruntukan yang sama dibawah Akta PORLA sekarang.
- Bahagian VII memperkatakan perkara-perkara yang melengkapkan lagi peruntukan-peruntukan mengenai penguatkuasaan di Bahagian VI seperti peraturan mengawal selia industri kelapa sawit,

membekal maklumat kepada lembaga, peruntukan-peruntukan am berhubung dengan penalti, ganjaran dan perlindungan kepada pemberi maklumat dan pegawai, pengkompaunan kesalahan, permulaan dan perjalanan pendakwaan serta bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan di bawah akta ini.

- Bahagian VIII mengandungi peruntukan pemansuhan, kecualian dan peralihan.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini akan mewujudkan satu organisasi baru iaitu LMSM atau MPOB untuk menggantikan dua agensi yang sedia ada iaitu PORIM dan PORLA bagi memajukan industri minyak sawit negara. Ini bermakna industri minyak sawit akan dibangunkan oleh satu agensi sahaja dengan lebih bersepadu dan tanpa pertindihan tugas. Penubuhan LMSM akan dapat menyatupadukan sumber tenaga dan kakitangannya, kepakaran serta juga kewangan yang tentunya akan dapat mengelakkan pembaziran di samping menjimatkan perbelanjaan. Dari segi sosio-ekonomi pula, penubuhan LMSM akan membolehkan orang ramai dan industri yang berkaitan mendapat khidmat yang lebih sempurna kerana ianya diberikan oleh sebuah agensi secara bersepadu dan setempat.

Kesimpulannya, melalui fungsi-fungsi dan kuasa-kuasa yang diperuntukkan di dalam Rang Undang-undang Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1997 ini, LMSM yang akan ditubuhkan nanti dapat menjuruskan pembangunan industri minyak sawit negara dengan lebih berkesan dan selanjutnya menentukan bahawa industri ini terus memainkan peranan penting dalam kemajuan ekonomi negara menjelang abad ke-21 yang penuh cabaran dan persaingan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk memansuhkan Akta Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Pemerbadanan)

1976 dan Akta Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit 1979, untuk membubarkan Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit, Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit dan Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia untuk menubuhkan Lembaga Minyak Sawit Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dan untuk membuat peruntukan yang lebih baik berkenaan dengan industri kelapa sawit Malaysia dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato' Ghazi bin Haji Ramli.

4.03 ptg.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih banyak, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dan menyokong Rang Undang-undang Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1997 dan baru sahaja selesai disampaikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Sesungguhnya dengan penuh ikhlas saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah, sejambak bunga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana penyampaiannya semalam walaupun di akhir persidangan tidak melelapkan kerana amat menyegarkan dengan gaya, nada dan suara yang tersendiri, dengan penyusunan bahasa dan persembahan yang sungguh menarik termasuk pada hari ini. Oleh kerana itu saya hari ini tidak banyak hendak komen sebab penyampaiannya begitu menyeluruh. Cadangan pihak kementerian begitu bersepadu, nampak segala aspek-aspek yang terpenting diambil kira, perkembangan masa kini dalam negeri dan di luar negara telah diambil kira. Jadi nampak ruang untuk kita hendak komen dan dengan penuh rendah diri saya menyatakan susah hendak komen dalam perkara ini.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin juga meng'highlight'kan mungkin tidak diberi penekanan oleh Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri, mungkin ada di dalam perancangan tetapi untuk memuaskan pihak kita oleh kerana kita menyedari sepertimana yang disampaikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Industri ini begitu amat strategik sekali dalam kegawatan ekonomi yang serba mencabar saya rasa inilah peluang keemasan untuk keseluruhan rakyat, kerajaan dan swasta memberi tumpuan dan melihat ini sebagai golden opportunity, dengan izin. Untuk memperhebatkan aktiviti-aktiviti ekonomi mengikut penubuhan LMSM yang telah disampaikan.

Saya memang tertarik dan saya rasa ini merupakan di antara industri yang patut dilihat untuk jangka panjang. Saya mendengar penerangan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri umpamanya dari segi pembangunan secara bersepadu, aspek pengeluaran, proses, pembuatan, R&D, consultancy dan offshore aktiviti, semua sudah terangkum. Saya melihat bila dia menyebut tentang aspek makanan dan bukan makanan, terpanggil oleh saya dan terlintas di fikiran tentang bidang bioteknologi.

Mengikut pemahaman saya bidang ini adalah bidang masa depan yang akan mengambilalih bidang 'information technology', dengan izin. Oleh kerana itu, lagi sekali Malaysia dihadapkan dengan satu cabaran, apakah kita boleh melalui LMSM umpamanya menjadikan sebagai satu peluang untuk kita mendahului negara-negara lain dalam dunia. Walaupun terdapat persaingan kita mengakui tetapi kita mempunyai kekuatan dan perancangan untuk kita maju ke hadapan. Oleh itu saya inginlah mendapat penerangan lanjut ataupun cadangan di sini kalau belum ada supaya bidang R&D diberi pengkhususan yang lebih, diberi peruntukan yang lebih jika tidak cukup kerana memang R&D di mana-manapun kekurangan dalam negara khususnya dalam bidang bioteknologi.

Oleh kerana kalau kita tumpukan bidang bioteknologi yang akan datang - di masa depan, kalau kita tumpukan dalam bidang makanan umpamanya saya rasa kita tidak akan buat salah banyak kerana saya mengambil kira penyampaian oleh Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri mengatakan bahawa penduduk dunia juga akan meningkat. Tahun 2020 sehingga 8.2 bilion orang, jadi kalau meningkat sampai 8.2 bilion orang, orang hendak makan cara yang lebih canggih, cara yang lebih sihat, cara yang lebih terkawal dari segi penyakit dan sebagainya.

Oleh kerana itu rancangan R&D sepatutnya menumpukan pada teknologi dan strategi. Strategi yang boleh diambil umpamanya katakanlah masa kini yang dibincangkan sendiri oleh Dewan yang mulia ini yang 'the famous', dengan izin, viagra. Mengapa viagra dijadikan satu tajuk hangat di merata dunia, semua kita sudah tahu saya tidak bercadang hendak cerita. Apa yang hendak saya tekankan ialah mengapa tidak tajuk 'viagra' ini sendiri dijadikan tajuk untuk dijadikan research dengan begitu mendalam.

Melalui kaedah bioteknologi dan sebagainya supaya kita akan dapat melahirkan melalui LMSM ini satu benda yang boleh dipanggil 'polagra' ataupun apa sahaja yang dapat dijadikan bahan keluaran LMSM yang pertama berlandaskan teknologi. Ini merupakan satu cabaran kepada LMSM, saya ingin mendapat laporan balik dalam masa depan supaya LMSM mengambil kira ini dengan serius dan kita ingin mendapat maklum alas sama ada mereka merancang R&D ini secara lebih strategik.

Tuan Yang di-Pertua, saya menekankan ini sebab saya dengar banyak cerita daripada institusi pengajian tinggi umpamanya yang sememangnya diwujudkan di antara lain selain daripada menyampaikan ilmu sebagai gedung ilmu kepada pelajar-pelajar, penuntut-penuntut ia juga bertanggungjawab untuk membuat R&D, (Research and Development) Penyelidikan dan Pembangunan.

Tetapi umum mengetahui institusi pengajian ini tidak begitu cemerlang adalah sebabnya begitu juga dengan Institusi Kaji Selidik yang diwujudkan oleh kerajaan sendiri. Di antaranya ialah mereka agak terlalu jauh jurang pendekatan dengan pemasaran, dengan 'market', dengan izin. Oleh kerana itu, pernah saya bercakap dalam Dewan yang mulia ini cuba hubung kaitkan R&D, institusi pengajian tinggi dengan pasaran. Sekarang relevannya ada, saya ingin cadangkan kalau memang sudah ada perancangan supaya diperhebatkan lagi oleh LMSM dan saya rasa inilah yang agaknya nombor satu kalau wang telah dibelanja untuk research has ilnya tidak berapa.

Keduanya, kadang-kadang terdapat peruntukan penyelidikan pembangunan ini oleh beberapa kementerian yang tidak terpakai. Saya ingin mencadangkan pada

pihak kementerian oleh kerana saya terpegun dan terpikat dengan cadangan LMSM oleh 'the great salesman', Dato' Hishamuddin, Dato' Timbalan Menteri. Kini saya rasa kita boleh melihat luas dalam bidang R&D peruntukan yang banyak itu di kementerian yang lain.

Saya percaya dia lebih mengetahui daripada saya tetapi saya tahu ada kementerian lain yang dahagakan projek-projek supaya digunakan wang peruntukan R&D. Oleh kerana bidang ini bidang strategik dan mereka ada satu badan yang baru ditubuhkan dan begitu bersepadu, begitu lengkap, jadi saya rasa patut buat itulah. Itu yang saya hendak sebut.

Tuan Yang di-Pertua, Dato' Timbalan Menteri dalam penyampaiannya juga menyebut tentang industri antarabangsa tentang galakan pihak kementerian supaya syarikat-syarikat swasta kita sendiri membuka ladang di luar negeri. Malah disenaraikan tadi Indonesia, Filipina, Solomon Island, Papua New Guinea, Loas dan sebagainya, ada banyak lagi.

Saya ingin mengetahui, saya tahu khususnya negara Indonesia umpamanya, saya ingin mendapat penerangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berapa banyakkah syarikat yang betul-betul melabur di sana dalam bidang kelapa sawit, berapa luas, pelaburannya banyak mana dan apakah progresnya sekarang? Tuan Yang di-Pertua, saya rasa agak concern, dengan izin kerana perkembangan di Indonesia sekarang agak begitu mengerikan. Jadi kita tidak tahu apakah kesan dari segi pelaburan ini.

Kita agak concern dengan pelabur-pelabur kalau hajatnya baik dan kalau dalam keadaan yang susah, apakah langkah-langkah pihak kementerian untuk memberi pertolongan dengan jalan apa sekalipun supaya pelaburan mereka yang baik dan strategik itu akan dapat terkawal dan terjaga supaya hasil baik itu akan dapat dimanfaatkan oleh kita bersama.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat bersetuju dengan langkah kerajaan untuk langkah-langkah promosi yang disebut sebagai Majlis Promosi atau Galakan Minyak Sawit Malaysia. Saya rasa di sini jugalah kita tahu mengikut rekod usaha telah banyak dibuat dan dalam masa yang beginilah pada saya, saya tidak penat

untuk menyebut bahawa kalau kita hubung kaitkan dengan bidang teknologi Internet yang begitu amat hebat, dengan bidang teknologi e-commerce (Electronic Commerce) yang begitu hebat yang kita tahu dari segi focus, dengan izin masa depan akan begitu amat hebat sekali. Trillion of dollars, dengan izin yang kata perniagaan yang hendak dijadikan, yang hendak disalurkan melalui Internet atau lebih khususnya e-commerce (Electronic Commerce) dengan izin.

Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya selain daripada menjalankan aktiviti yang telah pun dibuat kalau ada unit khusus, aplikasi-aplikasi I.T yang dibuat oleh LMSM ini supaya dapat kita berkembang bersama dari segi kemajuan dan mencapai hasrat. Pada saya, kewujudan LMSM amat tepat dan kena pada masanya, perancangannya begitu rapi oleh kerana itu kalau kita selaraskan juga dengan teknologi terkini dan insya-Allah kita akan dapat lebih berjaya dan menepati segala yang kita hendak capai. Tuan Yang di-Pertua, sekian saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta, Yang Berhormat Tuan Long.

4.16 ptg.

Tuan Long bin Jidin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya turut ingin membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1997. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan bahasa yang bergaya, saya seolah-olah tidak ada benda hendak komen. Tetapi walau bagaimanapun negara kita Malaysia dengan tanah yang subur mempunyai tanaman kelapa sawit seluas 2.62 juta hektar yang mana mampu mengeluarkan minyak sawit sebanyak 8.3 juta tan metrik bagi tahun 1996.

Itu menunjukkan keluasan dan keluaran minyak sawit terus meningkat di antara tahun ke tahun dan ini melambangkan betapa potensinya industri ini hingga penubuhan PORIM dan PORLA dan sekarang disatukan dengan nama Lembaga Minyak Sawit Malaysia. Kejayaan yang telah dihasilkan oleh PORIM di bawah pentadbiran Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Basir bin Ismail telah menghasilkan berbagai produk seperti keju, coklat, serbuk aiskrim, marjerin, bebas bahan kimia fitin, asid fitik, mio-inositol dan lain-lain bahan hiliran.

Kesemua bahan produk ini boleh dikomersialkan dan mempunyai nilai tambah yang tinggi selain dari minyak sawit mentah, minyak sawit diproses dan minyak isirong sawit. Seajar dengan perkembangan Multimedia Super Corridor, PORIM tidak ketinggalan dalam pangkalan datanya iaitu palm OILIS, palm GENES dan penyebaran maklumat melalui homepage PORIM di Internet. Syabas, saya kepada PORIM dan kejayaan ini terbukti dengan penerimaan Anugerah MPKSN, Institut R&D Terbaik dan juga Anugerah Kualiti Perdana Menteri 1996, tahniah sekali lagi pada PORIM.

Tuan Yang di-Pertua, penyatuan PORIM dan PORLA yang akan mencerakinkan antara pembangunan, penyelidikan dan penguatkuasaan melalui pendaftaran pelesenan di bawah satu agensi akan memudahkan pelanggan yang berurusan dengan Lembaga. Kuasa di bawah Lembaga diperluaskan termasuk pelaburan asetnya, pemberian pinjaman dan penubuhan perbadanan.

Dengan pelbagai aktiviti ini saya yakin pekebun-pekebun kecil akan mendapat faedah dan manfaat dari penanaman semula kelapa sawit seperti yang diamalkan seperti industri getah melalui RISDA. Semasa PORIM beroperasi dahulu di dalam bidang penyelidikan tertumpu kepada bidang-bidang biologi, kimia dan teknologi, tekno-ekonomi, khidmat nasihat teknikal dan terdapat beberapa penemuan dan olahan baru oleh saintis-saintis dan saya ucapkan sekali lagi tahniah.

Walau bagaimanapun, penggunaan ilmu dan penemuan baru ini tidak dapat dikibarkan kepada pekebun-pekebun kecil kelapa sawit secara meluas. Beberapa isu yang sering dialami oleh pengusaha sawit adalah kos pengeluaran setiap tan sawit terus meningkat dari masa kesemasa. Kos dan kekurangan tenaga buruh yang turut terlibat, saya mencadangkan selain penggunaan jentera teknologi, biologi melalui penggunaan kerbau contohnya dalam pengangkutan buah sawit diikuti dengan merumpai secara intensif dan pembajaan dapat ditampung sedikit melalui bahan buangan najis ternakan tersebut. Kaedah ini dapat mengurangkan kos dan peningkatan produktiviti per hektar tanah.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang lazimnya diperkatakan oleh peneroka dan pengusaha sawit adalah berkaitan dengan kadar perahan minyak sawit ataupun OER. Buat masa ini kadar perahan terbaik hanya 22.54% sahaja, mengikut kajian didapati kekurangan buruh, penggunaan buruh kurang mahir, pengurusan mutu penuaian buah sawit dan pungutan buah lerai yang kurang memuaskan telah melibatkan penurunan kadar perahan. Jentera pengilangan baru dan lama juga memberi kesan kepada kadar perahan.

Saya mencadangkan satu sistem pengurusan manusia dan logistik yang standard perlu dirangka dan dipraktik dalam industri bagi mencapai kadar perahan piawai yang tinggi. Kitaran yang mudah dan murah masa kegawatan ekonomi seharusnya penggunaan bahan tempatan seperti pembajaan melalui bahan buangan tandan dan pelepah sawit harus digunakan. Penggunaan baja kompos ini dapat mengurangkan import baja kimia yang mahal, ia juga boleh dipasarkan kepada penanaman produk hasil tani yang lain dengan kadar yang murah.

Kegunaan pelepah sawit boleh dicampur dengan PKC dan PKE untuk dijadikan palet. Formulasi ini boleh diganti dengan import jagung yang banyak selain formulasi pemakanan ternakan untuk kegunaan ruminan, seharusnya ia juga mewujudkan kajian makanan untuk akuakultur seperti ikan yang mana makanannya secara total diimport.

Tuan Yang di-Pertua, kegunaan batang sawit untuk papan gentian, MBF dan pulpa khas untuk penghasilan perabot walaupun kita dengar mempunyai penemuan yang membanggakan tetapi penggunaan dan pemasarannya masih terhad. Banyak kelihatan batang sawit ditebang, dibuang dan dibakar begitu sahaja. Saya mencadangkan Lembaga dapat mengepalai estet-estet dan pekebun kecil kelapa sawit bagi memperkenalkan dan mempraktikkan projek integrasi ternakan seperti ternakan lembu dan rusa untuk meningkatkan keluaran daging negara yang mana kita sekarang ini mengimport lebih kurang melibatkan RM400 juta.

Dengan projek integrasi ini kita mampu boleh menyediakan lebih kurang 2 juta ternakan kalau semua ladang kelapa sawit ini digunakan untuk projek integrasi. Teknologi pembinaan jalan dengan penggunaan kulit biji sawit seandainya ia

menjimatkan boleh membantu pembinaan jalan luar bandar yang tidak mencacatkan ekologi dengan meruntuhkan bukit-bukit tanah merah dan batu-batu kelikir. Isu berikutnya terdapat banyak kos kecurian buah-buah sawit berlaku dalam ladang, jadi saya mencadangkan satu sistem pelesenan bagi pembeli dan penjual melalui satu daftar pengeluaran ladang mengikut saiz ladang masing-masing dan kawalan harga pembelian di kilang perlu diwujudkan. Kawal selia yang ketat pengkompaunan kesalahan, pendakwaan dan diikuti dengan kecukupan pegawai penguatkuasa, saya yakin masalah ini mampu diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, agensi yang hakiki dan pakar sahaja seharusnya bertanggungjawab kepada sesuatu komoditi contohnya RISDA selain komoditi getah, mereka juga terlibat dengan penanaman semula dusun dan kelapa sawit. Oleh kerana kepakaran dan input yang kurang akhirnya pekebun-pekebun kecil yang menjadi mangsa dan menanggung hutang. Satu sistem tanggungjawab ataupun perjanjian perlu diwujudkan bagi meletakkan kesilapan dan tanggungan perlu seimbang di antara tuan punya tanah dan pemaju perlu diwujudkan.

Saya mencadangkan Lembaga dapat mengkaji sistem penanaman dan tanggungjawab seperti ini. Melalui MSC dan Internet iaitu palm OILIS dan palm GENES merupakan pusat sumber bagi golongan yang dianggap elit dan mampu menggunakan sistem terkini. Manakala pengusaha usahawan kecil tidak mampu keluar dari kepompong tradisional mereka kecuali agen-agen perkembangan turun padang bagi penyampaian teknologi dan penanaman terkini. Saya melihat kerajaan telah pun membelanjakan RM52.1 juta atau 97.57% dari keluaran perbelanjaan tahunan PORIM dan RM12.49 juta dibelanjakan melalui Program IRPA dalam tahun 1996.

Penghasilan sebanyak 256 kertas saintifik dan teknologi tetapi hanya 12 teknologi sahaja yang ditawarkan untuk dikomersialkan. Kemanakah hilangnya penemuan-penemuan lain-lainnya? Adakah ianya menjadi kerugian, kita mewujudkan satu sistem birokrasi yang menyimpan dan sulit hingga kajian tersebut jadi lapuk dan tidak berguna lagi.

Program uji dan guna perlu diterapkan bagi menilai kelemahan dan kekurangan kajian saintifik bagi penemuan inovasi baru. Ujian dan kajian perlu disemai dan dibaja supaya ianya hidup dan berbuah dan dapat dinikmati oleh ramai usahawan bagi meningkatkan produktiviti setiap produk yang diceburi. Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan satu sistem maklumat ilmu yang merupakan pusat sumber perlu dibuka seluas-luasnya kepada usahawan tani tempatan, kemajuan dan petani kecil dan menguntungkan Lembaga dalam penambahan kutipan ses pelaburan sebegini sering dilupakan oleh agensi gergasi sehingga ada pepatah 'kera di hutan disusu, anak di riba mati kelaparan.

Dalam pasaran terbuka, kos buruh yang kompetitif saya mencadangkan satu sistem pengurusan terkini perlu dilakukan secara terus-menerus dan mengurangkan kos pengerluan bagi menjamin komoditi ini mampu bersaing di peringkat antarabangsa. Dan saya juga menyokong tindakan kerajaan melabur dalam industri ini di luar negara. Akhirnya saya turut menyokong undang-undang Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1997. Sekian, terima kasih.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, sila berucap.

4.26 ptg.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun bagi menyokong rang undang-undang ini. Ada mempunyai 8 bahagian dan meliputi 92 Fasal yang telah pun dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang begitu teliti dan teratur, saya tidak ingin mengambil masa yang panjang kerana saya rasakan kita masih mempunyai banyak lagi bil untuk diluluskan. Kita mempunyai saya rasa, tidak silap ada enam bil lagi. Jadi masa hanya ada dua hari, hari ini dan esok. Saya tidak tahulah sama ada benda ini dapat habis dalam masa tertentu ataupun tidak.

Walau bagaimanapun bagi mengambil bahagian dalam perbahasan ini agar tidak diperkatakan oleh pihak akhbar bahawa rang undang-undang ini tidak dibahaskan kerana saya lihat baru ini tentang Rang Undang-undang Pleneterium yang ada Ahli Dewan ini bangun akan tetapi tercatat dalam akhbar amat menyedihkan bahawa rang undang-undang itu tidak dibahaskan langsung. Jadi biarlah kita bangun untuk membahaskan semua rang undang-undang ini dengan begitu teliti.

Saya ingin mengambil perhatian bahawa dalam rang undang-undang ini terdapat mengenai ses. Ses ini merupakan kutipan yang amat penting untuk menjana organisasi ini terutama Lembaga Minyak Sawit Malaysia. Tanpa ses saya rasa amat sukar untuk pihak kerajaan memberi peruntukan pada tiap-tiap tahun. Akan tetapi bak kata rakan saya tadi, Yang Berhormat Tuan Long bin Jidin bahawa,

jangan lupa, dalam kita menyelidik dan mengkaji segala-gala bentuk yang baru kita terlupa, terlupakan masyarakat-masyarakat tani yang tinggal di luar bandar, yang mengharapkan 10 ekar atau 5 ekar kelapa sawit. Mereka ini juga perlu dibantu dalam apa segi sekalipun. Seperti dahulu kalau kita mengutip cukai ses getah yang mana pada masa itu ses getah ini dikutip semasa penjajah masih lagi berada di negara kita, wang ses ini digunakan dengan begitu baik untuk membangunkan industri getah dan menanam semula getah dan sebagainya. Saya berharap Lembaga ini tidak lupa bahawa peruntukan untuk menanam semula daripada kelapa sawit ini mendapat bantuan daripada ses ini. Walaupun keseluruhan R&D akan dibiayai oleh ses.

Dan lagi satu yang saya ingin menarik perhatian bahawa apabila tiap-tiap satu kesalahan didenda sebanyak RM100,000 terutama dalam Fasal 69(1) ini:

“69(1) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan secara nyata, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan dalam tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali”.

Akan tetapi di dalam Fasal 71 diberi hak kepada Ketua Pengarah untuk mengkompaunkan penalti ini yang mana kita memperuntukkan RM100,000 kesalahan ini diberi hak kepada Ketua Pengarah untuk mengkompaunkan kesalahan-kesalahan yang berlaku. Apa yang membimbangkan kita bahawa kesalahan ini kalau dikenakan panalti RM100,000 maknanya kesalahan ini amat berat. Dan kita harus membanteras daripada sekarang penyeludupan dan sebagainya. Akan tetapi apabila kita beri hak kepada Ketua Pengarah untuk membubuh kompaunnya, berapakah anggaran kompaun yang layak dibubuh sedangkan saya rasa RM100,000 ini, peruntukan yang agak tinggi. Kerana dalam kesalahan lalu lintas jalan raya misalannya kalau sekiranya denda itu lebih tinggi atau kesalahannya lebih berat memang tidak ada kompaun. Terutama dalam akta lalu lintas bahawa kalau satu kenderaan yang berlesen menggunakan permit pengangkutan perniagaan, memang tidak biasa dikompaun, terus sahaja ke mahkamah. Mahkamah menentukan denda. Saya risau, saya bimbang di sini ada

satu tolak ansur dan jelas sekali di dalam ini pun ada ayat-ayat tertulis bahawa terpulang kepada Ketua Pengarah itu menentukan, berapakah jumlah-jumlah yang boleh dikompaun. Mungkin masa itu kawan atau sahabat, saudara-mara terkena kesalahan, padahal RM100,000 tidak apalah kerana kawan dengan saudara, kurangkan sedikit mungkin RM100, RM200 kompaun juga.

Akan tetapi kita terbaca di dalam undang-undang ini RM100,000 merupakan peruntukan yang besar. Saya rasa ayat kompaun ini tidak boleh dipakai ataupun kita beri had, berapakah kuasa Ketua Pengarah untuk memberi hak kepada dia untuk membubuh kompaun yang sepatutnya. Kita kena ada guideline, dengan izin jangan kita tidak ada panduan yang khusus untuk menentukan berapakah jumlahnya?

Katakanlah satu kesalahan, menyeludup, katakanlah satu lori bawa benih kelapa sawit ke negara jiran. Mengikut kesalahan Fasal 69 ini jelas, RM100,000 dan 2 tahun penjara akan tetapi di situ ada perundingan. Fasal 71(2) bahawa semua tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan dilakukan. Satu tawaran. Jelas 71 (2). Kita boleh tawar-menawar di antara Ketua Pengarah dengan orang yang bersalah. Kalau kata Ketua Pengarah RM50,000 dia kata "Tuan, saya tidak boleh bayar RM50,000 ini, saya bayar RM1,000 bolehkah? Saya meniaga pun merosot, lori pun tidak bayar cukai dan semuanya. Saya minta kurang". Jadi di situ, boleh mengelirukan, boleh menimbulkan tanda persoalan dan boleh menggalakkan rasuah berlaku. Bukanlah saya hendak tuduh Ketua Pengarah Lembaga ini akan rasuah nanti, tidak. Akan tetapi akan berlaku rasuah. Kita hendak elakkan perkara ini berlaku. Saya harap pihak kementerian dan pegawai-pegawai yang berkenaan dalam menyusun ini, haruslah berhati-hati supaya tidak ada ruang-ruang atau loophole yang boleh lulus.

Satu lagi perkara yang jelas di sini, kita lihat ses. Ses lain. Apabila lari sahaja ses ia tidak ada kompaun. 10 kali ganda pun ses kena bayar atau denda 10 kali. Katalah dia larikan cukai ses melalui eksport dan sebagainya, katakan RM10,000, 10 kali ganda. Maknanya RM1 juta dia kena bayar. Di situ memang patut, kalau dia lari kita kenakan denda dalam mahkamah.

Lagi satu saya ingin mengingatkan pegawai, saya rasa pihak Timbalan Menteri dia baca sahaja, tetapi pihak pegawai - semalam Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki ada membuat teguran di Dewan yang mulia ini bahawa kadang-kadang ayat dan perkataan ini kena jelas. Saya tidak mahulah ungkit satu persatu. Walau bagaimanapun saya setuju pada rang undang-undang ini. Ada perkataan-perkataan sepatutnya tidak boleh digunakan oleh pegawai itu dalam ini iaitu - sikit sahaja saya hendak sentuh iaitu bunga. Janganlah bubuh bunga, bubuhlah faedah.

Bunga ini saya rasa kalau lazimnya pada orang-orang Islam, 'bunga' buruk sangat bunyi. Yang selalu pakai bunga ini, saya minta maaf lah ceti yang pakai. Kalau bank, institusi kewangan dan sebagainya dia tidak pakai bunga, dia pakai faedah. Itu satu sahaja, satu kesimpulan yang ringanlah. Ada ayat-ayat yang perlu disusun dengan baik dan perkataan-perkataan yang baik supaya di dalam Dewan ini tidak begitu ambil kira tetapi apabila sampai ke dalam mahkamah, siapa yang lawyer tahulah [*Ketawa*]. Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri lebih faham bahawa apabila sampai dalam mahkamah selalu peguam mencari ruang-ruang yang boleh dia telus. Kadang-kadang sebab satu ayat, orang boleh lepas. Jadi berhati-hati pada pihak yang membuat rang undang-undang ini supaya perkara ini tidak ada ruang-ruang atau loophole yang dapat ditembusi apabila berlaku sesuatu masalah mengenai rang undang-undang ini. Jadi saya tidak mahu berucap panjang pada kali ini. Dengan itu saya menyokong rang undang-undang ini dan sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Hashim bin Safin.

4.35 ptg.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang LMSM 1997 ini yang telah pun dibentang oleh Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri di Kementerian Perusahaan Utama, di mana saya berada jauh di bawah kementerian ini. Pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada Timbalan Menteri yang telah membentangkan dan seperti yang telah dirumuskan rang

undang-undang ini bertujuan untuk memudahkan , mengelakkan dari pertindihan dan sebagainya untuk memastikan kuasa Lembaga itu dapat dipermudahkan demi mencapai matlamat. Memang Lembaga adalah satu-satunya saluran yang efektif untuk memastikan tujuan kita, tujuan kerajaan, khususnya dalam hal kelapa sawit ini dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan untuk mendapat penjelasan atau kepastian beberapa perkara di dalam akta ini. Pertamanya mengenai keanggotaan Lembaga di mana di bawah Fasal 6 bahawa kuasa Menteri melantik sama ada pengerusi, seorang wakil Kementerian Kewangan, wakil Ketua Setiausaha Kementerian, seorang wakil Perbendaharaan, seorang wakil kementerian yang dipertanggungjawabkan, seorang wakil Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan yang saya hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri ialah wakil yang bermula daripada (f) iaitu seorang wakil sektor pertubuhan kecil industri kelapa sawit; (g) dua orang wakil pengeluaran kelapa sawit; (h) seorang wakil pengilang minyak sawit; (i) seorang wakil penapis minyak sawit; (j) seorang wakil industri oleokimia,; yang (k) empat orang dilantik oleh Menteri - itu saya tidak berapa ragu dan faham. Yang wakil-wakil dari (g) sampai ke (j) itu saya ingin mendapat kepastian, apakah wakil itu dipilih oleh industri kelapa sawit. Katalah beberapa pekebun kecil di Johor, Kelantan, Terengganu dan sebagainya mempunyai perwakilan mereka dan memilih wakil mereka menyebabkan Menteri hanya menerima pelantikan yang dipersetujui oleh para perwakilan pekebun kecil dan begitulah wakil-wakil pengilang ataupun penapis minyak, apakah diputuskan oleh atau di kalangan mereka. Kerana saya hendak pastikan perkara ini kalaulah Menteri terpaksa menerima perwakilan yang dipilih oleh wakil mereka saya bimbang, takut menjadi masalah di dalam Lembaga kerana pernah suatu ketika Lembaga tertentu yang menghadapi wakil yang dipilih oleh perwakilan mereka sehingga Menteri hanya mengesah perlantikan di mana kadang-kadang memberi masalah kepada kerajaan kalau wakil itu tidak sealiran dengan pemikiran pihak kerajaan.

Pengalaman ini saya rasa Yang Berhormat Menteri sendiri sudah cukup alami dengan satu lembaga di bawah kementerian beliau dan lembaga itu alhamdulillah telah dapat diselesaikan kerana

kesemua wakil itu dilantik oleh Menteri dan ditunjuk oleh Menteri. Ini saya mahu dapat kepastian, kalaulah wakil-wakil itu, dipilih oleh wakil mereka, saya ingin mencadangkan biar pastikan Menteri yang menunjuk wakil pekebun kecil, Menteri yang menunjuk wakil pengilang kelapa sawit, Menteri yang menunjuk wakil penapis minyak dan Menteri yang menunjuk wakil industri atau memilih sendiri supaya tidak ada kegawatan di dalam lembaga, bila bermesyuarat kerana ada pernah berlaku satu ketika Menteri terpaksa merayu-rayu kepada lembaga kerana beberapa perwakilan lembaga yang keras kepala, tunjuk besar kepala, tidak hirau kepada Menteri kononnya di atas dasar bebas, demokrasi dan hak. Saya rasa kepada golongan-golongan ini jangan dibiarkan kepada lembaga untuk memastikan lembaga ini berjalan lancar.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua saya ingin sentuh, ingin tahu dari Yang Berhormat Menteri saya rasa ada perbezaan pendapat sedikit. Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Menteri, pendapat Yang Berhormat tadi, saya rasa lebih baik kita banyak menggunakan kompaun daripada membawa kes ke mahkamah kerana berdasarkan pengalaman saya sendiri di bawah satu lembaga kadang-kadang kalau ke mahkamah ini mengambil masa yang terlampau panjang, prosedur yang kadang-kadang meragui akhirnya kes kita ditolak dan memalukan lembaga. Bila ada kuasa kompaun kepada Ketua Pengarah ataupun pihak pegawai ianya mudah untuk memastikan, untuk 'mencekik' ataupun apa-apa bahasa yang kita boleh guna supaya pihak pengusaha itu tahu. Saya dapati kompaun yang diberi kepada Ketua Pengarah tidak melebihi 50% itu sudah mencukupi, buat lagi, kompaun lagi, apa sahaja boleh berdasarkan rekod tidak cekap, buku tidak tulis apa pun, saya rasakan berdasarkan ini sudah cukup untuk lembaga ataupun Ketua Pengarah mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Long bin Jidin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Tuan Long bin Jidin minta laluan.

Tuan Long bin Jidin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat 'mencekik' itu untuk membunuhkah, untuk mengajar?

Datuk Haji Hashim bin Safin: 'Mencekik' untuk mengajar kerana ada disatu lembaga seorang Ketua Pengarah yang saya ada hubungan, berpengalaman, bila kita 'cekik' akhirnya dia tidak mahu buat lagi. Misalnya dalam soal penyeludupan, penyeludupan kalau kita hendak bawa ke mahkamah, penyeludupan barang itu daripada Siam (Thailand) ataupun sebaliknya. Benda itu lebih kurang sama, mana mahkamah boleh buktikan benda yang sama, kelapa sawit Thailand kelapa sawit Malaysia pun lebih kurang sama, pergi mahkamah, mahkamah kata bagaimana hendak bukti, kimia pun kimia sama, cium bau pun sama, akhirnya tolak, malu. Kita 'cekik' dan rekod, tahan, denda RM100,000 bagi RM50,000, buat lagi, 'cekik' lagi, bagi RM50,000, akhirnya tidak buat, selesai. Dalam masalah ini saya mencadangkan atau barangkali Ketua Pengarah yang akan dilantik akan memilih cara inilah, kompaun. Soal penyelewengan Ketua Pengarah yang dilantik oleh Menteri, nampak unsur-unsur penyelewengan, yang patut kompaun RM50,000, RM40,000 dia kompaun RM4,000 boleh kita tahulah, saya rasa tidak ada masalah.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara ketiga yang ingin saya mendapat penjelasan sebab saya tidak berapa cerap, tidak berapa pasti mengenai pekebun-pekebun kecil. Apakah kepada pekebun kecil ini, walaupun ada beberapa peruntukan di bawah *Fasal 78 (1) Menteri boleh membuat peraturan bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:*

78(1)(g) mengadakan peruntukan bagi pendaftaran kontrak yang berhubungan dengan penjualan dan pembelian keluaran kelapa sawit dan butir-butir kontrak itu.

Saya tidak pasti dari segi galakan kepada pekebun kecil, apakah kepada pekebun kecil ini dihad kouta atau jumlah kawasan yang boleh ditanam dan jumlah pengeluaran boleh diberi dan mutu-mutu kelapa sawit yang boleh dikeluarkan atau gred-gred A, B, C, D dan sebagainya boleh dikeluarkan oleh pekebun-pekebun kecil. Cuma saya ingin kalau boleh dicadangkan setelah ada penyelidikan yang baik di institut yang di bawah lembaga, pusat latihan, R&D dan sebagainya. Saya ingin mendapat kepastian apakah kementerian ingin menggalakkan perkembangan di kalangan pekebun-pekebun kecil kelapa sawit kerana ini boleh membantu banyak keluarga di kawasan luar bandar yang memang sudah barangkali melihat kelapa sawit sebagai satu perkara yang memajukan negara khususnya di kawasan-kawasan di pinggiran FELDA di mana mereka terlibat dalam proses penanaman, proses pembajaan, proses pengambil buah dan proses bekerja di kilangan minyak dan sebagainya. Kalau kouta itu dapat diberikan kepada pekebun-pekebun kecil lebih banyak barangkali ini dapat menggerakkan kemajuan masyarakat luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah beberapa perkara yang saya ingin mengambil kesempatan dan lagi sekali saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri di kementerian yang saya berada di bawahnya saya juga rasa turut bangga seorang Timbalan Menteri muda yang berkebolehan untuk terus mara ke hadapan, insya-Allah mudah-mudahan, dengan itu saya mohon menyokong pembentangan pindaan Rang Undang-undang LMSM 1997 ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di -Pertua: Yang Berhormat Tuan Tan Ek Huat.

4.48 ptg.

Tuan Tan Ek Huat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini membahas Rang Undang-undang Lembaga Minyak Sawit Malaysia. Kita amat bangga dan kita amat bersyukur dan bernasib baik kerana kita telah dikurniakan satu tanaman oleh Tuhan, satu tanaman yang begitu bernilai yang dapat membantu negara kita terutamanya pada masa kegawatan ekonomi ini.

Pada tahun 1997 keluasan tanaman kelapa sawit kita adalah 2.82 juta hektar dan eksport minyak kelapa sawit negara kita pada tahun 1997 adalah telah mencapai RM12.76 bilion iaitu telah melebihi nilai eksport minyak mentah petroleum dan kita telah mengawasi 65% daripada pasaran dunia dalam minyak kelapa sawit. Maka penubuhan Lembaga Minyak Sawit Malaysia pada masa ini adalah wajar walaupun selepas 40 tahun agak lambat sedikit, tetapi saya rasa memadailah pada masa ini.

Penggabungan PORLA dan PORIM di mana PORLA kita tahu adalah satu badan perlesenan dan PORIM adalah satu badan penyelidikan merupakan satu langkah yang bijak yang diusahakan oleh Kementerian Perusahaan Utama. Dengan adanya lembaga ini kerja-kerja memajukan dan membangunkan industri kelapa sawit akan lebih berkesan dan akan lebih berkesinambungan jika dibandingkan dengan masa-masa dahulu. Dan usaha-usaha kerajaan yang utama untuk membantu rakyat kita terutamanya pekebun-pekebun kecil dan pihak-pihak yang terlibat dalam sektor ini amat baik sekali. Dengan adanya lembaga ini, walaupun sebelum kita adakan lembaga ini kita hendak menjadi 'number one' dalam pasaran minyak kelapa sawit dan saya haraplah kedudukan ini akan dikekalkan sebab Malaysia selalu hendak 'number one' saya harap dikekalkan, sebab pada masa itu kita ada 'number one' getah, 'number one' bijih timah dan kedua-dua ini telah hilang, tinggal satu sahaja 'number one' kelapa sawit, saya harap kementerian kita dengan adanya lembaga ini akan berusaha supaya kita kekal 'number one' pada masa-masa akan datang.

Di sini saya hendak bangkitkan satu perkara mengenai anggota lembaga dalam rang undang-undang ini Bahagian II *Fasal 6 (f) seorang wakil sektor pekebun kecil industri kelapa sawit*. Saya rasa ini tidak begitu adil kepada pihak pekebun kecil, bagi saya, saya berbesar hati mencadangkan bahawa bilangan wakil pekebun kecil ditambah satu lagi. Ini berdasarkan kepada angka atau maklumat yang diberi oleh Kementerian Perusahaan Utama.

Semenjak skim penstabilan harga minyak masak di pasaran tempatan dilaksanakan mulai 16 Disember 1997 hingga 31 Mac 1998 jumlah ses yang dikutip bagi maksud membiayai skim ini ialah RM81.6 juta. Daripada jumlah ini sumbangan dari pekebun kecil adalah RM38.2 juta iaitu bersamaan dengan 46.8% maka ini lebih kurang 50%. Pada pandangan saya wakil dari pekebun kecil seharusnya sama dengan 2 orang wakil pengeluar kelapa sawit yang lain, saya harap cadangan ini dapat diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa bagaimana efisien atau proaktif Lembaga Minyak Sawit Malaysia ini tetapi satu masalah yang kita hadapi pada masa sekarang yang selalu juga disebut oleh Yang Berhormat Menteri kita iaitu kekurangan pekerja di sektor ini. Ada satu masa Yang Berhormat Menteri kita telah menyatakan sektor ini memerlukan 60,000 pekerja di ladang-ladang kelapa sawit dan disebabkan kekurangan pekerja ini telah menyebabkan kerugian yang besar sebab buah-buah kelapa sawit tidak dapat dikutip pada masa yang ditetapkan. Kita tahu bahawa kerajaan telah beroperasi memindah pekerja asing dari sektor lain terutamanya sektor pembinaan ke sektor perladangan, tetapi setakat ini setahu saya perpindahan kerja ini tidaklah memuaskan, matlamat ini tidak tercapai maka terdapat banyak lagi estet dan juga tempat-tempat penanaman kelapa sawit kekurangan pekerja. Maka saya harap keadaan ini akan berubah dan menjadi lebih baik pada bulan lapan tahun ini di mana perpindahannya akan lebih giat lagi untuk memenuhi kekurangan pekerja-pekerja yang ada di sektor kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang ingin saya sentuh di sini iaitu semasa dua agensi kerajaan digabungkan mungkin timbullah masalah dalam penggajian bagi kakitangannya dan kita tahu

selalunya akan timbul masalah di mana kakitangan tersebut bila masa untuk naik pangkat (promotion) dalam perkhidmatan mereka. Saya harap lembaga ini akan mengambil perhatian dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa setakat ini pekebun kecil kelapa sawit tidak pernah diberi skim tanaman semula. Memandangkan keadaan sekarang memang tidak perlulah, tetapi saya cadangkan kerajaan mesti menyediakan satu skim tanaman semula kerana kita tahu kalau harga kelapa sawit turun seperti pada tahun 80-an maka pekebun kecil kita akan menghadapi masalah kewangan. Kalau mereka menanam semula tanaman mereka tanpa sebarang pendapatan untuk keluarga mereka ini akan menimbulkan masalah kepada mereka. Maka saya di sini dengan besar hati memohon supaya kementerian akan mempertimbangkan cadangan ini supaya skim tanaman semula sentiasa bersedia terutamanya bila harga kelapa sawit itu turun pada satu tahap yang akan mendukacitakan kita terutamanya pada tahun 80-an. Dengan kata-kata itu saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri menjawab.

Tuan Tee Thiong Hock: *[Bangun]*

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Sorry Yang Berhormat, saya tidak nampak, sila Yang Berhormat Tee Thiong Hock.

4.56 ptg.

Tuan Tee Thiong Hock: Minta maaf dan terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri di sini untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1997.

Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk memansuhkan akta-akta berkenaan 1976 dan 1979 dan untuk membubarkan lembaga-lembaga berkenaan dan juga menubuhkan Lembaga Minyak Sawit Malaysia, itu adalah tujuannya. Saya telah pun membaca rang undang-undang ini dengan teliti kerana saya pernah bekerja di bidang ini selama 15 tahun sebelum saya jadi ahli politik. Saya rasa dengan menubuhkan suatu Lembaga Minyak Sawit Malaysia, we're heading for a new era, dengan izin, satu era baru kerana kelapa sawit ini cukup mustahak, ia adalah satu tanaman emas untuk negara kita, tadi Yang Berhormat yang lain pun telah cakap.

Saya rasa selain dari menubuhkan Lembaga Minyak Sawit Malaysia ini khasnya ia dapat melicinkan kerja-kerja aktiviti-aktiviti penyelidikan dan juga

mengadakan satu sistem yang lebih berkoordinasi antara lembaga-lembaga yang kita sedia ada dahulu. Juga yang mustahak bukan struktur sahaja, yang mustahak adalah isi dan kandungan apa-apa tujuan, apa kerja, apa aktiviti yang lembaga ini akan jalankan - misi dan visi yang juga sangat-sangat penting.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat Tan Ek Huat telah katakan, hari ini Malaysia nombor satu dalam bidang keluaran minyak sawit di dunia ini. Di tahun 1997, kita dapat menyumbangkan kira-kira 52% bekalan minyak sawit di dunia ini, diikuti dengan Indonesia, jiran kita dengan bahagiannya sebanyak 28.6%. Pada tahun 1995, jumlah eksport kita pada masa itu harga minyak sawit bukan begitu tinggi, eksport adalah RM11 bilion, more or less the same as what we have spend on agriculture import, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua dan pada tahun ini saya agak-agak bilangan eksport memang akan melebihi RM20 juta bilion. Ini satu

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, RM20 bilion.

Tuan Tee Thiong Hock: RM20 bilion. Satu angka yang begitu besar. Tuan Yang di-Pertua, sudah 40 tahun seperti Yang Berhormat Tan Ek Huat kata, hari ini kita ada di sini untuk membahaskan rang undang-undang yang baru ini tetapi saya berani katalah, kalau kita buat satu prestasi perindustrian kelapa sawit gred A plus – cukup cemerlang.

Di tahun 1870 itulah masa kelapa sawit mula ditanam di negara kita, bukan untuk value commercial tetapi hanya sebagai satu pokok hiasan (elemental plant) pada masa itu dan selepas dari itu pada tahun 1917 negara kita baru mula menanam kelapa sawit secara komersial tetapi secara kecil-kecilan sehingga hari ini kita sudah ada 2.8 juta hektar yang ditanam dan hampir 88% ataupun 2.4 juta hektar daripada tanaman ini sudah pun matang, jumlah yang belum matang sedikit sahaja. Saya menggunakan angka ini kerana untuk menunjukkan kapasiti untuk expansion perindustrian kelapa sawit di Malaysia adalah limited, dengan izin, kerana tanah ini sesuai, saya agak, kerana tanah-tanah ini telah pun digunakan.

Ini sudah jadi satu isu macam mana negara kita dapat expand, dengan izin, perindustrian ini, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri pun telah kata kita boleh

tanam di negara asing dan juga saya agak pun bolehlah melabur melalui joint venture atau apa-apa jenis lain untuk mengadakan kilang dan refineries di negara asing juga, iaitu akan juga mencapai matlamat yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1990, keluaran minyak kelapa sawit di negara kita hanyalah ada 6 juta metrik tan, bila sampai 1995 kita sudah sampai lebih kurang hampir 8 juta metrik tan dan minyak kernel, dengan izin, sudah melebihi 1 juta metrik tan. Saya menggunakan angka-angka ini kerana saya mahu emphasise satu point iaitu oil extraction rate, dengan izin, yang begitu mustahak.

Tuan Yang di-Pertua, tadi kita telah dengar Timbalan Menteri kata, minyak kelapa sawit hanya adalah satu minyak dari sejumlah 17 minyak sayuran dan lemak untuk human consumption. Lebih kurangnya sampai sekarang bekalan dan permintaan di dunia, minyak sayuran dan lemak adalah lebih kurang balance, jadi dengan tambahan population di negara-negara seperti China, India, Pakistan dan lain-lain yang begitu cepat ke hadapan – minyak kelapa sawit adalah fantastic.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa penyelidikan dan pembangunan adalah satu cara yang dapat kita menjamin perindustrian kelapa sawit untuk terus menjadi Golden Crops di tahun 2000 dan beyond, dengan izin dan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan yang saya ingin cadangkan di sini adalah nombor satu, kita patut mengambil berat Kadar Saringan Minyak (OER). Kadar Saringan Minyak itu mustahak kerana kalau OER ini jatuh 1%, maknanya ia ada kesan (effect) yang serupa, sama dengan production turun 5% kerana dia punya expansion rate OER untuk kelapa sawit adalah lebih kurang 20%, kalau jatuh 1% effectnya begitu besar.

- (i) pada tahun 1992 - OER 19.2%;
- (ii) pada tahun 1993 - OER 18.7%;
- (iii) pada tahun 1995 - OER 18.5%;
- (iv) pada tahun 1996 - OER 18.97%; dan
- (v) pada tahun 1997 - OER 19.03%.

Jadi dalam 6 tahun ini yang saya katakan tadi, OER yang paling tinggi sekali ialah 19.03% kalau dibanding dengan OER yang kita pernah capai lebih kurang 10 tahun

yang lepas iaitu 1988, masa itu kita telah mencapai OER 19.87%. Kalau kita boleh jadikan itu sebagai paras rekod dan juga benchmark, jadi saya agak, lembaga yang baru ini adalah suatu kerja yang begitu penting untuk mereka.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara yang saya ingin sentuh di sini ialah bagaimana cara-cara untuk kita dapat menggunakan by products.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Long bin Jidin minta laluan.

Tuan Tee Thiong Hock: Minta lagi 5 minit hendak habis.

Timbalan Yang di-Pertua: No, Yang Berhormat Tuan Long bin Jidin minta laluan.

Tuan Tee Thiong Hock: Oh, minta laluan, boleh.

Tuan Long bin Jidin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, laporan mana dia dapat OER itu? Yang saya tahu 22.54%, dia kata yang paling tinggi 19%, saya hendak tahu daripada mana laporan yang dia dapat?

Tuan Tee Thiong Hock: Tuan Yang di-Pertua, angka ini saya dapat daripada satu Laporan Tahunan UMAGA iaitu satu Persatuan Bekas-Bekas Siswa Universiti Malaya - bidang pertanian dan saya seorang ahli di sana. Tuan Yang di-Pertua, tadi saya pun ada katakan kegunaan by products itu begitu mustahak. Saya rasalah, penyelidikan patut dijalankan tentang macam mana kita dapat menggunakan batang pokok (tree trunk), fibre dan shell kerana ini akan bukan sahaja boleh mengurangkan pollution dan juga kita boleh dapat keuntungan yang lebih.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan tanaman sekarang seperti yang saya katakan tadi, ada 2.8 juta hektar. Saya agak yang paling tinggi boleh kita tanamkan 3 juta hektar atau lebih sedikit sahajalah di negara kita. Jadi selain dari joint venture dan pelaburan di negara asing, saya rasa research and development untuk meningkatkan pengeluaran minyak dan FFB, dengan izin, setiap satu hektar adalah sangat mustahak.

Tuan Yang di-Pertua, pemasaran di peringkat antarabangsa juga ada satu isu yang patut kita mengambil berat kerana tadi kita pun telah dengar dan saya pun telah memberitahu Dewan yang mulia ini, di dunia pasaran, minyak sayuran dan lemak ada sejumlah 17 jenis, ia adalah competitors bersama dengan minyak kelapa sawit. Jadi, kita patut jaga pasaran tradisional kita iaitu negara China dan India dan kita patut jaga pembeli-pembeli dari Middle East dan Pakistan yang baru-baru ini saya dengar kerana harga minyak sawit begitu tinggi, mereka pun mahu

Tuan N. Marimuthu: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang minta laluan Yang Berhormat. Boleh beri jalan atau tidak?

Tuan N. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya ada terbaca satu 'statement' dari India, sekarang di India dan Pakistan ada banyak tekanan ekonomi, saya dengar harga kelapa sawit telah jatuh di negara itu, banyak yang tidak beli di Malaysia atau sementara ada tekanan ada kurang harga, adakah Yang Berhormat sedar perkara itu?

Tuan Tee Thiong Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya tak dapatlah jawab soalan itu. *[Ketawa]* Hanya saya diberitahu saya baca di surat khabar kerana harga pasaran minyak kelapa sawit sudah jadi tinggi, jadi ada negeri yang pada masa sekarang tak dapatlah, place the order as before, dengan izin, itu sahajalah.

Tuan Yang di-Pertua, perindustrian kelapa sawit ini, isu-isu sosial pencemaran alam sekitar juga ada memainkan peranan penting. Pada hari ini bilangan kilang minyak sawit yang beroperasi sebanyak 306 buah. Bilangan ini adalah mencukupi kerana keupayaan mengilang sebanyak 55.8 juta metrik tan tanda buah segar setiap tahun, at every year, dengan izin dan 239 kilang ada di Semenanjung, 56 buah ada di Sabah, 11 buah ada di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, yang jadi mustahak adalah kerana kilang-kilang ini telah dibina terlalu lama, 30 tahun atau 40 tahun dan dengan perkembangan dan

development di tempat-tempatnya, jadi kilang-kilang yang saya tahu pada masa sekarang sangat hampir dengan kawasan perumahan, ini adalah menjadi satu isu, pollution udara, pollution air juga.

Jadi, saya harap Lembaga ataupun kementerian dapat mengadakan satu kajian menentukan mana satu kilang atau lokasi yang sekarang ini tidak bersesuaian lagi walaupun 30 tahun atau 40 tahun yang lepas memang sesuai, sekarang tidak bersesuaian lagi.

Tuan Yang di-Pertua, cara pembukaan tanah untuk tanaman mahupun tanaman semula ataupun tanaman baru adalah juga mustahak kerana ini adalah satu isu berkaitan dengan jerebu. Saya pernah dengar isu jerebu di negeri Sarawak dan Sabah, satu faktor adalah kerana kita ada syarikat-syarikat yang membuka tanah dan mereka menggunakan cara praktis yang kita tidak alu-alukan, 'cut and burn', itu adalah saya agak tidak betul kerana di negara kita juga ada syarikat dapat menggunakan cara 'zero burning' dan mereka dapat memenangi hadiah di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran optimum di ladang-ladang dan kebun-kebun yang sedia ada ini adalah satu isu mustahak juga kerana pada masa sekarang pengeluaran optimum tidak dapat dicapai dalam perindustrian ini, ini adalah disebabkan oleh masalah kekurangan buruh yang meruncing di dalam estet kelapa sawit, para pemungut juga tidak tahu mengasingkan buah sawit yang masak dengan belum masak oleh penuai dan juga banyak buah yang terlerai ditinggalkan tanpa dipungut. Ini adalah satu isu bukan sahaja isu para pekerja, saya agak ini adalah satu isu untuk pihak pengurusan juga, kalau pihak pengurusan dapat mengajar pekerja-pekerja mereka macam mana boleh dapat menuai FFB ini dengan cara betul, saya rasa perkara yang ada ini iaitu FFB tidak dituai, tidak akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang akhir sekali ialah bilangan refineries yang sampai begitu banyak yang diluluskan oleh PORLA. Isu refinery yang melebihi dari keperluan telah menjadikan refineries aktiviti atau business refinery di negara kita cukup susah, boleh dapat dijalankan dan dapat keuntungan dan selalunya mengikut ingatan saya semenjak tahun 80-an sehingga hari ini, isu ini

masih ditimbulkan lagi, jadi, kerana mereka 'unhappy competition' selalunya refinery yang menggunakan begitu besar capitalnya they close with a very unexpected trade, mereka jadi bankrap dan terpaksa tutup.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh rang undang-undang ini dan saya harap dengan penubuhan Lembaga Minyak Sawit Malaysia ini perkembangan perindustrian ini kita dapat mencapai satu tahap yang lebih cemerlang lagi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.15 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak kementerian dan kerajaan terlebih dahulu ingin mengucapkan terima kasih kami yang tidak terhingga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan rang undang-undang yang telah dibentangkan semalam khususnya kepada Yang Berhormat Dato' Ghazi bin Haji Ramli, Yang Berhormat Tuan Long bin Jidin, Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal, Yang Berhormat Datuk Haji Hashim bin Safin, Yang Berhormat Tuan Tan Ek Huat dan Yang Berhormat Tuan Tee Thiong Hock.

Saya turut merasa bangga di atas kesedaran Ahli-ahli Yang Berhormat yang begitu prihatin dan turut mengiktiraf sumbangan besar kedua-dua agensi PORIM dan PORLA. Sesungguhnya saya, kerajaan dan seluruh rakyat Malaysia sewajarnya memberi pengiktirafan dan juga penghormatan yang tinggi terhadap seluruh kakitangan dan warga PORIM dan PORLA yang tidak pernah rasa jemu dalam usaha mereka untuk meletakkan industri ini kepada tahap yang boleh membanggakan.

Maka saya mengambil kesempatan terlebih dahulu untuk bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat mengiktiraf pihak PORIM dan PORLA atas usaha-usaha mereka dan insya-Allah, dengan wujudnya lembaga yang baru ini

usaha-usaha ini dapat kita perkemaskan, kita pertahankan, kita dapat pelihara, kita dapat pupuk sebaik mungkin.

Perkara yang kedua yang ingin saya nyatakan bahawa memang tidak boleh dinafikan bahawa kelapa sawit merupakan ‘tanaman emas’ (golden crop) seperti kata Yang Berhormat Tuan Tan Ek Huat dan kita juga sedang berdepan dengan era baru, dengan mengizinkan kita berdepan dengan cabaran-cabaran semasa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Tee Thiong Hock.

Itulah sebabnya kerajaan yang begitu peka dan prihatin dan pada masa yang sama proaktif, menyedari kekuatan dan juga kelemahan yang ada kepada kita telah membentangkan rang undang-undang ini supaya industri ini dapat bersaing dalam era baru dengan cabaran-cabaran yang begitu kompleks seperti saya bangkitkan semasa pembentangan baru-baru tadi.

Peringkat awal ini ingin juga saya menyatakan pengiktirafan semua pihak kepada pekebun-pekebun kecil yang telah selama ini membantu mendukung industri ini sampai kepada tahap di mana merekalah yang dapat membantu negara dalam usaha kerajaan memulihkan ekonomi dalam kegawatan dan kemelesetan ekonomi sekarang.

Jadi, saya bersetuju sangat di atas penekanan yang harus diberikan kepekaan dan keprihatinan yang harus diberikan kepada pekebun-pekebun kecil yang merupakan golongan yang harus kita iktiraf dan memberi penghormatan kerana selama ini mereka inilah yang membantu industri ini dan membantu kerajaan dalam usaha-usaha kita untuk menubuhkan lagi dan mempertahankan ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, secara peribadi saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya kepada Yang Berhormat Dato’ Ghazi bin Haji Ramli di atas kata-kata yang memberangsangkan dan cukup mengagumkan. Ahli-ahli Yang Berhormat juga telah menunjukkan ucapan yang cukup memegun dan saya juga terpikat.

Masalahnya saya kluatir Yang Berhormat Dato' Ghazi sahaja makan Viagra memberikan semangat baru dalam ucapan di Dewan ini, insya-Allah kita akan carikan 'polagra'. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada isu-isu yang berkaitan mengenai teguran. Saya bagi pihak kementerian dan kerajaan mengambil maklum dan sedia mengambil perhatian mengenai cadangan, saya akan bersama-sama dengan kementerian dan Yang Berhormat Menteri akan mempertimbangkan dan ada juga soalan-soalan dan juga penjelasan, ada kalanya menyoal jelas dan lepas itu jawab sendiri, yang tidak dijawab sendiri saya akan cuba menjawab bagi pihak kementerian.

Isu pertama ialah mengenai kegawatan ekonomi sekarang dan tidak boleh dinafikan bahawa kejatuhan nilai Ringgit telah membawa kesan yang positif kepada industri ini. Pada keseluruhannya kejatuhan nilai Ringgit telah memberikan kita manfaat di mana memandangkan harga eksport minyak sawit ditentukan dalam Dollar Amerika Syarikat, kejatuhan nilai Ringgit menyebabkan kenaikan pada harga minyak sawit mentah di pasaran tempatan dan sekali gus memberikan harga yang lumayan kepada pengusaha-pengusaha ladang sawit di mana sebahagian besarnya adalah pekebun-pekebun kecil.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, harga minyak sawit mentah (CPO) pada 27 Jun ialah RM1,207 setan iaitu sebelum berlakunya kejatuhan nilai Ringgit dan selepas kejatuhan nilai Ringgit yang bermula pada Julai 1997 ini, harga CPO juga telah terus meningkat dan mencapai purata RM1,850 setan pada bulan Disember 1997.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Tuan Tan Ek Huat tadi, insya-Allah, sekiranya kita dapat gembungkan tenaga dan usaha kita dan dapat memastikan bahawa eksport sampai kepada tahap RM20 billion yang merupakan satu angka yang cukup membanggakan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan atau saranan Yang Berhormat Dato' Ghazi mengenai penekanan yang seharusnya diberikan kepada biotechnology, sememangnya biotechnology diberikan penekanan oleh pihak

kementerian, antaranya penyelidikan sedang giat dijalankan untuk menukar mutu minyak untuk lebih diterima di semua pelosok dunia, bukan sahaja di peringkat R&D yang ditekankan tetapi biodegradable plastic, di mana isu-isu yang berkaitan dengan alam sekitar dan juga isu-isu genetic engineering sedang dilakukan. Masalah kita sekarang ialah bagaimana kita dapat membuat penemuan dan bagaimana kita dapat komersialkan dan bagaimana kita dapat mengubah pemikiran khususnya pekebun-pekebun kecil untuk menerima klon-klon dan penemuan baru ini supaya dapat dimanfaatkan dan pada masa ini kita telah pun berjaya mendapat sebagai contoh, transgenic oil palm, melalui genetic engineering dan kejayaan ini adalah terulung di dunia, banyak perkara tidak kita iklankan tetapi ini menjadi satu fakta yang membanggakan di dalam industri kelapa sawit dan terulung dari segi R&Dnya, ini kita harus iktiraf tetapi pada masa yang sama harus memastikan bahawa ianya turun di peringkat pekebun-pekebun kecil dan juga di peringkat akar umbi supaya dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kerjasama pihak lembaga dengan pihak swasta dalam menjalankan aktiviti R&D seperti yang disarankan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, suka saya menjelaskan bahawa kerjasama erat telah lama pun terjalin di antara kita dengan pihak swasta, banyak idea telah dirumus hasil perbincangan sama ada melalui forum ataupun seminar, bengkel dan jawatankuasa yang telah diwujudkan dan contohnya ada lebih 225 petak ujian (trial sites), dengan izin, untuk kajian biak baka, agronomi, perlindungan tanaman dan mekanisasi ladang dijalankan secara bersama yang terletak di ladang-ladang swasta.

Jawatankuasa Penasihat PORIM di pelbagai aspek huluan, pengilangan dan pemprosesan, oleokimia dan produk hiliran melibatkan pihak swasta juga dan pihak universiti dan institusi-institusi penyelidikan sedang dipergiatkan dan dengan itulah penemuan telah kita capai melalui produk-produk baru seperti thin density fibre board, partical board, dengan izin, gentian sawit yang lain, pulpa dan kertas, medium density board, carbon turn active dan sebagainya tetapi saya bagi pihak kementerian dan kerajaan mengakui usaha-usaha sebegini harus kita

perhebatkan lagi dan insya-Allah dengan adanya satu agensi, one stop agency dan satu lembaga yang bersepadu, usaha-usaha seperti ini dapat kita hebatkan.

Mengenai pertanyaan Yang Berhormat Dato' Ghazi mengenai pelaburan syarikat-syarikat Malaysia di Indonesia, sukacita saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, pada masa ini sebanyak 32 projek perladangan yang melibatkan pelaburan syarikat-syarikat Malaysia yang telah diberikan status penanaman modal asing oleh Kerajaan Indonesia meliputi kawasan seluas 684,800 hektar, sebanyak 15 syarikat usaha sama Malaysia yang melibatkan 21 projek perladangan tidak mendapat status PMA setakat hari ini berikutan keputusan Kerajaan Indonesia untuk membekukan sementara kelulusan bagi status PMA, tetapi sehingga hari ini Kerajaan Indonesia dengan masalah yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum belum dapat memberikan keutamaan kepada isu-isu sebegini tetapi anggaran pelaburan yang telah dibuat oleh syarikat-syarikat Malaysia dalam projek-projek perladangan kelapa sawit di Indonesia dianggarkan berjumlah RM2 billion.

Mengenai persaingan dan penyedaran, penginsafan bahawa dari segi jangka masa panjang dengan masalah kekurangan tenaga buruh dan juga kekurangan tanah yang sesuai di negara kita dari segi opportunity cost, saya menyebutkan tadi bahawa lebih menguntungkan bagi syarikat-syarikat tempatan membuka ladang di luar negeri supaya tanah yang semakin terhad di negara ini boleh digunakan untuk kegunaan lain yang lebih strategik, walaupun dalam kegawatan ekonomi pada hari ini memang sektor komoditi seperti kelapa sawit, getah, koko diberikan perhatian dan tumpuan, tetapi dengan pulihnya ekonomi kita satu hari nanti, insya-Allah, strategi lain di bawah Pelan Induk Perindustrian Kedua kita, perancangan Rancangan Malaysia Ketujuh di mana penekanan diberikan ke atas multimedia perkilangan dan sebagainya, had dan batasan yang wujud dan masalah yang berdepan dengan kita sebelum ini akan berdepan dengan kita sekali lagi.

Jadi, maka kita harus sedar dan proaktif dalam keadaan ini dan satu-satu caranya seperti diiktiraf oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membincangkan perkara ini ialah untuk melaksanakan strategi reverse investment yang saya sebutkan tadi dan kita tidak seharusnya melihat negara-negara jiran

sebagai pesaing kerana pasaran seperti saya sebutkan dalam pembentangan tadi begitu luas dan begitu besar dan dengan pembukaan pasaran-pasaran baru, kerajaan dan kementerian merasakan bahawa tidak ada sebab kita tidak boleh berganding bahu untuk memikirkan bagaimana kita dapat menguasai pasaran antarabangsa.

Mengenai pekebun-pekebun kecil, saya pada peringkat awal lagi telah iktiraf peranan pekebun kecil dalam membantu dan mendukung industri ini. Mengenai bantuan tanam semula pekebun-pekebun kecil, sukacita saya menjelaskan di sini bahawa pada masa ini kerajaan sedang mempertimbangkan beberapa option bersama-sama dengan agensi yang berkenaan seperti yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat yang menyatakan bahawa satu usaha gandingan dengan kementerian-kementerian yang ada peruntukan-peruntukan untuk membangunkan sektor ini sedang giat dipertimbangkan.

Berkenaan untuk mengadakan Skim Bantuan Tanam Semula kepada pekebun kecil, tetapi untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pekebun kecil kelapa sawit bilangan ini yang selalunya dianggarkan begitu besar sekali, merangkumi juga peserta-peserta tanah rancangan FELDA, merangkumi peserta-peserta dan peneroka di FELCRA, di RISDA, di agensi-agensi kerajaan negeri dan golongan ini mengusahakan kira-kira 40% daripada keluasan tanaman kelapa sawit yang berjumlah 2.8 juta hektar pada tahun 1997 dan bagi golongan ini skim bagi menanam semula telah pun wujud oleh agensi-agensi yang saya sebutkan tadi.

Option yang sedang dipertimbangkan oleh kerajaan sekarang adalah bagi pekebun-pekebun kecil bebas atau the independent small holders yang mengusahakan hanya 9% daripada jumlah keluasan tanaman kelapa sawit negara dan sekiranya kita melihat jumlah pekebun kecil yang harus dipertahankan, harus dibela hanya merupakan 9%, saya cukup yakin bahawa kerajaan dan lembaga baru ini mampu untuk bersama-sama menangani masalah pekebun kecil, yang selainnya yang 40% tadi harus kita sarankan kepada agensi-agensi dan lembaga-lembaga yang berkaitan seperti FELDA, FELCRA, RISDA dan agensi-agensi kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kompaun tadi, seksyen 71 menyatakan bahawa memang betul, Ketua Pengarah boleh mengkompaunkan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah akta ini, tetapi di dalam seksyen ini juga, Yang Berhormat Tuan Long bin Jidin, kompaun ini hanya boleh dilakukan selepas peraturan-peraturan yang dibuat di bawah akta ini. Ini bermakna bahawa Akta LMSM telah menghadkan, pertamanya kuasa pengarah untuk mengenakan kompaun tidak lebih dari 50% seperti yang disebutkan di dalam rang undang-undang ini, tetapi pada masa yang sama, peraturan-peraturan boleh dibentangkan dan diadakan dan diwujudkan di bawah akta ini mengikut keadaan tuntutan semasa, bermakna kementerian dan kerajaan akan ada ruang untuk memikirkan keadaan semasa seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Hashim bin Safin tadi bahawa ada percanggahan sama ada harus kita pergi ke mahkamah atau harus kita selesaikan melalui perkompaunan ini dan saya rasa satu formula ialah untuk memberikan ruang untuk kementerian dan juga untuk Menteri melalui peraturan-peraturan yang tertentu dan mengikut keadaan dan feed back daripada industri apa yang wajar untuk kita laksanakan, maka saya merasakan bahawa kaedah dan fasal yang ada ini cukup untuk memberikan kita ruang supaya memastikan mereka yang bersalah dapat didenda dan dikompaunkan tetapi pada masa yang sama ada kaedah-kaedah supaya penyelewengan dan keadilan dapat disempurnakan sekiranya wujud di kalangan pegawai-pegawai.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang saya akan beralih ialah mengenai isu pekerja di ladang kelapa sawit yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Tan Ek Huat, memang tidak boleh dinafikan bahawa sektor perladangan kelapa sawit ini mengalami kekurangan tenaga pekerja. Sektor ini dianggarkan memerlukan 367,000 pekerja pada tahun 1997 dan 375,000 pada tahun 1999, 382,000 pada tahun 2000 dan 393,000 pada tahun 2002, bermakna kementerian telah mengkaji dan meneliti apa yang diperlukan dan untuk sementara waktu perlu kita teruskan pengambilan buruh asing supaya ianya tidak menjejaskan usaha sektor perladangan

untuk meningkatkan pengeluaran minyak sawit. Ini bermakna dalam keadaan ekonomi sekarang ada sedikit ruang untuk kita berhujah untuk mendapatkan buruh asing tetapi ruang dan peluang ini adalah agak terhad dan ia mesti dipastikan sampai kepada ladang-ladang yang betul-betul mengeksport barangannya, ladang-ladang yang betul-betul efisien dan akan membantu ekonomi kita dalam usaha kita memulihkan keadaan sekarang.

Mengenai perlantikan wakil yang disarankan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di mana teguran diberikan bahawa wakil daripada pekebun kecil harus diberi ruang, seperti saya nyatakan semasa menjawab isu mengenai subsidi dan penanaman semula, bahawa pekebun kecil bebas atau independent small holders merupakan hanya 9% daripada golongan pekebun kecil dan wakil-wakil daripada FELDA, FELCRA dan yang akan mewakili pekebun-pekebun kecil yang lain 40% tadi, juga ada suara di dalam lembaga ini dan saya rasa mencukupi dengan satu wakil pekebun kecil yang saya rasa untuk 9% sahaja, yang lain akan diwakili di bawah FELDA dan kelapa sawit.

Yang Berhormat Tuan Tee Thiong Hock mengenai pesaingan minyak sawit Malaysia dan minyak sawit Indonesia, sekali lagi saya ingin menekankan dalam ucapan pembentangan tadi bahawa ruang begitu besar, pasaran begitu besar, saya dan kerajaan cukup yakin bahawa kita dapat pastikan sekiranya kita gembeng tenaga dan usaha kita bahawa kita dapat maintain number one dan golden crop, dengan izin, ini masih lagi 'golden crop' dan dalam kita berdepan dengan era baru ini, sektor ini juga menjadi satu sektor yang sunrise bukan sunset lagi, kalau tidak saya pun tidak ada kerja pula selepas ini. *[Ketawa]*

Mengenai projek integrasi ternakan, memang ini adalah bermula dari beberapa ladang di Malaysia, pada masa ini pihak PORIM sedang mempergiatkan kempen untuk menggalakkan lebih ramai lagi pengusaha sawit mempraktikkan kaedah ini dan untuk meyakinkan mereka bahawa pulangnya munasabah dan ada kalanya cukup lumayan, tetapi sekali lagi ini menuntut bahawa mereka ini dapat mengubah pemikiran dan menerima teknik dan pendekatan-pendekatan baru, inilah

masalah yang kita berdepan dengan mereka di sektor perladangan ini dan saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat pun boleh memainkan peranan untuk memberikan penyedaran kepada mereka dengan teknologi, dengan klon, dengan teknik dan penekanan-penekanan baru ini dapat diserapkan supaya mereka dapat bersaing dengan negara-negara yang mengeluarkan kelapa sawit juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk membangkitkan isu-isu yang lain tetapi apa yang telah disarankan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat memang di bawah pengetahuan kita tetapi yang penting pada hari ini ialah bahawa kita sedar sumbangan besar yang telah diberikan oleh pihak PORIM dan PORLA tetapi ini tidak bermakna kita leka, kita terlena dengan kejayaan kita selama ini dan di atas kesedaran dan keinsafan inilah bahawa kerajaan telah membentangkan satu rang undang-undang untuk memperkemaskan apa yang ada pada kita dan juga untuk mempertahankan kelebihan yang ada dan lantaran komitmen, semangat dan kegigihan yang ditunjukkan oleh semua pihak di dalam sektor ini, saya bagi pihak kerajaan mengucapkan terima kasih dan berharap bahawa ianya dapat terus disemarakkan dan dapat lebih efisien, lebih berdaya-saing, proaktif serta pragmatik dalam pendekatannya.

Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Saya meminta maaf kerana tidak dapat menjawab semua isu yang telah dibangkitkan. Pintu office saya sentiasa terbuka – orangnya kadang-kadang tidak ada tetapi bolehlah menulis kepada pihak kita tetapi saya berharap bahawa semua pihak menyokong lembaga ini bukan setakat menyokong rang undang-undang tetapi menyokong lembaga dan usaha kita untuk memperhebatkan lagi sektor kelapa sawit ini.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 92 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual I dan II diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA (PINDAAN) 1998

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan.

5.47 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, Saya mohon mengemukakan rang undang-undang suatu akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya 1952 dibaca kali yang kedua sekarang.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Akta Dadah Berbahaya 1952 merupakan suatu undang-undang yang diwujudkan untuk mengawal pengendalian dadah-dadah berbahaya di negara ini serta mengadakan peruntukan-peruntukan tentang kesalahan-kesalahan yang dilakukan berkaitan dengan pemilikan dadah tanpa kuasa dan pendedaran dadah berbahaya.

Sebagai undang-undang yang mengawal pengendalian dadah-dadah berbahaya serta memberi perlindungan dan jaminan keselamatan sosial rakyat di negara ini, Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa sedar akan perlunya undang-undang ini diperbaiki dari masa ke semasa supaya ianya sesuai dengan perkembangan dan perubahan keadaan sosial untuk menangani gejala najis dadah, penyalahgunaan pil-pil ecstasy dan syabu yang semakin meluas.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan penting yang dicadangkan terhadap Akta ini ialah:

- (i) memperkenalkan takrif baru mengenai ahli farmasi yang dilesen dan yang diberi kuasa untuk mengendalikan dadah berbahaya;
- (ii) meningkatkan hukuman denda bagi kes-kes yang melibatkan pemilikan dadah berbahaya. Hukuman yang menegah juga diperkenalkan ke atas pegawai awam yang bertugas di institusi-institusi kerajaan yang disabitkan atas kesalahan ini;
- (iii) mengetatkan kawalan ke atas Perangsang Jenis Amphetamine (Amphetamine Type Stimulants) dan juga memperuntukkan anggaran bagi pengedaran dadah dan juga hukuman berat bagi kes-kes pemilikan; dan
- (vi) memberi kuasa kepada mahkamah untuk membebaskan dan memerintahkan pesalah-pesalah supaya tinggal di pusat pemulihan bagi tempoh dua tahun dan selepas itu menjalani pengawasan pegawai tanpa perlu mengambilkira hal keadaan kes dan kelakuan, latar belakang, kesihatan atau keadaan mental orang kena tuduh.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menghuraikan pindaan-pindaan penting yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini.

Fasal 2 mencadangkan meminda seksyen 2 akta dengan memasukkan takrif baru “ahli farmasi berlesen” yang bererti seorang ahli farmasi berdaftar yang memegang Lesen Racun Jenis A yang dikeluarkan di bawah Akta Racun 1952. Pada masa ini akta ini hanya memberi kuasa kepada ahli farmasi yang berlesen di bawah Akta Racun 1952 yang terlibat dalam penjualan racun secara runcit untuk mengendalikan dadah berbahaya. Peruntukan ini tidak meliputi ahli farmasi pengilangan yang dilesenkan dengan Lesen Racun Jenis A untuk mengurus niaga secara borong sahaja dan tidak terlibat dalam urus niaga secara runcit. Takrif baru “ahli farmasi berlesen” akan mengatasi kekurangan ini dan akan merangkumi semua ahli farmasi termasuk ahli farmasi pengilangan yang berlesen di bawah Akta Racun 1952. Selaras dengan cadangan ini melalui fasal 4 seksyen 16(2) dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “person who is licensed to sell by retail poisons” dengan perkataan-perkataan “licensed pharmacist”.

Fasal 3 mencadangkan supaya pindaan dibuat untuk menaikkan amaun denda maksimum bagi kesalahan pemilikan dadah berbahaya di bawah subseksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dipinda daripada RM20,000 kepada RM100,000 sebagai langkah pengajaran dan pencegahan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kes-kes pemilikan dan bekalan dadah berbahaya yang melibatkan pegawai awam di penjara, pusat pemulihan, lokap polis atau mana-mana tempat tahanan semakin meningkat, adalah wajar satu subseksyen baru 12(4) diperuntukkan. Bukti-bukti tangkapan ke atas penghuni menunjukkan secara nyata bahawa dadah sememangnya diseludup ke dalam kawasan pusat serenti dan ianya merupakan satu realiti yang membimbangkan kerana mampu melumpuhkan segala rancangan dan program pemulihan yang dilaksanakan. Kita mempunyai pegawai yang mempunyai kecenderungan melakukan subahat bagi memungkinkan penyeludupan dadah ke dalam kawasan pusat serenti. Fenomena ini turut berlaku di institusi penjara dan lokap tempat tahanan polis.

Oleh kerana pegawai-pegawai ini mengkhianati tanggungjawab yang diamanahkan ke atas mereka, kerajaan mencadangkan pegawai awam yang bekerja di mana-mana penjara, pusat pemulihan, lokap polis atau mana-mana tempat tahanan yang melanggar seksyen 12(2) Akta dikenakan hukuman di bawah subseksyen 12(3) dan hukuman sebat tidak melebihi tiga kali sebagai langkah untuk mencegah gejala buruk ini. Dengan adanya hukuman tambahan iaitu hukuman sebatan ini, usaha untuk meningkatkan program pemulihan di pusat serenti/penjara tidak akan tergugat oleh golongan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1996 negara kita telah mula menghadapi masalah penyalahgunaan dan pengedaran pil ecstasy atau 3, 4 Methylenedioxymethamphetamine (MDMA) dan kini telah menjadi masalah sosial negara. Selain itu, penyalahgunaan syabu atau Methamphetamine juga didapati semakin meningkat khususnya di negeri Sabah dan juga di Sarawak. Pil ecstasy dan syabu adalah dadah perangsang jenis Amphetamine atau "Amphetamine Type Stimulants", dengan izin. Anggapan di bawah Akta Dadah Berbahaya bagi pengedaran untuk mereka yang didapati memiliki dadah berbahaya dengan kuantiti tertentu tidak meliputi perangsang jenis Amphetamine ini. Oleh itu, adalah wajar bahawa anggapan juga diperuntukkan bagi kes-kes pemilikan kuantiti besar sebanyak 50 gram atau lebih bagi 14 jenis dadah perangsang jenis Amphetamine termasuk MDMA dan syabu. Oleh itu, Fasal 5 mencadangkan pindaan pada seksyen 37 dengan memasukkan anggapan jika seseorang memiliki mana-mana dadah dari 14 jenis dadah perangsang jenis Amphetamine dengan kuantiti sebanyak 50 gram atau lebih sebagai "pengedar" atau dengan izin, "trafficking".

Fasal 8 - berikutan pindaan kepada seksyen 37 itu Fasal 8 bercadang meminda seksyen 39A untuk memasukkan 14 jenis perangsang jenis Amphetamine supaya seseorang yang didapati memiliki mana-mana dadah itu dalam amaun yang kurang daripada amaun yang boleh menimbulkan anggapan bahawa dia mengedar dadah itu dikenakan hukuman lebih berat yang diperuntukkan dalam seksyen ini.

Fasal 6 dan 7, kajian yang dibuat oleh Agensi Dadah Kebangsaan (ADK) mendapati bahawa daripada 12,916 orang penagih dadah yang berada di pusat serenti dalam tahun 1996, 14.2% daripada

mereka adalah terdiri daripada penagih-penagih yang mengidap HIV/AIDS, berpenyakit kronik, gila dan lain-lain 'multiple disease' yang mana mereka ini tidak mempunyai kecenderungan (propensity) untuk dipulihkan. Kemasukan penagih-penagih dadah dari kategori tersebut secara tidak langsung telah menyebabkan keseluruhan sistem pemulihan di pusat serenti tidak dapat dijalankan dengan berkesan dan gagal mencapai matlamatnya. Lebih-lebih lagi Pusat-pusat Serenti tidak mempunyai pegawai-pegawai perubatan yang khusus yang boleh melawat penagih-penagih dadah seperti yang diuraikan di atas.

Untuk menangani masalah ini, Majlis Dadah Kebangsaan telah mengarahkan supaya pusat-pusat serenti diklasifikasikan mengikut kategori penagih seperti Pusat Serenti Penagih Ringan, Pusat Serenti Penagih Sukarela, Pusat Serenti Penagih Remaja, Pusat Serenti Penagih Wanita dan pusat serenti Penagih Tegar (hardcore), dengan izin. Melalui sistem mengkategorikan dan mengklasifikasikan Pusat-pusat Serenti ini, MDK telah menetapkan dasar supaya hanya penagih-penagih yang mempunyai propensity untuk dipulihkan sahaja akan diberi keutamaan menjalani program pemulihan di pusat serenti. Penagih-penagih dadah yang berpenyakit kronik, mengidap HIV/AIDS, gila dan 'multiple disease' yang mana tidak mempunyai propensity untuk dipulihkan akan diletakkan di bawah pengawasan pegawai iaitu program penyeliaan di luar institusi pemulihan.

Kajian ADK mendapati program jagaan lanjutan di bawah seliaan pegawai pemulihan tidak berjaya mencapai matlamat mengintegrasikan penagih-penagih berkenaan ke dalam masyarakat sekelilingnya. Ini adalah kerana beban kes yang jauh lebih besar berbanding dengan kemampuan seorang pegawai pemulihan di peringkat daerah. Sebagai contohnya, nisbah tertinggi antara pegawai pemulihan dengan kes jagaan lanjutan ialah 1:443. Pada hal nisbah yang manageable, dengan izin, ialah 1:23 sahaja. Oleh itu, MDK telah memutuskan supaya mereka yang telah dibebaskan dari pusat serenti diletakkan di bawah pengawasan pegawai pemulihan atau pegawai polis.

Penglibatan pegawai-pegawai polis di dalam pengawasan penagih-penagih dadah yang diletakkan di bawah pengawasan pegawai dijangka akan dapat mempertingkatkan keberkesanan sistem pengesanan, manakala pegawai-pegawai pemulihan pula memberi tumpuan dalam aspek-aspek yang berkaitan dengan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling ke atas penagih-penagih dadah.

Sehubungan dengan itu, Fasal 6 bercadang meminda seksyen 38A untuk memberi mahkamah kuasa untuk memperlakukan seseorang pesalah juvana mengikut peruntukan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan pemulihan) 1983. Pesalah juvana adalah mangsa dan patut dibantu untuk dipulihkan. Mereka yang didapati bersalah di bawah akta ini, selain dari kesalahan di bawah seksyen 6B atau 39B dan selain daripada kes di mana seseorang didapati bersalah bagi sesuatu kesalahan terhadap akta ini yang mana hukumannya di bawah seksyen 39A, dicadangkan di bawah seksyen 38A yang baru supaya mahkamah memperlakukan ke atas pesalah juvana ini. Mahkamah boleh memerintahkan pesalah juvana untuk menerima rawatan dan pemulihan di pusat pemulihan selama dua hingga tiga tahun dan selepas itu mendapat rawatan lanjutan 'after care', dengan izin, atau diletakkan di bawah pengawasan seorang pegawai pemulihan bagi tempoh dua hingga tiga tahun.

Fasal 7 bertujuan meminda seksyen 38B untuk menghendaki seseorang pesalah yang didapati bersalah di bawah seksyen 15, pemberian kepada diri sendiri dadah berbahaya atau self-administration, dengan izin, akan menjalani pengawasan oleh pegawai pemulihan atau pegawai polis selepas menjalani hukuman yang dikenakan ke atasnya.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta Dadah Berbahaya 1952 yang disebutkan di atas perlu dan tepat pada masanya supaya dapat memperkukuhkan serta meningkatkan lagi keberkesanan akta ini.

Peranan Kementerian Kesihatan di bawah akta ini, Tuan Yang di-Pertua, saya telah jelaskan tadi adalah memastikan segala urusan dengan dadah berbahaya untuk kegunaan dalam bidang perubatan dikawal ketat termasuk pengilangan, import, eksport, penjualan, bekalan dan penggunaan. Bagi dadah berbahaya seperti heroin, ganja, syabu atau amphetamine, ecstasy dan lain-lain yang tidak digunakan dalam bidang perubatan dan menjadi dadah yang disalahguna (drug abuse), pihak polis dan kastam adalah bertanggungjawab untuk menangani semua kes-kes kesalahan mengenai pengedaran, penggunaan, pemilikan dan lain-lain. Hal-hal yang berkaitan dengan pemulihan penagih dadah adalah di bawah bidang kuasa agensi Dadah Kebangsaan di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya 1952 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dr. Yeow Seng Huat.

6.03 ptg.

Dr. Yeow Seng Huat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 1998.

Tuan Yang di-Pertua, dadah adalah merupakan satu yang penting untuk merawat beberapa jenis penyakit mengikut sukatan dan cara pemakaian yang betul sebagaimana yang biasanya dinasihat oleh para doktor. Kehadiran dadah ataupun ubat ini membantu merawat beberapa jenis penyakit ataupun merupakan sebagai

sesuatu di dalam kaedah perubatan yang diamalkan tetapi dalam beberapa hal dadah juga merupakan sebagai racun yang membunuh sekiranya ia disalahgunakan. Satu contoh yang baik ialah heroin. Sebenarnya heroin adalah satu jenis ubat yang terbaik untuk kawalan sakit. Mohon izin, that is one of the best drugs to control pain tetapi oleh sebab disalahgunakan oleh orang ramai ia menjadi satu dadah yang berbahaya. Pada masa sekarang semua penagih yang ada boleh dikatakan 99% adalah penagih heroin.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pindaan yang dihuraikan di dalam rang undang-undang ini dan saya sokong penuh agar seksyen 12 Akta Dadah Berbahaya 1952 dipinda dengan ditambah denda maksimum kepada RM100,000.00 di atas kesalahan memiliki dadah berbahaya. Saya juga menyokong penuh agar mana-mana pegawai awam yang bertugas di penjara, pusat pemulihan atau di mana-mana pusat tahanan dikenakan hukuman sebat sekiranya mereka disabitkan dengan kesalahan mengedar dadah berbahaya. Saya juga menyarankan agar pihak kerajaan lebih peka ke atas kehadiran beberapa jenis dadah berbahaya yang baru dicipta yang sentiasa ada di dalam pasaran yang mana tidak disenarai dalam senarai dadah berbahaya. Misalannya like syabu, snow, crake dan sebagainya tetapi ini tidak termasuk ubat yang disebut oleh ramai ahli iaitu 'Viagra' yang masih dalam ujian oleh Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sekejap ya. Ada Yang Berhormat Menteri hendak buat usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dipertimbang dan diputuskan Rang Undang-undang Cukai (Pindaan) 1998.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, usul seperti yang dimaklumkan tadi dikemukakan bagi dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dipertimbang dan diputuskan Rang Undang-undang Cukai (Pindaan) 1998.

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Sila sambung.

Dr. Yeow Seng Huat: Tuan Yang di-Pertua, tindakan yang cepat ke atas kehadiran dadah jenis baru ini hendaklah dilaksanakan dengan mewujudkan satu jentera yang cekap dari segi kawalan. Sementara itu maklumat-maklumat yang berhubung dengan pengenalpastian dan penganalisaan jenis-jenis dadah ini hendaklah dilengkapi dengan peralatan baru seperti pengesanan ke atas jenis-jenis dadah dan dibuat dengan cepat dan tepat. Jabatan-jabatan Kimia yang bertanggungjawab untuk menguruskan perihal penganalisaan ini atau mana-mana jabatan berkaitan hendaklah diberi peruntukan khas demi melengkapi penganalisaan dan di samping itu tenaga profesional yang menguruskan perihal ini hendaklah juga diadakan.

Saya mencadangkan perkara ini kerana pada ketika ini negara kita dilanda dengan berbagai masalah sosial kesan daripada kian bertambah penagih-penagih dadah di sekeliling kita. Hukuman yang lebih keras seperti yang dicadangkan di dalam ruang pindaan ini adalah bersesuaian untuk mengatasi sebahagian besar masalah dan karenah yang diwujudkan oleh pengedar atau penagih dadah.

Tuan Yang di-Pertua, semakin banyak premis farmasi wujud di negara kita di akhir-akhir ini dan bukti diperolehi bahawa sebilangan premis ini dikenal pasti sebagai tempat penagih-penagih mendapatkan bekalan. Saya ucapkan syabas

kepada Kementerian Kesihatan yang telah menjalankan tanggungjawab untuk mengawal selia premis-premis penjualan ubat. Saya ingin mencadangkan agar usaha mengawal selia ini dapat dipertingkatkan dan diadakan lebih kerap agar pengedar dadah dapat dikawal sebaik-baiknya dan mana-mana pesalah hendaklah diambil tindakan yang tegas bersesuaian dengan peruntukan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1998.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong pindaan rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Habshah binti Haji Osman. Sebelum itu suka saya menyatakan bahawa kita ada tiga rang undang-undang lagi. Sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat tidak mahu balik sehingga pukul 12.00 malam ini saya ingat eloklah cepat-cepatkan bercakap atas tajuk yang berkenaan sahaja. Kalau tidak nanti kita habis pukul 12.00 malam ini. Silakan.

6.07 ptg.

Puan Hajah Habshah binti Haji Osman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang mengambil bahagian di dalam perbahasan menyokong rang undang-undang untuk meminda Akta Dadah Berbahaya 1952 iaitu rang undang-undang yang dinamakan Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1998 ini. Pindaan ini adalah amat penting bagi memantapkan dan melengkapkan akta yang sedia ada. Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, akta yang ada ini adalah di antara yang terkeras di dunia kerana ia mengenakan hukuman mati mandatori bagi pesalah 18 tahun ke atas yang memiliki lebih daripada 100 gram ganja dan lebih 15 gram heroin atau morfin.

Sehingga kini saya difahamkan sudah ramai pesalah-pesalah asing dan rakyat Malaysia yang telah pun dihukum mati sehingga pada suatu masa dahulu Malaysia telah dikecam dan diancam oleh negara-negara maju kerana undang-undang yang keras itu. Amaran dan peringatan tentang undang-undang yang keras ini telah dijelaskan kepada orang ramai dan setiap orang yang datang ke negara kita sama ada melalui jalan darat, kapal laut atau udara diingatkan betapa pembawa dadah akan dikenakan hukuman berat.

Yang anehnya, Tuan Yang di-Pertua, walaupun wujud undang-undang yang sekeras itu nampaknya bagaikan tidak membawa kesan apa-apa kerana setiap hari kes dadah bertambah, penghuni pusat serenti bertambah, peruntukan mencegah dadah bertambah dan gejala ancaman yang datang juga tidak berkurangan.

Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang angka rasmi yang saya dapati mengenai peningkatan jenayah dadah sejak tiga tahun yang kebelakangan. Pada tahun 1996, penagih dadah bertambah seramai 36 orang sehari, tahun 1997 jumlah ini menjadi 45 orang sehari manakala pada tahun ini jumlahnya mungkin meningkat lagi kepada 50 orang. Maknanya sebulan penagih berjumlah adalah sekitar 1,400 orang. Jumlah rasmi sekarang ialah sekitar 150,000 orang.

Pada satu ketika dahulu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyebut dan mengikut ice-berg theory, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, angka itu dikalikan dengan 7, jika teori ice-berg itu dijadikan panduan atau ukuran, maka jumlah penagih sekarang sudah mencecah ke angka yang membimbangkan dan jika arus ini terus meningkat cuba kita bayangkan apa akan jadi kepada negara kita menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan yang saya sebutkan tadi berlaku dalam masa undang-undang mengenai dadah merbahaya yang amat keras iaitu hukuman mati dan di samping urusan mencegah dadah dilakukan sepenuhnya oleh kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan seperti Pemadam, Pengasih dan lain-lain. Kesimpulannya, akta dan segala usaha yang dilakukan sehingga sekarang adalah kurang berkesan. Justeru itu saya menyokong segala langkah kerajaan dan bukan kerajaan dan orang ramai serta orang-orang perseorangan dalam apa jua langkah bagi memerangi gejala dadah dalam apa jua bentuk termasuklah pindaan yang sedang dibahaskan, sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada Fasal 3, Seksyen 12, Akta ibu yang dalam rang undang-undang ini mengandungi 2 perkara. Saya menyokong cadangan menambah denda maksimum bagi kesalahan yang berhubung dengan pemilikan dadah merbahaya daripada RM20,000 kepada RM100,000. Pindaan ini

adalah untuk mengekalkan betapa seriusnya Akta ibu itu. Namun demikian, saya belum yakin yang kesannya positif berdasarkan hakikat dalam negara sebelum ini yang belum dapat meredakan wabak sosial itu sekalipun undang-undang kita amat berat. Yang pasti tambahan itu perlu memandangkan nilai mata wang ringgit kita yang jatuh sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada subseksyen baru (4) dalam fasal ini, adalah amat penting yang sepatutnya telah pun dilaksanakan lama dulu lagi. Fasal ini melibatkan orang yang diberi amanah untuk menguatkuasakan Akta Dadah Berbahaya ini dan menentukan jaya atau tidaknya undang-undang ini. Sub-seksyen ini memperuntukan bahawa pegawai awam yang bekerja di mana-mana penjara pusat pemulihan, lokap polis atau di mana-mana tempat tahanan yang melanggar peruntukan 12(2) dikenakan hukuman sebat tidak lebih dari 3 sebatan.

Tuan Yang di-Pertua, polis, warder, penjaga pusat serenti dan lain-lain adalah pihak yang diberi amanah untuk menguatkuasakan akta. Anehnya, banyak kejadian di mana penagih yang ditahan mendapat bekalan. Ini bererti adanya seperti kata pepatah, “harapkan pagar, pagar makan padi”. Ada pegawai awam atau orang yang diberi amanah itu telah pun pecah amanah, ini telah diakui sendiri oleh bekas Ketua Pengarah Penjara, Datuk Zaman Khan betapa adanya di antara mereka memeras ugut orang-orang kaya yang anaknya tertangkap. Juga didapati mereka ini menjual rokok dengan harga seringgit sebatang.

Dengan hal yang demikian, saya menyokong kesalahan seperti itu dihukum sebat, di sebaliknya pula, Tuan Yang di-Pertua, kita hendaklah faham bahawa hukuman itu bukanlah sekadar hukuman tetapi adalah satu pengajaran yang berkesan. Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, hukuman sebat yang hendak dijalankan hendaklah dilihat dari kaedah sebatan dalam Islam. Sebatan dalam Islam dilakukan di hadapan khalayak ramai, sebatannya tidak menyeksa tetapi mengaib dan memalukan orang yang dihukum. Ini bukan sekadar menginsafkan orang yang dihukum tetapi menjadi pengajaran pula kepada orang yang melihat dan orang yang mendengar.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya sebatan hendaklah dilakukan di khalayak umum dan dirakam melalui televisyen supaya ia dapat disaksi atau ditonton oleh seramai-ramai orang. Saya difahamkan sebatan sekarang walaupun ia cukup terdera tetapi dijalankan secara eksklusif, tidak diketahui oleh sesiapa. Ini belum tentu menyeritkan orang yang dihukum tetapi tidak ada apa-apa pengajaran kepada orang lain.

Saya juga mencadangkan pegawai yang pecah amanah ini dikenakan juga lain-lain tindakan seperti didakwa di bawah tuduhan pecah amanah dalam Kanun Keseksaan atau dibuang negeri ke pulau yang tidak dikunjungi orang atau ke tempat yang terpencil bersama-sama dengan penagih-penagih dan lain-lain orang yang terhukum di bawah Akta Dadah Berbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya, penagih dan penjenayah di bawah akta ini adalah orang yang tidak bertamadun lagi, orang-orang yang sukar dipulihkan akhlaknya, ada yang sanggup membunuh ibunya sendiri. Tuan Yang di-Pertua, orang-orang ini tidak banyak lagi gunanya kepada masyarakat. Orang-orang seperti ini patut diasingkan dalam masyarakat mereka sendiri dan biarkan sahaja mereka menjalani hidup sendiri dan membaiki keadaan mereka sendiri.

Saya teringat kisah Robinson Crusoe yang terdampar di sebuah pulau, tidak ada orang, dia terpaksa membina pondok untuk kediaman dan mencari rezeki apa yang ada di pulau itu dan dia boleh hidup. Begitu juga dengan penjenayah Inggeris, yang dibuang ke Australia, Australia asalnya ialah benua buangan bagi penjenayah England. Penjenayah Inggeris itu menjalani hidup sendiri dan kini telah menjadi satu bangsa Australia yang maju.

Saya juga teringat dengan tahanan ahli-ahli Parti Komunis Indonesia setelah gagal merampas kuasa dari Sukarno dulu, kerajaan order baru pimpinan Suharto membuang mereka ke hutan rimba yang tidak ada orang dan membiarkan mereka mencari hidup sendiri di dalam hutan itu. Mereka tidak dibekalkan dengan apa-apa tetapi mereka boleh hidup bertahun-tahun.

Tuan Yang di-Pertua, berasaskan kepada jumlah penagih dan penjenayah dadah yang semakin bertambah saban hari seperti yang saya katakan tadi, maka

saya berpendapat adalah tidak sesuai lagi mereka ini diletakkan di penjara dan di lokap ataupun di pusat-pusat serenti kerana penjara dan lokap yang ada tidak akan cukup untuk menampung mereka apatah lagi penjara dan lokap adalah untuk menempatkan banduan dan lain-lain penjenayah.

Tambahan pula mengikut Majlis Dadah Kebangsaan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, penagih-penagih yang terlalu teruk dan kronik tidak lagi diberi seliaan kerana kurang kemampuan untuk dipulihkan dan mereka ini diletakkan di bawah pengawasan pegawai di bawah program penyeliaan di luar institusi pemulihan.

Maknanya mereka ini bebas meracuni dan mencari mangsa baru di dalam masyarakat sedangkan kita kekurangan pegawai pemulihan dengan kes penjagaan lanjutan seperti yang dinyatakan nisbah pegawai dengan penagih ialah 1:443 orang sedangkan sepatutnya 1:23 orang sahaja. Maka dengan yang demikian, saya berpendapat adalah tidak sesuai lagi mereka ini diletakkan di penjara dan di lokap-lokap ataupun di pusat-pusat serenti kerana penjara dan lokap-lokap yang ada tidak akan cukup untuk menampung mereka apatah lagi penjara dan lokap adalah untuk menempatkan banduan dan lain-lain penjenayah seperti yang saya nyatakan tadi.

Saya mencadangkan mereka ini hendaklah dihantar ke pulau-pulau, kita ada banyak pulau yang indah-indah seperti Pulau Bidung, Pulau Sembilan dan lain-lain. Di samping itu, lepaskan anak-anak ayam, anak-anak itik, kambing, lembu dan sebagainya ke pulau itu dan pastikan pulau itu terkawal supaya mereka tidak lari. Terserahlah kepada mereka untuk memanfaatkan binatang ternakan itu untuk meneruskan hidup di samping bercucuk tanam. Hantarkan guru-guru agama askar yang penuh disiplin atau guru-guru agama polis untuk mengajar fardu ain supaya mereka tahu ajaran agama.

Sesudah bertahun-tahun jadi orang buangan, jika ada di antara mereka mahu pulang ke pangkuan masyarakat dan didapati keadaan mereka memuaskan maka bolehlah ditimbangkan kepulangan mereka. Saya yakin dengan tindakan demikian ancaman dadah ini dapat dikurangkan dan kerajaan pun dapat menjimatkan perbelanjaan negara.

Pada masa yang sama, Tuan Yang di-Pertua, kita hendaklah mengenal pasti punca-punca yang menyebabkan wabak dadah bagi memastikan supaya penyakit masyarakat itu dapat dihindarkan dari melanda anggota masyarakat yang belum menjadi mangsa. Menghindarkan penyakit adalah lebih baik dari mengubati.

Ahli-ahli agama, semua agama maksud saya, para pendidik, petugas masyarakat, ahli-ahli politik, tidak kira parti apa pun, wajarlah mengadakan perbincangan atau seminar dan sebagainya bagi mengkaji punca-punca gejala dadah ini dan menyarankan langkah-langkah menghindar dan membanterasnya. Setakat ini saya mendapat maklumat iaitu antara yang mendorong berleluasanya penyakit dadah berbahaya ini berpunca dari tabiat merokok di kalangan murid-murid. Juga ketagih arak, sama ada untuk berhibur atau bagi melupakan masalah atau menghilangkan kerunsingan. Selain itu pepecahan rumahtangga juga atau benci kepada ibu bapa sendiri. Manakala keruntuhan akhlak baik remaja mahupun orang dewasa adalah pergaulan bebas lelaki, perempuan, merebaknya sifat materialistik ataupun fahaman kebendaan di kalangan anggota, mementingkan diri sendiri, rasuah, tidak belajar agama atau tidak kenal Islam - menganggap agama itu penghalang kemajuan, menjual orang atau mencari kemewahan hidup dengan memperdayakan orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, penyakit masyarakat ini mestilah dicegah sebagai usaha untuk mencegah wabak dadah berbahaya. Pencegahan melalui akta sekalipun, melaksanakan hukuman mati belum pasti berkesan dan dirasakan tidak memadai. Pencegahan sokongan dengan membanteras penyakit dan penyakit sosial seperti yang disebutkan tadi adalah penting dan perlu ditangani satu demi satu. Saya cadangkan usaha pencegahan hendaklah bermula dari sekolah rendah lagi. Tanamkan fear therapy ataupun terapi yang menakutkan. Saya teringat pada satu ketika dahulu, RTM sering menyiarkan filem dokumentari terbitan Filem Negara yang menunjukkan bangkai-bangkai bernyawa ini hasil dari terlibat dengan jenayah dan penagihan dadah. Tetapi akhir-akhir ini saya rasa belum ada filem-filem itu disiarkan. Saya harap RTM bolehlah menyiarkan lagi.

Ajaran-ajaran melalui agama amat penting dan diharapkan institusi-institusi agama janganlah jemu-jemu menyebut mengenai penyalahgunaan dadah yang berbahaya ini. Insya-Allah hasrat negara untuk menghapuskan gejala dadah menjelang tahun 2025 seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Mohd. Tajol Rosli tidak berapa lama dahulu akan menjadi kenyataan. Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Datin Hajah Wan Intan.

6.23 ptg.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya berucap untuk menyokong Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1998 yang dibentangkan di Dewan ini. Walau bagaimanapun saya ingin mendapat pandangan dari Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain dan juga Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, mengenai tanggungjawab dan peranan ibu bapa atau penjaga terhadap anak-anak yang terlibat dengan dadah. Saya sungguh tertarik dengan pelaksanaan undang-undang di negara jiran kita, Singapura yang mewajibkan ibu bapa mengawasi sepenuhnya anak-anak mereka yang dikasihi terlibat dengan dadah, sama ada sebagai penagih atau pengedar. Saya difahamkan sekiranya seorang remaja disyaki menjadi penagih dadah, ibu bapa mereka wajib mengawasi dan memastikan yang remaja berkenaan berada di rumah mulai jam 10 malam hingga 7 pagi. Keesokan harinya pemeriksaan dibuat oleh pihak polis dan jika didapati remaja berkenaan tiada di rumah pada masa yang ditetapkan ibu bapa atau penjaga berkenaan akan dikenakan hukuman.

Pada tahun lepas Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Kebajikan Masyarakat bekerjasama dengan Persatuan Pencegah Jenayah Malaysia dan beberapa NGO telah mengadakan seminar di Universiti Malaya. Dan salah satu daripada isu yang dibincangkan adalah mengenai tanggungjawab ibu bapa atau penjaga terhadap salah laku termasuk kes dadah anak-anak mereka. Semua peserta

seminar bersetuju supaya ibu bapa patut diberi tanggungjawab sepenuhnya mengenai salah laku anak mereka.

Ibu bapa juga patut didenda atau dihukum jika anak mereka melakukan kesalahan jenayah termasuk kes dadah. Adakah kerajaan kita mamapu membelanjakan wang yang begitu banyak untuk menangani masalah dadah ini. Paling ketara dewasa ini tauke-tauke pengedar dadah mula menggunakan remaja bawah 18 tahun sebagai ejen pengedar mereka. Adakah kerajaan mampu mendirikan lebih banyak sekolah tunas bakti seperti Sekolah Henry Gurney di Telok Mas, Melaka semata-mata untuk melayan kerenah mereka yang ingin mendapat kekayaan dengan cepat.

Saya juga berharap Kementerian Dalam Negeri sentiasa membuat pemeriksaan mengejut terhadap farmasi yang menjual berbagai jenis ubat. Kementerian Dalam Negeri janganlah mengharapkan seratus-peratus kepada Kementerian Kesihatan sahaja untuk membuat pemeriksaan farmasi yang sekarang bilangannya telah bertambah. Saya ingin mengesyorkan agar satu badan kuatkuasa bersama yang dianggotai oleh Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan dan Jabatan Kimia ditubuhkan bagi menangani penjual dadah atau bahan kimia yang diharamkan oleh mana-mana farmasi di negara ini. Jabatan Kimia dan Kementerian Kesihatan hendaklah menyenaraikan nama-nama ubat yang diharamkan oleh pihak berkuasa, sama ada ubat itu mengandungi dadah ataupun bahan toksid ataupun racun yang lain. Selalunya pihak Kementerian Kesihatan hanya menyatakan tentang kejayaan mereka memeriksa dan mengesahkan di kedai ubat atau farmasi yang menjual ubat yang mengandungi toksid atau dadah berbahaya sahaja tanpa memberi jenama ubat yang berkaitan.

Bagi menjamin kesihatan penduduk negara ini saya berharap benar supaya nama ubat yang didapati mengandungi racun atau dadah berbahaya oleh Jabatan Kimia atau Kementerian Kesihatan hendaklah disenaraikan dalam akhbar-akhbar tempatan supaya semua rakyat dapat mengetahuinya. Jika boleh nama pekedai penjual atau farmasi berkenaan juga diberitahu kepada umum. Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya sudahi dengan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Hajah Rahaiah binti Baheran.

6.27 ptg.

Puan Hajah Rahaiah binti Baheran: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong bagi meluluskan pindaan Rang Undang-Undang Dadah Berbahaya dan ingin menyentuh seksyen 12 iaitu menambah denda maksimum bagi kesalahan yang berhubung dengan pemilikan dadah berbahaya daripada RM20,000 kepada RM100,000, ini amatlah perlu bagi menakutkan ataupun, dengan izin deterrent bagi orang ramai memiliki dadah dan sekali gus menghalang pengedaran dadah sewenang-wenangnya dan juga penyalahgunaan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong penuh kemasukan subseksyen baru (4) yang memperuntukkan bahawa pegawai awam yang bekerja di mana-mana penjara, pusat pemulihan, lokap polis ataupun mana-mana tempat tahanan dikenakan hukuman sebat kerana sikap bak kata Yang Berhormat Puan Hajah Habshah tadi 'harap pagar, pagar makan padi'. Ini adalah satu perilaku keji oleh pegawai-pegawai pelaksana yang telah diamanahkan untuk melaksanakan kerja-kerja yang diberi kuasa kepada mereka.

Saya mencadangkan supaya semua pegawai pelaksana ataupun 'pagar-pagar' tadi dapat diberi taklimat berkala berkenaan dengan maksud undang-undang ini dan saya juga mencadangkan supaya peruntukan ini dihebahkan kepada orang ramai melalui media massa dan juga badan-badan seperti Pemadam supaya diketahui orang ramai dan penagih-penagih dan dipastikan juga ada kemudahan untuk mengadu dan perlindungan-perindungan diberi kepada mereka yang membuat aduan supaya pegawai pelaksana dibawa ke pengadilan.

Saya juga ingin menyentuh Fasal 6. Memanglah wajar bagi mana-mana individu yang disahkan penagih dadah oleh mana-mana pegawai perubatan mahu pun kerajaan ataupun swasta hendaklah diperlakukan mengikut peruntukan seksyen 6 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 ini. Individu ini hendaklah termasuk pesalah yang berumur di bawah 18 tahun, untuk tujuan ini saya mengesyorkan supaya diperuntukan oleh kerajaan supaya menjadi tanggungjawab wajib pegawai-pegawai perubatan tadi melaporkan perkara ini kepada pihak berkuasa supaya dapat diberikan rawatan ataupun pemulihan secepat mungkin kepada pesalah-pesalah yang dikenal pasti tanpa menunggu lagi kerana secara realitinya amat sukar untuk ibu bapa membuat keputusan jika didapati anaknya menjadi

penagih kerana mengikut pengalaman yang pernah saya hadapi, ada ibu bapa yang amat kecewa dan malu apabila mendapati anak mereka menagih dadah. Selalunya pilihan pertama, mereka ingin menyembunyikan perkara tersebut dan membawa anak-anak mereka mencari rawatan pilihan iaitu kepada bomoh dan lain-lainnya bagi memulih anak-anak mereka. Pada mereka untuk menghantar anak-anak tersebut ke pusat pemulihan adalah perkara terakhir. Kadang-kadang bila sudah menjadi kes polis barulah anak-anak ini dihantar ke pusat pemulihan. Oleh itu jika ada kuasa yang diberi kepada pegawai-pegawai perubatan tadi maka cepatlah anak-anak ini mendapat pemulihan dan juga rawatan.

Saya juga menyokong seksyen 7 dan 8. Ini adalah amat baik dan dapat membantu usaha-usaha kerajaan bagi memastikan negara kita bersih daripada najis dadah. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan akta ini akan kuranglah masalah penagih dadah di negara kita dan juga semoga pelaksana-pelaksana dapat bersama-sama menjalankan tugas dan tidak terdorong untuk menyalahgunakan kuasa mereka. Sekian terima kasih.

6.34 ptg.

Puan Hajah Hunaizah binti Mohd Noor: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk memperkatakan di dalam Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 1998.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa pihak kerajaan telah membelanjakan wang berjuta-juta ringgit untuk membuat pemulihan bagi penagih dadah. Dari sehari ke sehari jumlah penagih dadah terus meningkat. Pusat-pusat serenti sudah tidak mampu untuk menampung penagih-penagih tersebut. Sebahagian dari penagih terpaksa ditempatkan di penjara dan sebagainya. Di manakah silapnya, kerana setelah berada di pusat-pusat pemulihan atau dipenjara beberapa tahun apabila dibebaskan mereka terus menagih seolah-olah penagih dadah tidak pernah serik.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan penagih-penagih sebenarnya dari awal lagi mereka adalah terdiri daripada golongan yang lemah semangat mungkin menghadapi kekecewaan disebabkan kegagalan dalam bidang akademik, kurang mendapat perhatian, kasih sayang serta bimbingan. Apatah lagi disebabkan ketandusan pendidikan Islam yang diabaikan oleh ibu bapa atau penjaga. Masyarakat hari ini amat kecewa sekiranya anak-anak mereka gagal di dalam bidang pelajaran atau tidak berjaya memasuki IPT tetapi berapa ramaikah yang merasa sedih dan dukacita sekiranya anak-anak mereka tidak mendirikan sembahyang. Apatah lagi untuk membaca Al-Qur'an sebagai santapan jiwa.

Tuan Yang di-Pertua, yakinlah bahawa dengan membaca Al-Qur'an dan mengingati Allah sahaja yang dapat membantu serta menenangkan jiwa kita. Di dalam Al-Qur'an Allah menyebut, dengan izin, [*membaca sepotong ayat Al-Qur'an*] maksudnya: "hanya dengan mengingati dan mendekati Allah sahaja ketenangan jiwa dapat diperolehi".

Tuan Yang di-Pertua, kerana Al-Qur'an merupakan penawar bagi segala penyakit termasuklah juga penyakit jiwa yang tidak memperolehi ketenangan di dalam hidup termasuklah mereka yang menagih dadah. Oleh itu saya ingin mencadangkan agar pusat pemulihan mengambil serius terhadap

kepentingan pengisian rohani. Saya yakin bahawa penagih-penagih terdiri daripada kalangan mereka yang kosong jiwanya. Oleh itu aktiviti pemulihan haruslah diperbanyakkan serta merancang dengan teliti supaya program dapat diseimbangkan dengan program kemahiran dan pengisian rohani. Sekiranya penekanan diberikan terhadap kemahiran untuk saraan hidup ianya tidak akan dapat membangunkan jiwa penagih sebaliknya mereka mungkin menggunakan pendapatan yang diperolehi hasil dari kemahiran untuk terus mengikatkan diri dengan dadah. Manakala pengisian rohani akan dapat membantu menghidupkan jiwa penagih berpotensi meneruskan kehidupan dan seterusnya bertanggungjawab kepada diri mereka, keluarga, masyarakat, agama dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu adalah wajar hukuman yang lebih berat dikenakan kepada penagih dadah dan pengedar dadah serta para pegawai awam yang tidak melaksanakan tugas mereka bagi membanteras penyalahgunaan dadah ini dengan menggunakan hukuman sebat dan sebagainya, di samping mencari hukuman yang bersesuaian dengan hukum Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 1983. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali.

6.38 ptg.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya juga ingin menyentuh perbincangan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 1998 dengan membangkitkan beberapa perkara.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya saya amat bersetuju bahawa langkah-langkah tambahan perlu dibuat untuk memerangi gejala dadah yang semakin meningkat. Walaupun undang-undang yang sedia ada iaitu mandatori, hukuman gantung sampai mati kepada mereka yang terlibat dengan kegiatan pengedaran dadah tetapi nampaknya ianya tidak memberi kesan yang mencukupi atau mengurangkan masalah penagihan dadah ini. Jumlah ataupun bilangan anak-anak muda yang terlibat dengan penagihan dadah ini makin hari makin meningkat. Kalau dirujuk kepada jumlah mereka yang berada di pusat serenti.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya mengikuti agak lebih dekat dan penuh minat usaha-usaha untuk memerangi gejala kegiatan dadah ini kerana ianya merupakan penyakit yang boleh menggugat kestabilan negara. Tetapi walaupun kita mempunyai pelbagai undang-undang termasuklah mandatori, hukuman gantung sampai mati ianya tidak akan memberi kesan selagi masyarakat seluruhnya termasuk ibu bapa sendiri mengambil tanggungjawab yang lebih serius dalam usaha kita untuk memerangi masalah gejala dadah ini. Sememangnya saya bersetuju melalui pendidikan lebih-lebih lagi bagi masyarakat umat Islam dari segi mendekati anak-anak kita dengan pengajian rohani iaitu mendekati dengan pendidikan agama, dengan lebih banyak membaca Al-Qur'an dan seumpamanya sebagai salah satu jalan yang terbaik dan paling berkesan tetapi dari segi pelaksanaannya ialah tanggungjawab masyarakat dan ibu bapa seluruhnya. Selagi mana ibu bapa dan masyarakat menganggap atau menyerahkan tanggungjawab memerangi dadah ini merupakan tanggungjawab kerajaan, selagi itulah kita akan gagal dalam usaha untuk membanteras gejala dadah dengan lebih berkesan.

Saya melihat jumlah peningkatan penagih dadah di Kelantan sendiri, makin meningkat. Salah satu pintu masuk gejala dadah ini yang kita baca dalam akhbar, tidak kurangnya melalui pintu masuk antara sempadan Thailand dengan Malaysia iaitu di Rantau Panjang. Tahun ini sahaja ada beberapa kes yang diumumkan oleh pihak keselamatan, penangkapan dadah yang jumlahnya begitu besar. Saya lupa bawa jumlah angkanya, Tuan Yang di-Pertua, tetapi di Kelantan sendiri saya mengatakan tadi juga keadaannya makin meningkat, begitu juga di negeri-negeri lain.

Jadi selagi mana masyarakat dan ibu bapa tidak mengambil tanggungjawab yang serius, mendidik, menjaga anak masing-masing, selagi itulah dadah ini akan menghantui negara kita. Setakat mana kerajaan mampu untuk memulih masalah penagihan dadah ini, setakat mana? Saya percaya, makin lama makin banyak, pusat serenti sendiri pun sudah berapa banyak diwujudkan. Tetapi saya percaya, kalau ibu bapa mengambil berat baik di kalangan ibu bapa yang kaya-raya, yang mempunyai kedudukan sosialnya, tinggi dalam masyarakat ataupun ibu bapa di kampung yang miskin di mana kita lihat penagihan dadah sekarang ini sudah melata tanpa mengira kedudukan darjat keluarga - ada anak kampung, anak petani, anak nelayan, anak Tan Sri, anak Dato', anak orang-orang besar.

Boleh dikatakan, ada sahaja yang terlibat dengan penagihan dadah. Jadi kempen kesedaran ini, walaupun telah dibuat selama ini tetapi saya tengok secara bermusim. Ianya tidak dibuat secara gerakan besar-besaran, sepanjang masa, secara konsisten dan saya percaya kalaulah masyarakat dan ibu bapa mengambil berat, sudah barang tentu saya percaya usaha untuk mengurangkan masalah penagihan dadah ini dapat kita perangi atau dikurangkan. Begitu juga saya hendak menarik perhatian Dewan yang mulia ini, terutamanya Kementerian Dalam Negeri, yang bertanggungjawab kepada masalah ini, yang tidak mudah ataupun yang tidak ringan, seperti orang kata 'berat mata memandang, berat lagi bahu memikul'.

Saya pernah bercakap dengan beberapa orang yang terlibat dengan penagihan dadah yang dimasukkan ke pusat serenti dan sekarang ini pun, untuk makluman Dewan yang mulia ini, contohnya di kawasan saya – di Pasir Mas, saya

ada mewujudkan satu kawasan yang dipanggil Pondok Lambuk untuk ditempatkan orang-orang tua ataupun anak-anak yatim. Baru-baru ini, kita dikunjungi oleh ibu bapa yang hendak menyerahkan anak-anak mereka, yang terlibat dengan penagihan dadah. Ada salah seorang daripada mereka bukan orang dari Kelantan tetapi orang dari luar Kelantan, memberitahu saya, dia sudah masuk pusat serenti sebanyak dua kali dan dia membuat keputusan sendiri, datang dengan ibu bapanya, minta ditinggalkan anaknya di situ iaitu di kawasan Pondok Lambuk itu.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dia juga ada mengatakan dalam pusat serenti sendiri pun mudah mendapat bekalan dadah. Jadi macam mana di pusat serenti, yang kita anggap tempat pusat pemulihan untuk penagih-penagih tetapi dalam kawasan pusat serenti pun mereka boleh mendapat bekalan. Saya percaya juga, di lokap-lokap mungkin, di mana penagih-penagih ini ditahan secara reman, waktu itu pun mungkin ada pihak-pihak tertentu terlibat dengan pengedaran dadah dari dalam. Tidak hairan, sebab kita pernah dengar ada berita, pihak keselamatan sama ada pegawai-pegawai ataupun kakitangannya, sudah pun ditangkap sebelum ini kerana turut mengedarkan dadah di penjara, ataupun di dalam lokap atau pusat serenti.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya kira kerajaan juga harus melihat akan kemungkinan mewujudkan peruntukan undang-undang, menghukum mana-mana kakitangan, baik kakitangan penjara di pusat serenti ataupun di penjara sendiri ataupun kakitangan polis di lokap-lokap yang didapati bersalah membawa masuk dadah, berniaga mencari wang di atas penderitaan penagih-penagih dadah supaya mereka ini juga diberi hukuman yang seberat-beratnya.

Sebab, saya percaya kalau usaha ini tidak dibuat, sudah tentu masalah memerangi dadah ini sampai kiamat pun tidak akan selesai, apatah lagi dalam suasana dunia yang sudah berubah sekarang ini. Kebebasan anak-anak tidak lagi seperti dahulu, pergaulan di kalangan anak-anak muda sekarang ini begitu bebas, pusat-pusat hiburan pun tumbuh seperti cendawan, yang tidak terkawal. Jadi sudah tentu pada pengedar-pengedar dadah, ini satu sumber ekonomi yang besar dari segi perniagaan.

Maka, saya ingin mencadangkan supaya di pusat-pusat serenti terutamanya kerana di sinilah ramainya penagih-penagih dadah, kawalan ketat hendaklah diadakan dan kalau boleh kakitangan di penjara pusat serenti ini tidak begitu lama berkhidmat di satu-satu tempat. Kerana kalau dia lama berkhidmat di satu-satu tempat, pewujudan networking di kalangan mereka yang mengedar dadah ini sudah tentu lebih berkesan. Maka sebab itu, saya berharap hanya sekadar tindakan tatatertib sahaja tidak mencukupi, malah walaupun mereka terlibat dengan jumlah dadah yang sedikit, tetapi bagi mereka yang mengedar dadah di dalam kawasan pusat serenti, kita jangan ambil kira dari segi jumlah kilogramnya.

Maknanya, pegawai/kakitangan yang terlibat dengan pusat serenti, jika mereka didapati bersalah, ditangkap mengedar dadah tanpa mengira jumlah berat dadah yang diedar, mereka ini mestilah dikenakan hukuman di bawah 39B – mandatori, hukuman gantung sampai mati. Oleh kerana perbuatan mereka ini seperti ‘harapkan pagar, pagar makan padi’. Selagi mana pengajaran seumpama ini tidak dibuat, memang sukar hendak mengatasi masalah ini. Kita kenakan denda, daripada RM20,000 ke RM100,000, yang ada networking yang begitu berkesan - RM100,000 dengan izin, is nothing Tuan Yang di-Pertua, kepada mereka yang mempunyai sindiket yang besar dalam soal pengedaran dadah.

Mungkin mereka boleh membuat keuntungan berjuta ringgit, beratus ribu ringgit, seperti kita tahu, satu paket dadah yang bermacam-macam jenis yang bermutu tinggi ini, berapa nilainya? Sebab itu kalau setakat denda RM100,000-RM200,000 tidak ada makna bagi mereka, pada saya soal dadah ini tidak adalah denda dari segi wang ringgit dan kita pun dari segi kerajaan tidak patut kita melihat soal denda pengedar dadah dan sebagai sumber revenue kepada kerajaan.

Sebab itu saya berpendapat hukuman kepada pengedar dadah tidak lain selain daripada hukuman mandatori, hukuman bunuh yang telah wujud dalam undang-undang kita, termasuk juga hukuman rotan dan tidak ada lagi soal denda. Soal denda ini sama ada dikenakan denda sebanyak RM20,000 atau RM100,000 tidak ada makna langsung, yang perlu ialah rotan, pegawai atau kakitangan kerajaan yang kena ini yang terlibat kalau yang kita katakan yang menjaga pusat serenti, pegawai warder di penjara atau polis, ini kalau boleh dikenakan hukuman rotan (public canning), rotan di khalayak ramai, lagi berkesan, tak payahlah denda-denda ini sama ada RM5,000 atau RM10,000 atau RM20,000 atau RM30,000, tidak ada

makna langsung, tidak memberi apa-apa makna, yang ada makna pada saya ialah rotan dan mandatori ataupun hukuman penjara sepuluh atau 15 tahun baru berkesan, ini masalah pencegahan.

Masalah penagih-penagih ini macam mana pula? Memanglah ratusan juta ringgit telah dibelanjakan sampai hari ini pun saya percaya sebenarnya keadaan semakin teruk, bukan sahaja dadah jenis dadah-dadah baru ini pun macam-macam juga, ubat batuk, gam dan macam-macam jenis, sampai sesiapa yang makan benda-benda yang seumpama ini kena penyakit buasir, sakit buah pinggang, hilang akal dan macam-macam lagi.

Saya memuji sikap pasukan keselamatan yang bekerja keras, ramai yang telah dibuang daerah seumpamanya, tetapi yang pentingnya ialah sumber dadah itu sendiri. Saya percaya dadah tidak dibuat di negara kita ini, kita belum pernah jumpa lagi ladang ganja kecuali di masa dahulu sepuluh atau 15 tahun dahulu kebanyakannya diproses di luar negara kita. Soalnya macam mana perkara ini boleh bocor masuk ke negara kita? Melalui Bukit Kayu Hitam kita telah ada pagar, kalau hendak masuk ikut Singapura mustahil mungkin boleh berlaku, dahulu sudah pernah kena orang Australia dan New Zealand di Lapangan Terbang Bayan Lepas, di Lapangan Terbang Subang, ini yang canggih, mungkin sekali sekala, tetapi yang banyaknya ialah melalui kawasan sempadan, macam mana perkara ini boleh lepas, macam mana dadah ini boleh masuk ke negara kita, dahsyat betul, pil-pil yang disebut ecstasy harganya bukan murah, saya dengar sehingga RM80 atau RM100 atau RM150, makan sebiji sebesar biji jagung selepas satu jam mereka boleh menari depan pokok dekat tiga jam, boleh menari depan tiang batu dalam kelab itu seorang-seorang geleng kepala sampai tak sedar diri dan ini berlaku dan berlakunya perkara ini bukan secara senyap-senyap lagi, tetapi secara terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya mencadangkan juga supaya kerajaan duduk kembali mengkaji semula strategi memerangi masalah dadah ini dalam semua aspek. Pendekatan sekarang ini walaupun sedikit sebanyak telah menghasilkan kejayaan tetapi pada masa yang sama peningkatan juga tidak sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja pandangan saya, saya bangun untuk memperkatakan sesuatu sebab saya kira inilah di antara agenda yang penting, memerangi dadah lebih serius daripada kejatuhan harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur, lebih serius daripada nilai Ringgit kita jatuh, hari ini nilai Ringgit kita jatuh, besok boleh naik, hari ini saham jatuh mungkin besok boleh naik, ya Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz, tokoh korporat, ekonomi ini circle, asalkan kita kuat iman - sudah, tetapi bagi mereka yang terlibat dengan dadah, bangkai bernyawa yang tidak ada nilai satu sen pun, tetapi masyarakat kita 'keriau' riuh rendah bila saham jatuh, nilai Ringgit kita jatuh, betullah ini masalah ekonomi negara kita tidak nafikan ianya penting, tetapi sikap kita dalam soal dadah ini seolah-olah bersahaja dan kalau jumlahnya meningkat lebih banyak maka semuanya menyalahkan kerajaan meletakkan tanggungjawab kepada kerajaan, hatta ibu bapa yang ada anak mereka yang terlibat dengan dadah, mereka tidak menyalahkan diri mereka, mereka tidak katakan mereka salah, mereka kata kerajaan yang salah, apa yang kerajaan buat, kenapa polis tak kawal anak saya, kenapa guru sekolah tak kawal dan disiplinkan anak saya, mereka menyalahkan orang lain suku sakat, mereka langsung seolah-olah tidak bersalah.

Malah bila anak mereka kena pula dengan dadah, terbabit pula soal layanan, berlakunya kekerasan atau seumpamanya, lagi mereka marah kepada kerajaan. Inilah sikap yang kita harap dapat kita sedarkan kepada masyarakat kita, kepada ibu

bapa supaya peperangan ataupun jihad melawan gejala dadah ini dapat kita teruskan dengan lebih serius lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong.

6.58 ptg.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya telah mendengar keterangan dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen semasa membentangkan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 1998, jelas mengapa kerajaan ingin membuat pindaan kepada Akta Dadah Berbahaya 1952. Oleh kerana Akta Dadah Berbahaya 1952 adalah dibuat pada tahun 1952 telah ketinggalan zaman.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini mengikut angka rasmi penagih dadah adalah lebih dari 150,000 orang penagih dadah, kalau penagih dadah berarak dari Bangunan Parlimen boleh sampai ke Seremban, angka ini adalah sangat membimbangkan negara dan sangat membimbangkan masyarakat kita yang sedang menuju ke Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, dadah mengikut Yang Berhormat Dr. Yeow tadi yang mengatakan adalah sejenis ubat iaitu ubat yang baik 'to control the pain', tetapi kalau salah gunanya adalah racun, hari ini kita sedang berperang dengan racun.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja sekarang kita berperang dengan racun, pada 100 tahun dahulu di negeri China ramai orang menghisap candu ataupun opium. Pada masa itu ada seorang pegawai kanan Kerajaan Manchu namanya Lim Chee Choo merampas semua candu daripada orang Barat dan bakar beberapa tan semua candu ataupun opium dibakar secara terbuka di Fumen tempat dekat Kwangchu dalam province Kwantung. Akibatnya negara Barat mengemukakan

bantahan yang keras kepada Kerajaan Manchu dan berlakunya ‘Opium War’ yang terkenal dalam sejarah China ataupun sejarah dunia.

Pada hari ini, seratus tahun kemudian di Malaysia sedang berperang dengan dadah. Dari mana tempatnya dadah masuk. Hari ini kita hukum sampai mati – gantung sampai mati hukumannya tetapi dari mana masuknya dadah, itu soalan yang penting – tempat masuk. Jadi, tentera dan polis kita, ataupun kastam kita harus mengadakan kawalan yang ketat supaya dadah itu tidak dapat diseludupkan ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak mengizinkan saya bercakap panjang, maka saya ingin meringkaskan perbincangan saya. Dalam pindaan ini ayat yang berbunyi: “*Person who is licensed to sell by retail poisons*” adalah diganti dengan “*Licensed pharmacist*”. Pada hemat saya ini sesuai kerana perkataan ini lagi halus daripada akta pada tahun 1952 dahulu. Selain daripada itu, berkenaan dengan denda yang dinaikkan daripada RM20,000 hingga RM100,000 adalah layak kerana dengan denda yang begitu tinggi ini boleh menakutkan seseorang melakukan kesalahannya terhadap dadah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kita akan mengadakan undang-undang ka lau sesiapa pegawai awam yang bertugas di penjara, pusat pemulihan, lokap polis ataupun di mana-mana tempat tahanan, sesiapa yang didapati salah akan dikenakan hukuman sebat ataupun rotan. Ini adalah sesuai kerana ramai orang tidak takut bayar denda, tidak takut masuk penjara tetapi dia takut dirotan. Gangster yang begitu garang, mereka tidak takut masuk penjara, keluar masuk penjara sudah biasa kepada mereka tetapi mereka itu takut disebat ataupun dirotan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Fasal 6 adalah berkenaan dengan pesalah juvana. Juvana adalah seseorang yang melakukan kesalahannya di bawah umur 18 tahun. Kalau 18 tahun pada manusia adalah orang yang muda, orang yang dianggap sebagai juvana tetapi mengikut pindaan ini kita beri satu peluang kepada juvana yang melakukan kesalahan. Kita memberi rawatan kepada mereka, lebih baik daripada dihantar mereka ke penjara. Jadi, pada hemat saya pindaan ini adalah baik dan mewujudkan satu masyarakat yang penyayang.

Mengikut Fasal 7 akan mengadakan pengawasan sesudah dihukum kepada pesalah-pesalah. Ini pun layak dan sesuai oleh kerana seseorang yang melakukan kesalahan dan telah dihukum biasanya melakukan kesalahan semula. Jadi, previous conviction di mahkamah selalu ada tetapi kalau seseorang itu sesudah dihukum dan sesudah itu pengawasan diadakan oleh pegawai pemulihan atau pegawai polis, akan mencegah seseorang pesalah melakukan semula kesalahan itu. Jadi, ini adalah layak untuk mencegah jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pindaan ini mengikut pandangan saya dari segi undang-undang sebagai seorang peguambela dan peguamcara di Mahkamah Tinggi Malaysia, jadi pada hemat saya ini adalah sesuai dan layak pada hari ini untuk berperang dengan dadah dan orang-orang yang melakukan kesalahan itu.

Dengan kata-kata itu saya memohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan menjawab.

7.05 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada tujuh orang Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 1998. Ahli Yang Berhormat tersebut ialah Yang Berhormat Senator Dr. Yeow Seng Huat, Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, Puan Hajah Hunaizah binti Mohd Noor, Datuk Haji Ibrahim bin Ali dan Tuan Yim Chee Cheong. Semua sumbangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian di dalam perbahasan rang undang-undang ini, amat dihargai oleh kementerian saya dan banyak perkara mengenai enforcement sahaja.

Saya ingin terangkan di sini apabila saya membentangkan rang undang-undang ini, peranan Kementerian Kesihatan di bawah akta ini adalah memastikan segala urusan dengan dadah berbahaya untuk kegunaan dalam bidang perubatan dikawal ketat termasuk pengilangan, import, eksport, penjualan, bekalan dan penggunaan. Bagi dadah berbahaya seperti heroin, ganja, syabu, amphetamine, ecstasy dan lain-lain yang tidak digunakan dalam bidang perubatan dan menjadi dadah yang disalahgunakan atau drug abuse, pihak polis dan kastam adalah bertanggungjawab untuk menangani semua kes kesalahan mengenai pengedaran, penggunaan, pemilikan dan lain-lain. Hal-hal berkaitan dengan pemulihan penagih dadah adalah di bawah bidang kuasa Agensi Dadah Kebangsaan Kementerian Dalam Negeri. Apa sahaja sumbangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan enforcement di Dewan yang mulia ini akan disampaikan oleh kementerian saya kepada kementerian yang berkaitan.

Oleh itu, dua, tiga perkara yang disebutkan untuk tindakan kementerian saya, saya berikan jawapan di sini. Satu, oleh Yang Berhormat Dr. Yeow Seng Huat yang membangkitkan mengenai dengan dadah-dadah yang baru datang dalam market. Dadah-dadah yang baru datang dalam market memang ada di dalam peruntukan akta ini di mana Menteri boleh menyenaraikannya sebagai dangerous drugs, dengan itu polis boleh mengambil tindakan. Memang kita boleh jalankan tetapi bila kita mahu mengadakan hukuman dengan kematian dan lain-lain memang kita buat pindaan Akta Dadah ini, kita pun ada buat beberapa pindaan, kalau masa yang datang memang perlu mahu buat pindaan memang kita datang ke Parlimen dan kita buat pindaan tentang akta itu.

Yang kedua, Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin menyentuh mengenai kedai-kedai farmasi dan memang ada banyak di dalam negara kita dan mereka mahu memeriksa bersama dengan polis, itu yang mana saya pun setuju dan untuk makluman Yang Berhormat, pemeriksaan khas ke atas farmasi-farmasi dijalankan dengan polis pada tahun 1997 di mana polis kita ada mengambil tindakan ke atas empat buah farmasi dan empat buah klinik swasta kerana menjual ubat-ubat yang mengandungi codeine secara haram. Memang kita jalankan bila kita ada pergi

ke premis-premis, kita check ataupun kita pergi, kita panggil pegawai-pegawai dari polis ikut pegawai kita, oleh itu kita boleh ambil tindakan.

Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan berkata ibu bapa mestilah bertanggungjawab. Memang saya pun bersetuju dengan Yang Berhormat yang berkata bahawa ibu bapa mesti bertanggungjawab tetapi ada peruntukan yang bukan direct tetapi tanggungjawab dengan penagih untuk menyara kos saraan anak-anak mereka yang menjalani rawatan dan pemulihan di pusat serenti.

Dalam akta ini, peruntukan undang-undang yang menghendaki ibu bapa menyara kos saraan anaknya yang dimasukkan ke pusat serenti sudah ada di dalam seksyen 22(1) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983. Walau bagaimanapun, sebelum seorang majistret mengeluarkan satu-satu perintah yang menghendaki seorang ibu bapa penagih membayar apa-apa amaun terhadap kos saraan semasa anaknya berada di pusat serenti, majistret itu hendaklah menimbang latar belakang dan kemampuan ibu bapa berkenaan berhubung keupayaannya untuk menyara kos saraan anaknya di pusat serenti. Memang kita ada peruntukan dalam rang undang-undang ini, tetapi sampai hari ini belum ada satu kes pun, tetapi saya boleh sampaikan kepada Pejabat Attorney-General supaya dia boleh gunakan peruntukan ini. Itu satu cara yang baik dan saya pun menyokong.

Yang Berhormat Senator Habshah binti Haji Osman berkata penagih dadah yang tidak kronik jika dilepaskan, bila dia keluar dari tempat tahanan, mereka boleh jadi satu masalah kepada rakyat. Orang-orang yang gila tidak dimasukkan di dalam penjara, tetapi mereka dihantar ke hospital untuk pesakit mental, dan penagih yang berpenyakit kronik seperti AIDS yang tidak propensity untuk dipulihkan walaupun kita tengok dengan banyak masalah kita tidak boleh pulih mereka, kes-kes semacam ini, segolongan masih ada lagi di pusat-pusat pemulihan. Mereka menjalani aktiviti seperti kaunseling sebagaimana penagih lain, tetapi mereka menduduki bilik yang berasingan. Tetapi ada sebahagian dibebaskan ke komuniti kerana pusat serenti tidak ada pakar untuk merawat mereka itu, ada ribuan dan mereka tidak boleh disimpan dalam tahanan.

Inilah jawapan dari saya, dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA
1998****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****7.17 mlm.**

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pengawalseliaan dan pengawalan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta dan kemudahan dan perkhidmatan lain yang berhubungan dengan kesihatan dan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Kementerian mendapati bahawa Akta Hospital Persendirian 1971 tidak lagi mencukupi bagi mengawal perkembangan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan jagaan kesihatan swasta di negara ini. Standard yang diperuntukkan tidak lagi sejajar dengan tahap dan cara perawatan masa kini. Banyak jenis kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta tidak dikawal di bawah mana-mana undang-undang, manakala Kementerian Kesihatan tidak mempunyai kuasa untuk memasuki dan memeriksa pelbagai jenis premis jagaan kesihatan seperti klinik-klinik dan premis-premis kesihatan yang tidak berlesen.

Rang undang-undang yang dicadangkan ini bertujuan untuk mempertingkatkan standard dan mengawal kualiti semua jenis kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan di sektor swasta, menjaga kepentingan pesakit dengan mengawal caj bayaran, mengadakan mekanisme melayan aduan pesakit dan memelihara hak-hak pesakit, mempertahankan integriti profesion kesihatan, menyerapkan konsep masyarakat penyayang dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta, memastikan pengagihan kemudahan kesihatan (kecuali klinik-klinik) agar lebih saksama, memberi kementerian kuasa penuh untuk mengawal selia dan mengawal semua jenis kemudahan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta.

Sehubungan dengan ini, kementerian mencadangkan satu akta baru yang dinamakan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 diwujudkan bagi mengawal semua jenis kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan di sektor swasta negara ini.

Bahagian I dicadangkan untuk memberi tajuk ringkas dan peruntukan kuatkuasa dan untuk memberi tafsiran beberapa perkataan dan ungkapan yang digunakan di dalam rang undang-undang ini.

Bahagian II bertujuan untuk mengawal semua jenis kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan yang terdapat di sektor swasta melalui sistem pelesenan dan pendaftaran. Fasal 3 menyenaraikan jenis-jenis kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan yang akan dilesenkan termasuk hospital, hospital psikiatri, rumah bersalin, rumah jagaan kejururawatan, rumah jagaan kejururawatan psikiatri, bank darah, pusat hemodialisis dan hospis. Fasal 4 yang dicadangkan menghendaki semua klinik perubatan dan klinik pergigian didaftarkan.

Bagi memastikan semua kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan menyediakan kemudahan dan perkhidmatan yang berkualiti yang tidak kurang daripada standard minimum yang

ditetapkan itu, kementerian telah mencadangkan penalti yang berpatutan bagi mereka yang melakukan sebarang kesalahan di bawah rang undang-undang tersebut. Misalnya, sesiapa yang menyediakan kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan swasta tanpa lesen atau pendaftaran, Fasal 5 rang undang-undang memperuntukkan hukuman denda maksimum sebanyak RM300,000 atau penjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya dijatuhkan ke atas seorang individu jika disabitkan kesalahan tersebut.

Bagi pelesen yang terdiri daripada perkongsian, pertubuhan perbadanan atau persatuan pula, jika disabitkan dengan kesalahan yang sama, hukuman denda maksimum sebanyak RM500,000 boleh dijatuhkan. Rang Undang-undang ini juga memperuntukkan hukuman denda atau penjara dikenakan ke atas orang yang bertanggungjawab ke atas sesuatu badan korporat, setiap pekongsi sesuatu perkongsian dan 'office bearers' sesuatu persatuan yang telah disabitkan dengan kesalahan itu. Hukuman penalti bagi kesalahan-kesalahan lain adalah berpatutan dengan jenis kesalahan yang disabitkan.

Fasal 6 dicadangkan bagi membenarkan individu, perkongsian atau pertubuhan perbadanan untuk mendapatkan sesuatu lesen kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan selain daripada klinik perubatan atau klinik pergigian dengan syarat individu atau salah seorang daripada ahli-ahli perkongsian atau pertubuhan perbadanan tersebut adalah seorang pengamal perubatan berdaftar. Walau bagaimanapun, fasal 6(2) memberi kebenaran bagi seseorang jururawat terlatih berdaftar untuk memegang lesen sesuatu rumah jagaan kejururawatan manakala fasal 6(3) membenarkan seseorang bidan berdaftar memegang lesen rumah bersalin dengan syarat premis-premis berkenaan mendapatkan seorang pengamal perubatan pelawat untuk mengawalselia premis-premis tersebut. Fasal 6(4) pula memberi kelonggaran bagi sesuatu persatuan untuk memegang lesen hospis dan pusat hemodialisis dengan syarat terdapat pengamal perubatan dalam keahliannya dan premis-premis tersebut memberikan perkhidmatan secara 'non-profit' atau kebajikan.

Kementerian mencadangkan fasal 7(1) bagi menghendaki klinik perubatan didaftarkan di bawah seseorang pengamal perubatan berdaftar yang mempunyai perakuan amalan tahunan yang sah sahaja manakala fasal 7(2) membenarkan klinik

pergigian didaftarkan di bawah seseorang pengamal pergigian berdaftar atau badan korporat mengikut seksyen 28 Akta Pergigian 1971.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini memperuntukkan 2 peringkat dalam prosedur pelesenan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta selain daripada klinik-klinik. Peringkat pertama ialah permohonan untuk mendapatkan kelulusan untuk menubuhkan atau menyenggarakan sesuatu kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan dan peringkat kedua ialah permohonan untuk mendapatkan lesen untuk mengendalikan atau menyediakan kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan tersebut.

Bahagian III memperuntukkan prosedur untuk mendapatkan kelulusan untuk menubuhkan atau menyenggarakan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta selain daripada klinik-klinik. Fasal 8(1) menghendaki si pemohon mengemukakan pelan menyeluruh bagi penubuhan atau penyenggaraan kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan termasuk pernyataan mengenai lokasi premis dan jenis kemudahan dan perkhidmatan yang akan disediakan selain dari maklumat-maklumat lain yang diperlukan untuk dinilai oleh Ketua Pengarah Kesihatan. Penilaian lokasi bagi sesuatu kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan di bawah Rang Undang-undang ini tidak akan bercanggah dengan kuasa-kuasa agensi kerajaan lain seperti Majlis Tempatan. Kementerian hanya berhasrat untuk memastikan si pemohon tidak menubuhkan sesuatu premis jagaan kesihatan atau menyediakan sesuatu jenis perkhidmatan jagaan kesihatan yang sama di sesuatu kawasan yang telah pun 'saturated' atau 'oversupplied' dengan kemudahan atau perkhidmatan tersebut. Selain daripada itu, perkiraan yang dicadangkan bagi pengambilan serta latihan tenaga manusia akan diberi pertimbangan berat semasa menilai 'merit' sesuatu permohonan.

Bahagian IV adalah bagi memperuntukkan proses mendapatkan lesen untuk mengendalikan atau menyediakan sesuatu kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan. Fasal 14 memberi pemegang sesuatu kelulusan untuk menubuhkan atau menyenggarakan kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan tempoh 3 tahun untuk menubuhkan kemudahan atau perkhidmatannya itu. Tempoh masa tersebut

boleh dilanjutkan dengan persetujuan Ketua Pengarah Kesihatan. Fasal 15 memperuntukkan prosedur bagi memohon sesuatu permohonan lesen. Fasal 16 dicadangkan untuk memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Kesihatan melantik pegawai-pegawai untuk memeriksa premis yang hendak dilesenkan bagi memastikan sama ada ke semua standard yang ditetapkan telah dipatuhi atau tidak sebelum meluluskan atau menolak sesuatu permohonan itu mengikut peruntukan di bawah fasal 19. Ketua Pengarah Kesihatan boleh menolak sesuatu permohonan untuk mendapatkan lesen atau permohonan pembaharuan lesen atas alasan-alasan yang diperuntukkan dalam fasal 18. Fasal 22 memperuntukkan bahawa tempoh sahlaku lesen selama 2 tahun dan pembaharuan boleh dipohon mengikut proses yang ditetapkan. Fasal 23 menghendaki lesen dipamerkan. Fasal 24 memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Kesihatan untuk meminda tujuan atau syarat-syarat lesen sekiranya difikirkan perlu.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian V Rang Undang-undang yang dicadangkan ini mengandungi prosedur pendaftaran klinik-klinik perubatan dan klinik-klinik pergigian. Kebanyakan klinik-klinik tersebut memberi perkhidmatan konsultasi dan 'minor procedure' sahaja. Setiap klinik sedia ada diberi tempoh enam bulan untuk mendapatkan pendaftaran. Standard minimum juga dikenakan ke atas kemudahan dan perkhidmatan yang diberikan di klinik-klinik tersebut. Pendaftaran klinik-klinik di bawah Rang Undang-undang ini akan memberi kuasa kepada Kementerian ini memeriksa premis berkenaan dan seterusnya mengambil tindakan ke atas mana-mana pemegang sijil pendaftaran yang melanggar kehendak undang-undang ini.

Bahagian VI menjelaskan tugas dan tanggungjawab pemegang lesen dan pemegang perakuan pendaftaran. Fasal 31(1)(a) mempertanggungjawabkan pemegang lesen atau pemegang perakuan pendaftaran untuk mendapatkan seorang 'orang yang bertanggungjawab' yang berkelayakan untuk menguruskan, mengawal dan mengawal selia aktiviti-aktiviti premis jagaan kesihatan berkenaan. Kelayakan dan tanggungjawab orang yang bertanggungjawab tersebut dijelaskan dalam fasal 32. Fasal 31(1)(C) menghendaki pemegang lesen atau pemegang perakuan

pendaftaran memastikan kesemua pekerja profesionalnya adalah berdaftar dengan Majlis atau Lembaga profesion masing-masing dan diberi tugas mengikut kelayakan mereka sahaja. Fasal 34 bertujuan untuk mengawal orang-orang yang dibenarkan memberi jagaan peribadi kepada pesakit dan mereka dikehendaki mempunyai latihan yang ditetapkan oleh kementerian dan dilarang dari menjalankan amalan kejururawatan. Fasal 35 menghendaki setiap kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan swasta mengadakan pernyataan dasar masing-masing mengenai tanggungjawab mereka terhadap pengguna misalnya mempamerkan cara bayaran, jadual fee dan lain-lain hal.

Fasal 36 dicadangkan bagi memperuntukkan setiap premis mengadakan mekanisme melayan aduan daripada pesakit atau pengguna. Fasal 37 menghendaki setiap premis jagaan kesihatan berlesen atau berdaftar melaporkan secepat mungkin kepada pihak kementerian apa-apa insiden luar ramalan atau jangkaan yang berlaku di premis misalnya kebakaran, kematian pesakit yang perlu dilaporkan kepada koroner. Fasal 38 bertujuan untuk memastikan setiap premis kesihatan memberi rawatan kecemasan kepada sesiapa yang memerlukannya mengikut tahap keupayaan premis tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian VII Rang Undang-undang bertujuan untuk mengadakan peruntukan am berhubung dengan pelesenan dan pendaftaran.

Bahagian VIII Rang Undang-undang bertujuan untuk mengadakan peruntukan penggantian dan pembatalan lesen, keengganan untuk membaharui lesen dan penggantungan dan pembatalan pendaftaran.

Bahagian IX memperkatakan penutupan, penjualan dan pelupusan kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan swasta oleh pemegang lesen atau pemegang perakuan pendaftaran.

Bahagian X Rang Undang-undang bertujuan untuk mengawal kemudahan dan perkhidmatan bank darah serta perkhidmatan transfusi darah di sektor swasta demi menjaga keselamatan pesakit dan orang ramai. Fasal 55 melarang mana-mana orang menjual atau membeli darah. Pendermaan darah hendaklah dilakukan

secara percuma, sukarela dan ikhlas. Fasal 56 dan 57 bertujuan untuk mengawal pengimportan dan pengeksportan darah bagi perkhidmatan transfusi darah.

Bahagian XI bertujuan untuk mengawal standard perkhidmatan transfusi darah di kemudahan jagaan kesihatan swasta. Di antara lain kemudahan-kemudahan seperti hospital dan rumah bersalin dikehendaki mengawal selia bekalan darah premis masing-masing agar sentiasa berada di tahap yang mencukupi bagi penggunaan hariannya dan memastikan penyimpanan darah dilakukan dengan cara sempurna dan selamat.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian XII dicadangkan untuk memastikan premis-premis jagaan kesihatan sentiasa mempertingkatkan kualiti kemudahan dan perkhidmatan masing-masing melalui program Kepastian Kualiti. Salah satu aktiviti tersebut adalah audit perubatan ke atas sesuatu kematian yang sepatutnya boleh dielakkan. Bagi tujuan audit tersebut, jawatankuasa atau Jawatankuasa-jawatankuasa Penilaian Kematian Kebangsaan akan ditubuhkan bagi meyasat kes-kes kematian.

Tugas utama jawatankuasa-jawatankuasa tersebut ialah untuk menentukan sama ada sesuatu kematian itu boleh dielakkan dan mengenal pasti kelemahan-kelemahan dalam perkhidmatan, prosedur, pembedahan, polisi, teknologi perubatan ataupun kesilapan di atas premis, pengamal atau pekerja kesihatan lain yang telah mengakibatkan sesuatu kematian itu. Tujuan siasatan adalah semata-mata untuk mengenal pasti punca kematian, memberi rekomendasi bagi mengatasi sebarang kelemahan yang dikenal pasti demi mengelak berulangnya kematian sedemikian.

Siasatan oleh jawatankuasa ini tidak bertujuan untuk mengambil tindakan tatatertib ataupun apa-apa tindakan ke atas pengamal, pekerja kesihatan atau premis. Tindakan tatatertib atau tindakan mahkamah ke atas mana-mana pengamal,

pekerja kesihatan atau premis dan lain-lain siasatan seperti 'coroner's inquiry' boleh dijalankan secara berasingan dari siasatan audit perubatan ini. Kerahsiaan maklumat yang diperolehi oleh Jawatankuasa Penilaian Kematian Kebangsaan dipelihara di bawah fasal 70. Jawatankuasa-jawatankuasa lain dan mahkamah sivil tidak akan dibenarkan mendapatkan maklumat-maklumat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian XIII adalah bertujuan untuk memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Kesihatan menguatkuasakan program Kepastian Kualiti di Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Sektor Swasta.

Bahagian XIV memperkatakan peruntukan-peruntukan berhubung dengan Lembaga Pengurusan dan Jawatankuasa Penasihat.

Bahagian XV bertujuan untuk mengawal Organisasi Jagaan Yang Diuruskan (Managed Care Organisation (MCO)).

Bahagian XVI rang undang-undang menerangkan tatacara penguatkuasaan peruntukan-peruntukan perundangan ini.

Bahagian XVII memperuntukkan kuasa-kuasa Menteri Kesihatan untuk memutuskan rayuan, mengeluarkan arahan am, memberi pengecualian, melantik Lembaga Pelawat Hospital Swasta, menetapkan jenis dan kuantum sumbangan kebajikan atau sosial, menetapkan Jadual Fee bagi mengawal caj-caj bayaran yang dikenakan oleh pihak swasta dan membuat peraturan-peraturan.

Bahagian XVIII memperkatakan perkara-perkara pelbagai seperti daftar, iklan, penyampaian notis dan penalti am.

Peruntukan kecualian dan peralihan terdapat dalam Bahagian XIX rang undang-undang yang memansuhkan Akta Hospital Persendirian 1971 dan membenarkan Menteri membuat peruntukan peralihan untuk memastikan pelaksanaan lancar akta yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah didapati perlu untuk mengadakan undang-undang bagi mengawal semua jenis kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan yang terdapat di sektor swasta agar ianya berkembang secara teratur dan saksama serta memberikan perkhidmatan yang berkualiti. Selain daripada itu, undang-undang ini bertujuan untuk mengikis sikap 'commercialism', dengan izin yang kian bertambah di kalangan sektor kesihatan jagaan swasta, menekankan kepentingan etika profesion kesihatan, mempertahankan hak pesakit dan pengguna dan memastikan keselamatan dan kesejahteraan pesakit sentiasa terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pengawalseliaan dan pengawalan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta dan kemudahan dan perkhidmatan lain yang berhubungan dengan kesihatan dan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: *[Bangun]*

Dr. Yeow Seng Huat : *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz.

7.37 mlm.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri kerana hendak menyokong Rang Undang-undang Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 yang dibentangkan oleh pihak kerajaan baru sebentar tadi dengan panjang lebar.

Saya hanya hendak menyentuh dari segi beberapa isu kerana dari segi mekanisme penggunaan rang undang-undang ini amat jelas sekali di mana kuasa-kuasa tertentu diberikan kepada pihak-pihak tertentu semata-mata hendak mengawasi cara perjalanan hospital-hospital swasta dan badan-badan pertubuhan pergigian dan perubatan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, amat tepat sekali untuk pihak kerajaan mengemukakan dan menggubal undang-undang baru ini kerana ianya memang secocok dengan apa yang berlaku sekarang ini. Kita dapati terlalu banyak hospital swasta terutamanya tumbuh di seluruh pelosok negara di mana pihak swasta menerusi pelaburan yang amat tinggi mendirikan hospital-hospital ini dengan peralatan-peralatan perubatan yang amat canggih semata-mata untuk memberi perkhidmatan yang juga dianggap canggih kepada mereka yang memerlukan.

Tetapi pada masa yang sama dengan wujudnya pendekatan swasta di dalam bidang perubatan di negara kita ini, tentulah setiap pelabur yang mengeluarkan wang yang begitu tinggi untuk membangunkan sebuah hospital dengan peralatan-peralatan canggih, mereka tentu sekali menunggu keuntungan. Keuntungan, mungkin tahun pertama tidak dapat, tahun kedua, ketiga tetapi motif untuk seseorang menjalankan perniagaan baik apa sekalipun perkhidmatan terutama sekali perkhidmatan perubatan ini bottom linanya ataupun apa yang dikatakan matlamatnya ialah mencari keuntungan supaya pulangan modal. Kalau kita letakkan wang kita RM100 juta di dalam bank dengan mendapat pulangan katakanlah faedah 10%, bererti kita dapat RM10 juta setahun. Begitulah juga dengan mereka yang melibatkan diri hendak membangunkan hospital kalau dia terpaksa membelanjakan RM100 juta untuk membangunkan hospital dengan peralatan yang amat canggih, mereka sekurang-kurang hendak mendapat RM10 juta setahun, 10% daripada

pulangan modal tetapi kadangkala perkara ini lebih daripada itu. Kalau kita seorang pelabur kita hendak melabur wang RM100 juta kita banyak mempunyai pilihan dan hospital swasta merupakan salah satu pilihan.

Jadi, di sinilah terletaknya kebijaksanaan kementerian menerusi rang undang-undang ini bagi menentukan sejauh mana mereka yang melabur ini mendapat keuntungan dan apa pula kos fee struktur, fee perkhidmatan yang terpaksa mereka kenakan kepada pesakit-pesakit atau mereka yang memerlukan perkhidmatan.

Jadi, saya mengharapkan skala ini, pihak kementerian kena kaji betul-betul, kena audit struktur kos setiap hospital yang dibangunkan kerana kita tidak mahu kos yang dibebankan kepada hospital ini dapat mencerminkan fee yang begitu tinggi sehinggakan hospital-hospital swasta hanya layak digunakan oleh kelas-kelas menengah sahaja. Jadi, besok kita tidak mahu hospital kerajaan untuk mereka yang daif dan miskin, hospital swasta untuk kelas menengah dan ke atas.

Jadi perbezaan seperti ini dalam bidang perkhidmatan perubatan amatlah menyedihkan dalam kita hendak menentukan semua rakyat jelata mendapat perkhidmatan perubatan yang saksama.

Dalam hal yang demikian juga saya ingin menyeru pihak kerajaan, kalau wujudnya hospital-hospital swasta ini dengan fee yang tertentu, dengan kos yang tertentu, kita hendak mereka memberi jaminan. Tidak ada seorang pun di dalam kecemasan terpaksa dikeluarkan ataupun tidak diterima oleh hospital-hospital ini kerana mereka tidak dapat memberi jaminan untuk membayar kos perkhidmatan hospital kerana yang kita dengar di surat-surat khabar sudah ada, sudah wujud beberapa kes di mana seorang kena accident ke, hendak dibawa ke hospital yang terdekat, hospital swasta tetapi mereka ini seorang buruh, seorang marhaen tidak ada duit untuk memberikan pendahuluan, hospital ini tendang dia keluar, pergi cari tempat lain. Kalau hendak yang murah, yang percuma pergi ke hospital-hospital

kerajaan. Dan mungkin hospital kerajaan 10 - 20 batu dari tempat mereka tujui, on the way, mohon izin mati. Dan siapa kita hendak salahkan perkara ini. Jadi kita tidak mahu, kita hendakkan jaminan.

Hospital-hospital swasta terpaksa menerima dari segi etika pun saya rasa mereka terpaksa menerima. Doktor-doktor ini semuanya mengambil sumpah 'hipokrit'sumpah apa doktor... [Ketawa]

Seorang Ahli: [Hippocratic]

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: *Hippocratic* bukan 'hipokrit', mohon izin, kalau hipokrit lain pula maknanya. '*Hippocratic*' maknanya dia hendak menolong orang-orang yang memerlukan perkhidmatan ini. Jadi kita hendakkan supaya perkara seperti ini tidak berlaku. Entah macam mana pihak kementerian hendak menjalankan bidang kuasa ini saya tidak tahu. Saya hendak mencadangkan supaya setiap hospital swasta mesti menyalurkan peruntukan tertentu tiap-tiap tahun menerusi keuntungankah, saya tidak tahu. Ataupun jumlah pesakit yang datang kepada satu tabung khas di mana tabung ini boleh digunakan dalam masa-masa kecemasan untuk membiayai mereka yang memerlukan perkhidmatan tetapi tidak mampu kerana kecanggihan hospital swasta ini mungkin mereka terpaksa membayar dengan kos yang begitu tinggi.

Pada masa yang sama saya dapati baru-baru ini, apabila wujudnya hospital-hospital swasta yang banyak bercambah di negara kita ini, kita dapati ramai juga pakar dari luar negara datang, berderun masuk. Bukan sahaja mereka hendak melabur tetapi menghantar pula pakar-pakar perubatan tertentu. Saya dengar ada cerita patologi-patologi dari Australia, dari negara-negara lain, datang ke Malaysia untuk mengambil bahagian terutama apabila kerajaan mengumumkan setiap pekerja asing terpaksa mengambil perkhidmatan setiap tahun dari segi hendak cek darahkah, nak cek ini, nak cek itu, lepas itu perkara ini diberi pula pada Fomema dan Fomema pada suatu ketika meletakkan dengan harga yang begitu tinggi.

Saya rasa sekarang ini telah pun dicek balik semula oleh pihak kementerian sudah kurang sedikit. Tetapi perkara seperti ini kerana ada 2 juta

lebih pekerja-pekerja asing. Kalau kena bayar tiap-tiap tahun RM200 cuba bayangkan berapa pendapatan yang boleh didapati oleh Fomema yang melantik pula mereka yang mempunyai laboratory berkenaan dengan darah ini, nak cek darah dan sebagainya. Dan saya hendak tahu dari pihak kerajaan, berapa orang patologi-patologi dari luar negara yang sekarang ini bekerja di negara kita ini menerusi pertubuhan-pertubuhan swasta yang diwujudkan semata-mata untuk cek darah dan sebagainya. Jadi kita hendak tahulah, adakah ianya mendorong patologi-patologi dan juga pakar-pakar lain yang datang ke sini atas alasan kita tidak cukup dari segi pakar-pakar kita sendiri. Saya hendak tahu berapa ramai dengan wujudnya sistem penswastan yang ada sekarang ini, berapa ramai pakar dari luar negara, dari mana?.

Dan kerana ini meninggikan kos dan juga pada masa yang sama, pakar-pakar di tempat kita ini tidak kurangnya juga. Soalnya sebanyak mana kita hendak bayar, kita hendak bayar patologi, misalnya dari Australia RM30,000 sebulan - RM40,000 sebulan. Walaupun patologi-patologi kita ada yang bekerja dengan kerajaan ada yang buat sendiri, mungkin mendapat RM15,000 - RM20,000. Jadi kita hendak tahu kerana ini akan meningkatkan lagi bebanan kos kepada pertubuhan-pertubuhan ini. Dan bebanan ini kalau mereka bermotif kepada keuntungan secara komersial, ianya selalu dibebankan pula kepada pesakit-pesakit.

Saya amat tertarik hati juga Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan wujudnya jawatankuasa yang akan menyiasat kes-kes kematian kerana kita dapati baru-baru ini sahabat-sahabat kita pun ada terlibat, ada yang meninggal dunia lepas operation sikit sahaja di hospital-hospital swasta. Dan perkara yang amat mudah, meninggal, kita tengok sedih juga dengarnya, setelah berkecimpung dalam bidang-bidang tertentu, menjalankan kegiatan perniagaan dan sebagainya pergilah operation yang kenit sahaja, operationnya, resdung. Resdung ini cakap orang putihnya saya sudah lupa....

Seorang Ahli: Sinus.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Sinus, ini ramai orang penyakit sinus. Sinus ini, saya diberitahu mereka yang kena penyakit sinus ini bila dia tidur

dia berdengkur. Berdengkur ini kalau sekiranya partner kita ataupun sahabat kita yang tidur bersama kita tidak suka dengan berdengkur ini terpaksa buat operation. Bila buat operation, operation yang senang ini. Saya difahamkan senang sahaja operationnya tetapi dalam keadaan yang senang ini sudah ada dua kes di dalam surat khabar, saya baca sudah dua kes meninggal dunia di hospital swasta dan sebagainya.

Jadi saya tidak tahulah indeks, adakah pihak kementerian menubuhkan indeks-indeks tertentu dari segi ratio atau nisbah kematian di hospital, apa penyakit dia, kenapa dia mati, kita hendak tahu. Lepas itu kita hendak tengok pula besok, setiap hospital swasta ini termasuk yang kerajaan juga, kita adakan indeks kematian. Maksudnya hendak memberikan keyakinan kepada orang ramai. Kalau sesebuah hospital itu ramai sangat mati, tak yakin oleh orang, orang hendak pergi pun takut ke hospital ini - terlalu ramai yang mati. Dengan sakit pinggang sikit, mati, dengan sakit sini mati, sakit hidung pun mati juga. *[Ketawa]*

Jadi ini semua kuasa Tuhan, Tuan Yang di-Pertua tetapi cara dan kaedah, cara dia hendak mengubat itu, cara hendak membedah itu kita hendak tahu. Jadi pihak kementerian mesti adakan indeks. Mengindekskan sesuatu hospital di atas nisbah kematian atau tahap berapa ramai pesakit mati dan apakah sebabnya. Jadi jawatankuasa ini mesti membentangkan setiap tahun laporan berkenaan dengan hospital-hospital yang mempunyai kes-kes yang disiasat kepada Dewan yang mulia ini menerusi kementerian kerana kita hendak tahu. Kita takut bukan sahaja pesakit-pesakit ini bimbang.

Kalau kita hendak menjadikan Malaysia sebagai pusat yang canggih di dalam dunia pendidikan, juga satu ketika sahabat saya ada mengutarakan Institut Jantung Malaysia misal kata. Kerana ramai orang sudah pergi sana dan sukses begitu tinggi tukar jantung, masuk jantung pun sukses, berjaya. Kita hendak tunjukkan kepada dunia sebagai satu dorongan dan tarikan sebagai satu cara hendak memasarkan perkhidmatan hospital di negara ini secanggih hospital di tempat-tempat lain.

Begitulah juga dari segi Telemedicine. Seperti yang kita mempunyai akta pun Telemedicine. Hendak tahu talian medicine ini

Seorang Ahli: Teleperubatan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Teleperubatan., juga hendak kita pasarkan di peringkat antarabangsa. Dan kalau kita mewujudkan pakar-pakar yang dilatih, yang terlatih menerusi struktur perkhidmatan swasta yang kini bercambah begitu banyak.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa rakan-rakan saya setuju memandangkan akta ini amat terang dan jelas, yang perlu dibentangkan tadi ialah dari segi mekanismenya, syarat-syarat tertentu, bagaimana dapat mewujudkan hospital. Jadi saya rasa tidak ramai yang hendak berhujah kerana banyak lagi bil yang kita hendak hujah. Oleh itu saya menyokong akta yang dibentang sebentar tadi. Terima kasih.

7.50 mlm.

Dr. Yeow Seng Huat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas dalam rang undang-undang ini. Sebenarnya apa yang hendak saya cakapkan, Yang Berhormat Dato' Aziz sudah di depan saya. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, setelah saya menelaah isi kandungan rang undang-undang ini, pada hemat saya rang undang-undang ini dibuat pertama kalinya telah mengadakan peruntukan yang jelas kepada kerajaan meneruskan dan mengawal selia premis-premis yang diberi kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta. Ini adalah merupakan sebagai satu langkah yang baik demi kesejahteraan rakyat jelata. Perkhidmatan kesihatan adalah merupakan satu perkhidmatan asas yang menjadi keperluan kepada setiap lapisan rakyat. Di akhir-akhir ini perbelanjaan penyelenggaraan kesihatan diri semakin meningkat sehingga semakin ramai rakyat yang saya kira tidak begitu mampu untuk membiayai kos rawatan dan adalah di luar kemampuan sebahagian besar rakyat untuk membiayai. Saya kira kerajaan perlu prihatin berhubung hal ini demi meneruskan tanggungjawab yang berkesan dalam memastikan tahap pengurusan kesihatan yang sedia baik dapat diteruskan dengan lebih cemerlang tanpa mengira apa lapisan rakyat itu berada.

Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini hospital-hospital swasta tumbuh bagaikan cendawan, saya kira ini merupakan satu perkembangan yang positif ke arah kesejahteraan rakyat. Sayangnya pertambahan ini sekadar bertumpu di kawasan-kawasan tertentu sahaja terutamanya di Lembah Klang. Saya cadangkan agar kuasa tertentu diadakan di dalam rang undang-undang ini untuk merancang penempatan hospital-hospital berkenaan bersesuaian dengan taburan dan permintaan penduduk. Janganlah semua hospital yang diadakan semua di Lembah Klang, Pulau Pinang atau di Johor Bahru sahaja. Biarlah lain-lain negeri mendapat perkhidmatan hospital swasta.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan agar pembangunan hospital ini dijadikan sebagai subjek pelengkap daripada kemudahan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan sendiri atau

sekiranya boleh pembangunan hospital swasta adalah merupakan satu alternatif kepada rakyat tidak kira di mana mereka tinggal untuk mendapat perkhidmatan kesihatan yang baik. Demi memastikan setiap lapisan masyarakat mendapat manfaat daripada kemudahan dan perkhidmatan hospital swasta ini terutamanya rakyat berpendapatan rendah, saya rasa elok juga Menteri dengan kuasa yang ada kepadanya atau Ketua Pengarah Kesihatan sendiri mengadakan satu peraturan yang boleh memberi manfaat kepada rakyat berpendapatan rendah dengan mengadakan satu tabung khas. Tadi Yang Berhormat Dato' Aziz pun ada bercakap berkaitan dengan tabung ini dan saya dengar memang tabung ini telah dicadangkan pada masa dahulu tetapi sehingga kini, jikalau tabung ini telah disediakan saya ingin tahu kedudukannya dan berapa orang miskin telah menikmati dari tabung-tabung ini. Sekiranya tabung ini belum diwujudkan saya mencadangkan supaya tabung ini ditubuhkan agar kutipan daripadanya dapat membiayai atau disubsidikan kepada kos rawatan dan penjagaan untuk golongan-golongan miskin. Semoga dengan adanya tabung ini beban sebahagian besar rakyat berhubung dengan penjagaan kesihatan dapat diringankan. Saya cadangkan supaya 10% daripada keuntungan hospital swasta ini dijadikan sebagai sumbangan daripada hospital untuk mengisi tabung itu.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dianggap motif mana-mana syarikat swasta adalah keuntungan. Tadi Yang Berhormat Dato' Aziz kata, kalau labur RM100 juta memang pada setiap tahun hendak dapat pulangan bukan sahaja 10% sebab 10% itu cuma ada bunga daripada apa yang dilabur. Ia memang hendak dapat lebih daripada 10%, memang tadi Yang Berhormat Dato' Aziz tidak ambil kira bunga-bunga yang perlu dibayar kepada bank-bank jikalau kita hendak minta pinjaman daripada bank-bank. Kalau mengikut faedah yang perlu dibayar dengan keuntungan sekurang-kurangnya mesti 20% perlu dikutip.

Saya juga tidak menafikan ada syarikat swasta yang boleh melaksanakan tanggungjawab dengan kualiti perkhidmatan yang mengagumkan. Saya mencadangkan agar satu sistem kawal selia yang cekap dan baik dirancang untuk dilaksanakan agar kualiti perkhidmatan yang diberikan adalah terjamin. Sementara itu dengan tidak langsung caj-caj perkhidmatan dapat dikawal untuk kepentingan penerima-penerima khidmat. Adalah baik sekiranya setiap penerima khidmat dimaklumkan terlebih dahulu tentang caj yang akan dikenakan sebelum apa-apa perkhidmatan diberikan.

Satu sistem kawal selia yang jelas hendaklah diadakan demi memastikan kualiti pemberian perkhidmatan adalah selaras dengan caj yang dikenakan. Saya rasa agak bimbang sekiranya tumpuan penubuhan hospital swasta itu lebih bermotifkan kepada keuntungan dengan mengetepikan kualiti perkhidmatan dan meninggalkan perkhidmatan yang sepatutnya diberi kepada bakal pelanggan yang kurang upaya. Sekiranya kenaikan caj tidak dikawal semakin ramai rakyat yang buat ketika ini mampu membiayai khidmat yang ditawarkan akan kehilangan peluang dan masalah sebegini harus dicegah bermula daripada sekarang jangan sampai satu ketika ramai yang merasai bahawa penubuhan hospital swasta adalah untuk golongan tertentu sahaja.

Saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini berhubung dengan kekurangan kemudahan-kemudahan beberapa hospital swasta. Ada beberapa hospital swasta tidak menyediakan

unit kecemasan bila orang kena accident, sebentar tadi Yang Berhormat Dato' Aziz sebut, bila sampai ke hospital swasta mereka terpaksa dirujuk ke hospital kerajaan untuk dapat dirawati.

Yang kedua, oleh sebab kes-kes kecemasan ini adalah kes polis, di mana selepas itu perlu pergi ke mahkamah, hendak buat laporan dan sebagainya, pihak swasta tidak hendak mengambil tanggungjawab ini dan mereka terus rujuk kes-kes ini kepada hospital kerajaan, biar hospital kerajaan, biar doktor kerajaan itu menghadapi mahkamah dan mereka tidak akan bertanggungjawab. Ini saya harap kementerian akan ambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya sehingga kini kerajaan kurang berjaya mengatasi masalah kekurangan kakitangan hospital kerajaan. Ramai kakitangan kerajaan yang telah menyumbang kerja mereka di hospital-hospital swasta ini telah ditawarkan bayaran gaji lebih lumayan sekiranya sesuatu yang positif tidak dibuat hospital kerajaan akan terus ketandusan kakitangan terutamanya di peringkat pakar. Saya menyarankan di sini agar hospital swasta sendiri melaksanakan inisiatif sendiri untuk menghantar doktor-doktor biasa untuk melatih di luar negeri atau di institusi-institusi pengajian tinggi di negara kita untuk menjadi seorang pakar. Institusi pengajian ini sebaiknya dibiayai dan diuruskan oleh hospital swasta sendiri. Dengan ini saya berasa yakin pengurusan hospital swasta akan menjadi lebih cekap dan mengagumkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira setakat ini sahaja perbahasan saya berhubung dengan rang undang-undang ini dan saya menyokong penguatkuasaan rang undang-undang ini demi kesejahteraan dan kesihatan rakyat jelata. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Datuk Haji Sairin bin Karno.

8.00 mlm.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Terima kasih, Tuan Yang di -Pertua. Saya turut bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 dan saya faham masalah masa ini dan saya akan cuba sedaya-upaya, sependek mungkin yang boleh di mana senario yang saya perkatakan ini banyak berkisar di kawasan luar-luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana masa ataupun waktu adalah sesuai apabila kita ingin melihat negara kita maju, sesuai dengan kehendak Yang Amat Berhormat - Wawasan 2020 yang tidak lama akan kita alami. Namun begitu, saya memang faham masalah untuk mendirikan hospital-hospital swasta ini memakan belanja yang bukan sedikit, namun begitu saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, kerajaan adakah sebarang kawalan terutama dari segi harga ubat-ubatan terutama di luar-luar bandar.

Di mana sebagai contoh, di Kota Kinabalu – ubat untuk kudis atau gatal-gatal. Ubat untuk gatal-gatal ini memakan belanja sehingga beratus-ratus ringgit, jadi kadang-kadang apabila mereka yang menghadapi penyakit gatal-gatal ataupun kudis ini tidak dapat diubati oleh hospital-hospital swasta. Mereka dengan mudah mengatakan, “oh, kami tidak boleh mengubati penyakit ini, you pergi hospital”. Kenapa tidak awal-awal dihantar ke hospital seandainya mereka tidak berkemampuan untuk melaksanakan apa yang sepatutnya menjadi kewajipan kepada rakyat sebagaimana tugas mereka yang mereka sedia terima sebelum itu.

Kemudian, matlamat mencari untung saya nampak terutama di pedalaman-pedalaman khasnya di negeri Sabah, nampaknya tidak terkawal, mereka menaikkan harga ubat sesuka hati. Jadi kalaulah orang kampung, orang-orang yang berpendapatan rendah ini tidak sempat ke hospital, mereka pergi ke hospital-hospital swasta dan mereka menjadi mangsa harga-harga atau pun caj yang begitu tinggi, yang betul-betul tidak berpatutan. Jadi saya mohon kementerian supaya menyiasat secara terperinci hospital-hospital swasta. Saya rasa tidak perlu saya sebutkan, walaupun di Malaysia Timur ini, sama ada di Sarawak atau di Sabah tidak begitu banyak hospital swasta yang canggih yang didirikan tetapi terdapat hospital-hospital swasta yang mengenakan bayaran yang tidak berpatutan.

Begitu juga di hospital bersalin, caj atau bayaran yang mereka kenakan kadang-kadang tidak masuk akal, maksud saya bayarannya terlalu tinggi. Jadi saya mohon kementerian menyiasat dari masa ke semasa dengan menghantar penguatkuasa atau siapa juga supaya sesuai dengan Rang Undang-undang Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 ini, dapat melihat mana-mana yang tidak patut, mana-mana yang berlebihan ambil tindakan segera supaya orang-orang atau rakyat di negara kita ini tidak menjadi mangsa sebab kebanyakan daripada mereka ini tidak berkesempatan pergi ke hospital kerajaan. Maka, mereka terpaksa ke tempat yang tidak ada pilihan melainkan ke hospital swasta ini.

Begitu juga, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, di tempat saya di daerah Keningau tidak terdapat begitu banyak klinik pergigian. Cuma ada dua-

tiga dan ada satu klinik pergigian yang menunggu begitu lama, agak lama sehingga memakan masa dua-tiga tahun. Doktor ini ada berjumpa dengan saya minta tolong bagaimana supaya lesen ini dapat dipercepatkan. Saya pun tahu apa pasal ini, saya terpaksa telefon dengan menteri, tanya bagaimana – alhamdulillah, sudah dilaksanakan tetapi ini pun memberi gambaran yang tidak begitu elok.

Apa lagi kita punya doktor-doktor di klinik pergigian kerajaan pun kadang-kadang mereka baru belajar – gigi yang sepatutnya tidak dicabut, dicabut, kadang-kadang lubang gigi itu kecil, katanya harus ditampal, 2-3 bulan tampalannya sudah tertanggal dan akhirnya gigi itu dicabut. Saya rasa kalau di klinik swasta, barangkali tidaklah jadi begini, tetapi mungkin memakan belanja yang bukan sedikit. Jadi saya juga memohon supaya lesen-lesen terutamanya untuk penjagaan kesihatan sama ada yang berbentuk seperti klinik pergigian ini kalau dapat janganlah terlalu lama sebab ini juga akan merugikan kepada kerajaan.

Saya percaya, seperti juga tol, apabila kita membuat sesuatu kita ada garis panduan - belanja untuk membuat hospital swasta ini berapa juta? Okey, kemudian berapa keuntungan yang akan kita ambil seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Dr. Yeow Seng Huat tadi, berapa tempoh dan berapa keuntungan yang diambil oleh hospital -hospital swasta. Sebab kalau kita tidak tentukan, mereka akan menaikkan bayaran sewenang-wenangnya. Saya tidak tahu ada undang-undang dikenakan tetapi barangkali di depan ada penguatkuasa, dia mengenakan bayaran seperti yang dipersetujui tetapi di belakang kita tidak tahu.

Saya pernah ke sebuah klinik swasta tanpa menyebut namanya. Saya datang ke situ jam 11.30 malam kerana sakit perut, mungkin salah makan, saya pun tidak tahulah. Saya terkejut bila cajnya yang dikenakan tidak seperti biasa iaitu katakanlah RM50 tetapi malam itu dikenakan caj RM100. Jadi adakah undang-undang hospital swasta ini memang macam itu kalau lewat daripada jam 11.30 malam, maka caj yang dikenakan meningkat kepada 100%. Jika tidak ada, saya juga mohon supaya pihak kementerian, pihak kerajaan akan memeriksa perkara ini. Jangan sampai perkara ini boleh berlaku kepada rakyat kita di pedalaman terutama di Malaysia Timur.

Begitu juga saya ingin meminta penjelasan, apakah doktor-doktor yang kita hantar, terutamanya dari luar negara ini telah diberi kursus – mempelajari Bahasa Malaysia, bahasa Melayu sebelum mereka ditugaskan di mana-mana klinik swasta ataupun hospital kerajaan sebab saya dapati kadang-kadang ada doktor-doktor yang menggunakan signal. Saya tidak tahu signal apa, barangkali dia tidak faham Bahasa Malaysiakah atau apa, jadi kalau dia berjumpa dengan pesakit seperti ‘itik dengan ayam’. Itik dengan ayam mana pandai berbahasa itu. Yang satu signal begini, yang satu kata begini, jadi kita pun tidak faham.

Jadi saya minta supaya pihak kementerian, mungkin ada kursus yang boleh diberikan untuk belajar Bahasa Malaysia selama 6 bulan. Kalau boleh ditambah, ditingkatkan supaya sehingga dia betul-betul memahami dan mengerti bahasa di mana ia bertugas dan kalau terpaksa umpamanya di sebelah Pensiangan, Nabawan. Kebanyakannya Orang-orang Asli di situ, orang Murut, dia sekali-sekala kena belajar bahasa ibunda sama ada bahasa Kadazan Dusun atau bahasa Murut atau apa juga bahasa di mana doktor ini ditugaskan, khususnya yang datang dari luar negara.

Saya juga tidak begitu berpengalaman dalam menghadapi tugas sebagai seorang doktor ini tetapi pernah suatu masa ini di pedalaman, orang ini sakit tenat. Dia datang ke hospital swasta, oleh kerana peralatan tidak cukup dan ini kita sedia maklum, di pedalaman kalau kata tidak cukup, saya ingat separuh pun tidak cukup alat-alat untuk kecemasan (emergency) tidak ada. Maka dia terpaksa ditolak ke hospital, bila sampai di hospital ada doktor yang bertugas (incharge) pada waktu itu. Cari-cari doktor bertugas pada waktu itu, tidak ada, jadi sehinggalah orang itu meninggal hanya kerana menunggu doktor itu datang tetapi dia tidak datang dan saya tidak tahu walhal sudah ada jadual bertugas, sepatutnya doktor ada di situ tetapi tidak datang.

Saya yakin, kalau ada penyelia atau pengarah yang mengawasi setiap waktu doktor-doktor ini bertugas, doktor ini pun manusia juga, kita faham cuma barangkali bila dia tidak ada di situ, ada doktor-doktor lain yang akan mengambil tugas dia. Tetapi waktu itu tidak ada sehingga menyebabkan kematian itu berlaku begitu menyedihkan. Keluarganya ingin menyaman tetapi saya katakan seperti

juga Yang Berhormat Dato' Aziz kata, semua kematian ini adalah takdir Allah S.W.T. Jadi, keluarganya menerima, tetapi bayangkan kalau perkara ini berulang berlaku lagi, saya rasa tidak begitu bagus dan ini juga akan menjejaskan nama hospital atau nama pihak kesihatan swasta dan kerajaan yang sedia ada. Jadi kita minta seandainya kedua-dua perkara ini antara swasta dengan kerajaan yang ada ini dapat diwujudkan, saya rasa tidak ada masalah.

Seperkara lagi yang ingin saya sentuh ialah mengenai beberapa petugas-petugas. Saya tidak tahu kalau ada undang-undang yang membenarkan seorang doktor pakar yang bertugas di Queen Elizabeth Hospital, Kota Kinabalu, dia bertugas di situ, bila orang ini masuk ke hospital kerajaan, dia beritahu, oh, sakit ini tidak boleh dirawat, you kena pergi ke Sabah Medical Centre (SMC) sebagai contohlah. Sampai di Sabah Medical Centre, memang bayaran hospital swasta ini mahal, berbanding dengan hospital kerajaan. Bila dia datang di situ untuk berubat, rupanya doktor yang merawatnya adalah doktor yang sama semasa di Queen Elizabeth Hospital. Cajnya sudah jadi triple ataupun kadang-kadang lebih daripada yang sepatutnya.

Jadi, saya tidak tahu, sama ada dia mendapat kebenaran atau tidak. Jadi kalau dibenarkan, walhal dia bertugas di hospital kerajaan, saya rasa adalah tidak begitu adil seandainya bayaran yang dikenakan kepada pesakit ini tidak setimpal, sepatutnya kalau di hospital kerajaan itu okey tetapi dia kata "di sini alat-alatnya tidak cukup, tidak boleh di sana boleh".

Bila sampai di situ rupanya doktor itu juga yang merawat dan cajnya, itulah persoalan yang ingin saya tanya kepada kementerian.

Mengenai dengan Bank Darah ada beberapa kali terutama kepada ibu-ibu yang bersalin, kita sedia maklum, kadang-kadang bila bersalin ini mereka kekurangan darah dan di bahagian saya di pedalaman, bukan swasta, sebab di pedalaman hospital swasta belum ada, bila dia bersalin di hospital kerajaan dia kena minta darah secara advance, jadi kalau orang ini bersalin, kalau tidak ada darah atau penderma darah yang ada di situ, dia tidak akan beri darah. Jadi, apakah ini satu kemestian, apakah ini satu undang-undang yang dikenakan kepada mereka

yang kekurangan darah sama ada yang bersalin atau yang mengalami kemalangan yang kehilangan darah dengan begitu banyak.

Mereka mesti menunggu, kalau barangkali yang anaemia, sejenis penyakit itu mungkin itu ada alasan sebab barangkali dia masih boleh menunggu, tetapi kalau yang bersalin dengan kemalangan, saya rasa kalau kita tunggu, bermakna menunggu dia matilah, baru kita boleh memberi darah atau kita cari kawan-kawan kita untuk menderma darah. Jadi, saya mohon juga penjelasan bagaimana kedudukan sebenar mengenai dengan Tabung Darah sebagaimana yang ada disentuh dalam hal ini.

Akhir sekali, saya ingin respond dengan cadangan Yang Berhormat Dr. Yeow tadi iaitu adakah kerajaan berhasrat untuk mewujudkan satu insurans kesihatan antara kerajaan dengan insurans sama ada Malaysia National Insurance (MNI) ataupun mana-mana insurans yang ada di negara kita ini untuk membuat satu, saya tidak tahu apa bahasa yang boleh digunakan, tetapi bila orang sakit ini rakyat biasa ini sakit, tidak payah lagi dia menggunakan wang dia, sudah ada sudah insurans yang boleh membayar seperti yang berlaku di Amerika, jika dia tidak ada insurans dia tidak akan dilayan dalam mana-mana hospital.

Jadi, kalau boleh kita buat seperti ini, kalau barangkali masalah kewangan seperti yang dicadangkan oleh Dr. Yeow tadi yang 10% daripada keuntungan hospital-hospital swasta ini barangkali kita boleh mencari jalan macam mana supaya ianya boleh dilakukan. Jadi, kalau boleh saya ingin cadangkan supaya Tabung Kesihatan Rakyat Malaysia ini diwujudkan dengan apa cara.

Yang kedua, saya juga ingin bertanya adakah sebarang kuota untuk pembangunan hospital swasta ini di sesebuah tempat, sebagai contoh barangkali ialah memang saya rasa ada panduan khas penduduk sekian banyak, begini hospital swasta yang ditubuhkan tetapi kalau kita pakai kuota umpamanya kalau di sebelah Nabawan, Pensiangan hanya mempunyai 20,000 penduduk, tidak ada hospital swasta dan tidak ada klinik gigi baik kerajaan, cuma yang ada di situ klinik kesihatan ataupun rumah sakit yang ada di Nabawan yang serba daif, serba kekurangan, sudahlah begitu kadang-kadang doktornya setiap enam bulan sekali

ditukarkan, ada pula yang di Keningau ini kita berterima kasihlah di Keningau sekurang-kurangnya lengkap dan cukup tetapi kadang-kadang maklumlah doktor itu yang didatangkan dari Semenanjung, terima kasih kerana mereka sanggup bertugas jauh di pedalaman, tetapi mereka pun tidak tahan.

Jadi, konsentrasi mereka sebagai doktor itu kadang-kadang hilang dan saya tidak hairan kalau mereka tahu tetapi buat-buat tidak tahu. Jadi, ini masalah juga. Jadi, barangkali ini pun saya ingat kementerian harus juga mencari jalan supaya Keningau walaupun penduduknya hanya lebih kurang 60,000, ditempatkan sebuah hospital swasta seperti yang ada di beberapa tempat di sini dan barangkali yang lain-lain itu biar kerajaan mencari jalanlah macam mana supaya meminta pihak tertentu mewujudkan hospital swasta di tempat-tempat yang kita rasakan memerlukan perkhidmatan mereka selain daripada hospital.

Yang ketiga dan terakhir, saya juga ingin bertanya, apakah kriteria sebenarnya untuk mendirikan hospital swasta dan selain daripada kependudukan dan apakah mesti ada kemudahan, apakah jenis kemudahan yang disediakan, sebab kalau tidak ada garis panduan seumpama ini di Keningau banyak wujud sebenarnya, dia kata doktor ini so and so, untuk ubat ini, tetapi bila orang datang minta ubat, dia beri ubat sepuluh jenis suruh makan sepuluh jenis macam mana? Jadi, ia mesti ada alat-alat yang saya rasa cukup sebagaimana yang dikehendaki oleh rang undang-undang yang ada di sini.

Jadi, saya minta supaya Kementerian menjelaskan mana-mana yang perlu dijelaskan. Maka dengan ini sekali lagi saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan, mudah-mudahan dengan Rang Undang-undang Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 ini diluluskan akan membolehkan rakyat Malaysia akan terus sihat walafiat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Ghazi.

8.15 mlm.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya juga ingin mengambil bahagian untuk menyokong rang undang-undang ini, saya

akan menjimat masa hanya akan menyentuh empat atau lima isu dengan secara ringkas.

Saya mengambil peluang ini mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana menyampaikan rang undang-undang yang amat mustahak ini dan nampaknya kerajaan amat prihatin tentang soal mutu, tentang soal kepentingan pesakit dari segi cajnya, dari segi integriti doktor dan juga mewujudkan masyarakat penyayang. Ini pada saya amat mengembirakan dan meyakinkan bahawa dalam masa kita mewujudkan segala bentuk pembangunan teknologi dan sebagainya, kita masih prihatin kepada rakyat biasa.

Perkara pertama yang saya hendak bangkitkan ialah perkara iklan dalam Fasal 108. Fasal 108 menyebut, *“Tiada kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan swasta atau kemudahan boleh menyiarkan apa-apa iklan -*

- (a) dengan apa-apa cara yang mengelirukan orang awam;*
- (b) yang berlawanan dengan apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah.”*

Yang saya hendak bangkitkan ialah mengikut fahaman kita, perkhidmatan kesihatan tidak boleh dikeluarkan iklan tetapi apabila diberi peruntukan rang undang-undang begini, nampaknya agak kabur di manakah hendak kita draw the line yang kata boleh dengan tidak boleh.

Saya melihat perkara ini sebagai satu ruang yang Ketua Pengarah sendiri terpaksa kena menggunakan judgement, dengan izin, keputusan dia sendiri, tanpa garis panduan yang jelas. Dalam keadaan yang mempunyai garis panduan pun kita boleh terkeliru apatah lagi sekiranya rang undang-undang itu masih kabur dan tidak mempunyai kenyataan yang berkesan, yang telus. Itu satu.

Yang keduanya, mengenai soal yang amat mustahak iaitu soal kualiti yang disebut dalam Fasal 74 yang menyebut:

- “(1) Tiap-tiap kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan swasta hendaklah mempunyai rancangan*

*dan kegiatan bagi memastikan kualiti dan kesesuaian
.....”*

Yang pokok, yang saya hendak tekankan ialah ia kena ada perancangan dan kegiatan yang memastikan kualiti. Selain daripada itu, lagi sekali Ketua Pengarah yang akan menentukan sama ada ianya menepati atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua, di sini lagi sekali saya melihat sebagai ruang kekosongan yang kita beri terlalu banyak kuasa, keputusan itu, judgement, dengan izin, kepada Ketua Pengarah. Bila kita bercakap tentang untuk mewujudkan kualiti, saya rasa elok serentak kita mencuba untuk mewujudkan standard atau piawaian yang khusus, betul agak susah tetapi tak salah sekarang ini kalau kita membuat perancangan khusus untuk mewujudkan Malaysian Health Standard untuk hospital, sekurang-kurangnya dalam masa kita mengamalkan dengan menggunakan kuasa yang diberi oleh Ketua Pengarah, dalam masa yang sama kita juga membangun dan menyediakan piawaian yang betul, boleh kita buat kajian ini dengan perbandingan apa yang berlaku di serata dunia. Tetapi dalam keadaan kita mencuba segala-galanya, ini ada kaitannya dengan usaha teleperubatan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz umpamanya, kalau dalam keadaan teknologi mengembang di sana sini, dengan pelbagai cara, alat-alat yang begitu canggih, yang sentiasa pihak swasta ingin menjual barang-barangnya itu kepada pihak swasta yang akan menaikkan kos pelaburan hospital swasta, kawalan sebenarnya dari segi kawalan pokok kuncinya ialah pada peringkat kualiti.

Sekiranya ada piawaian dan kualiti, maka segala peminat orang-orang yang hendak melabur, yang hendak berkecimpung dalam bidang kesihatan swasta ini terpaksa kena melihat perkara ini, tidaklah kita technology driven, dengan izin, ataupun dipaksa oleh orang-orang yang menjual mesin dengan harga yang begitu tinggi dan kadang-kadang oleh kerana teknologi yang begitu canggih dijual dengan cara yang begitu terpesona dan oleh kerana masalah ataupun perkara persaingan di antara satu hospital dengan satu hospital yang lain, soal mutu tidak begitu dipentingkan sangat, yang dipentingkan ialah mesin tercanggih yang terpaksa kita belanja berjuta-juta ringgit, inilah yang menjadikan jumlah pelaburan yang tinggi.

Pada saya, saya melihat ini sebagai satu lagi ruang kekaburan yang kita beri banyak ruang kepada Ketua Pengarah.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 75 juga menyebut, sebagai contoh, “*jika Ketua Pengarah berpendapat - ini mengikut pendapat lagi - bahawa apa-apa kehendak yang ditetapkan atau apa-apa piawaian yang ditetapkan yang terpakai bagi sesuatu kemudahan.....*” dan sebagainya, ertinya dia refer kepada apa yang dia sendiri letakkan, it is not a standard, dia sendiri set. Oleh kerana itu, kawalan mutu ini akan berubah menjadi sebagai satu angkubah mengikut selera Ketua Pengarah itu sendiri. Ini yang pada saya ruang untuk kita memperbaiki keadaan kerana bidang perubatan ini satu bidang yang amat mustahak – suatu hari semua orang akan sakit, selain daripada bab-bab yang lain yang telah dibangkitkan oleh rakan-rakan saya yang sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang saya hendak sebut ialah mengenai caj. Sementara Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut tentang keprihatinannya tentang caj dan rakan-rakan saya yang lain menyebut tentang dana, tabung dan sebagainya, saya boleh bersetuju juga tetapi saya ingin membuat saranan sebagai alternatif. Alternatifnya ialah kadang-kadang kalau kita terlalu amat terpicak dan terbawa-bawa dengan trend dana, apakah kita tidak melihat bahawa terlalu banyak dana juga akan mengelirukan orang dan biasanya dana bila diumumkan akan mengambil masa untuk mengimplementasikan dana itu sebab ada syarat-syarat yang tertentu untuk mewujudkan dana, melaksanakan dana dan sebagainya.

Pada saya, langkah lain yang mungkin kita patut buat, yang boleh buat, yang saya minta pihak kementerian mungkin bersama-sama dengan Kementerian Kewangan memberi perhatian ialah, katalah syarikat swasta jika sekiranya 10% atau 20% daripada ruang perkhidmatan yang dia hendak beri kepada mana-mana pesakit itu, kita memang khas diuntukkan, kata dia kena menerima daripada pesakit-pesakit yang berpendapatan rendah. Ertinya cajnya itu di ‘subsidise’ kan oleh swasta itu sendiri. Dengan cara itu, tidak payah orang dana lagi, dia sendiri tidak payah hendak contribute dari segi profits, ia implement as you go along, dengan izin, macam kita bayar tax, pay as you earn, yang ini tolong orang berpendapatan rendah semasa kita memberi perkhidmatan. Jika sekiranya 10% sebagai contoh, diberi layanan yang sama, perkhidmatan yang sama, kecuali ada pengecualian, kita buat menyeluruh – kepada orang-orang berpendapatan rendah, maka di sini boleh dia masukkan dalam tax assessment, dengan izin, dan dikenalpasti oleh pihak Kementerian Kewangan bahawa ini sebagai satu contribution, sebagai satu sumbangan khidmat sosialnya. Oleh kerana itu dia boleh mendapat tax benefits, dengan izin, di peringkat Kementerian Kewangan.

Saya rasa mekanisme yang seperti ini, pendekatan yang agak kreatif dari segi memberi kemudahan dan pertolongan kepada orang-orang yang berpendapatan rendah serentak dengan insentif diberi kepada syarikat swasta itu sendiri untuk melaksanakannya. Dengan cara ini, di samping kalaulah dana hendak diwujudkan pun, sekurang-kurangnya kita telah pun memulakan sama ada 5%, 10% dan sebagainya benda itu berlaku. Dengan jalan ini pihak kementerian akan mempunyai kredibiliti dan

pengiktirafan oleh rakyat jelata mengatakan bahawa ya, memang kerajaan prihatin, bukan hanya bercakap dan membuat announcement mengenai dana dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara keempat yang saya hendak sebut ialah mengenai latihan. Rata-rata kita nampak dalam keadaan sekarang terdapat banyak yang mencuri tenaga kepakaran daripada satu hospital kepada hospital yang lain. Saya rasa keadaan ini adalah satu keadaan yang tidak baik, yang amat buruk. Sebaiknya syarikat swasta itu sendiri, pihak kementerian hendaklah menekankan supaya mereka mewujudkan program latihannya itu sendiri, sama ada direct oleh hospital swasta itu ataupun terpaksa menggunakan perkhidmatan luar untuk melatih kakitangannya itu. Samalah dengan apa yang berlaku dengan industri bank. Saya mendapat faham bahawa ada sedikit kawalan di antara kakitangan yang bekerja daripada satu bank tidak boleh berubah ke bank yang lain dalam masa-masa yang tertentu. Kawalan ini, mengikut fahaman saya dibuat oleh Bank Negara, oleh kerana itu saya nampak pendekatan bermodelkan ini kita boleh juga melaksanakan, mengimplementasikannya oleh pihak kementerian dari segi mengawal selia hospital-hospital swasta.

Dengan cara ini, sebenarnya kita akan dapat memberi perhatian kepada pertumbuhan sumber manusia. Kalaulah boleh saya kaitkan dengan cadangan saya di dalam Dewan yang mulia ini mengenai pengwujudan Institut Jantung Malaysia, saya katakan kita patut jadikan Malaysia sebagai Pusat Kecemerlangan Jantung kerana kita pakar. Kalau kita tidak jadikan ini sebagai satu produk untuk dijual ke luar negara orang tidak akan kenal kita. Sekarang ada rakyat Malaysia sendiri kata, "Oh, kalau hendak belah jantung, kena pergi ke Amerika, Florida, Singapura, Melbourne atau Sydney dan sebagainya". Kita menyebut ini just by words of mouth, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, tetapi kalau sekiranya kita sudah mempunyai kekuatan di dalam negara tetapi secara terancang dan strategi kita menghidupkan ini untuk terkenal di seluruh dunia dan pihak syarikat-syarikat swasta ataupun hospital-hospital swasta pula digalakkan untuk melatih kakitangan kedokteran, paramedic, nurse dan sebagainya, maka keseluruhan orang-orang di kawasan, di rantau ini akan terkejar-kejar untuk mendapat latihan yang diiktiraf dunia, kenapa? Malaysia terkenal sebagai Pusat Kecemerlangan Jantung. Hospital-hospital swasta ini dan rangkaian-rangkaianya semuanya best kerana mereka juga memberi latihan dan sebagainya. Saya rasa ini ruang yang saya harap pihak kementerian dapat memberi perhatian yang khusus dalam ia melaksanakan rang undang-undang yang begitu amat baik dan kena pada tempatnya.

Perkara kelima yang saya hendak sebut ialah rakan saya tadi sebut sedikit tentang insurans. Saya mendapat faham bahawa sekarang ini pun pihak Kerajaan Persekutuan memang sedang dalam proses untuk mewujudkan, dengan izin, National Health Insurance sudah beberapa lama sedang dalam proses. Yang ingin saya cuba tekankan di sini ialah saya harap apabila kerajaan membuat pengumuman tentang National Health Insurance ini oleh kerana pendekatan yang diambil adalah pendekatan penswastaaan yang saya amat bersetuju kata baik, cuma mungkin saya mengambil ruang ini untuk menentukan bahawa ianya tidak menjadikan beban kepada rakyat jelata supaya skim National Health Insurance ini apabila diumumkan nanti akan dapat diterima baik dan diterima pakai oleh rakyat sekalian.

Perkara akhir yang saya hendak sebut, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai amalan teleperubatan. Saya terpicat, tertarik dengan kenyataan banyak kes yang disebut oleh Yang Berhormat

sebelum saya tadi yang menunjukkan tentang keadaan amalan perkhidmatan perubatan di kawasan-kawasan luar bandar yang berjauhan dengan bandar. Saya rasa di sinilah pihak kerajaan boleh secara spontan, secara cepat mengamalkan teleperubatan pada peringkat yang terkecil sekali. Saya juga faham bahawa perancangan besar amalan teleperubatan ini sedang dalam kajian dan rancangan dan sebagainya, itu yang besar-besar tetapi saya percaya ada teknologi dan kebolehan sekarang yang boleh diimplementasikan dengan unit yang terkecil dan dapat dimanfaatkan oleh rakyat dan penduduk-penduduk yang tinggal jauh di luar bandar.

Saya pernah berbisik-bisik dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan sendiri tentang amalan ini dan beliau menyebut bahawa perkhidmatan flying doctors, dengan izin, memakan belanja berpuluh-puluh juta ringgit. Pada saya timbul ruang dan keperluan untuk melihat ini dan membuat analisa kos yang baik sama ada berterusan dengan pendekatan tradisi, membelanja menerusi penerbangan dan sebagainya, dan alternatif yang terkini mungkin dengan melalui Teleperubatan. Walaupun kos permulaan mungkin agak tinggi, tetapi kita hendaklah kaji dari segi jangka panjang. Saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Kamilia.

8.31 mlm.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga bangun untuk menyokong rang undang-undang yang pada hemat saya adalah satu rang undang-undang yang sangat penting kerana kita tahu bahawa kesihatan adalah keperluan asas terutamanya kepada mereka golongan miskin. Saya juga ingin menekankan bahawa perkhidmatan kesihatan bukanlah hanya untuk orang yang kaya, tetapi juga untuk mereka yang kurang bernasib baik. Sama jugalah prinsip dalam keadilan bukan hanya untuk yang kaya, tetapi juga kepada yang mereka yang kurang bernasib baik.

Saya juga bangun, Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya tahu masa agak constrain, tetapi saya dan rakan-rakan yang lain juga turut bangun hendak menekankan bahawa prinsip asas perkhidmatan kesihatan itu adalah sebenarnya berdasarkan kepada satu tanggungjawab moral kepada masyarakat pesakit. Walaupun kita memerlukan penswastaaan dan perkhidmatan ini perlu dikomersialkan, walau bagaimanapun, perlulah kita mengingatkan dalam kita menguatkuasakan dan melaksanakan undang-undang tentang perkhidmatan kesihatan ini bahawa yang paling diutamakan ialah tanggungjawab moral kita kepada masyarakat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada beberapa perkara yang ingin saya tekankan dan mungkin rakan-rakan lain pun telah bangun dan telah menyatakan rasa hasrat hati mereka tentang rang undang-undang ini. Pertamanya, saya ingin menyentuh dan ingin mencadangkan, mungkin telah ada dalam ingatan pihak kementerian, dalam menentukan kaedah dan peraturan tentang perkhidmatan kesihatan swasta ini, perlulah diwujudkan satu piagam yang selaras bagi semua pusat kesihatan swasta terutamanya untuk diluluskan ataupun yang telah diluluskan, memastikan bahawa pertama falsafahnya, objektifnya dan etikanya adalah berlandaskan khidmat yang cemerlang berdasarkan kepada prinsip-prinsip nilai murni dan moraliti terhadap pesakit-pesakit, dan ianya perlulah dijadikan sebagai asas dan garis panduan yang jelas dan nyata bagi tiap-tiap hospital swasta agar ianya boleh dijadikan satu kesalahan dari segi

undang-undang jikalau ianya melanggar tata etika yang bertentangan dengan moral perkhidmatan kesihatan dan juga etika kepakaran kedokteran.

Saya juga ingin menyarankan bahawa environment pemulihan atau healing ambience bagi tiap-tiap hospital itu perlu dijadikan satu peraturan dan juga perlulah diwujudkan satu garis panduan bahawa perlu wujud satu sistem atau mekanisme kerjasama antara hospital-hospital swasta dan juga hospital-hospital awam supaya hospital-hospital ini dalam menjalankan khidmatnya kepada pihak awam lebih merupakan complementary purpose daripada menjadi antara hospital itu competitive purpose. Ini saya percaya boleh dijadikan peraturan-peraturan kerana kita tidak mahu antara hospital swasta dan hospital awam contohnya ada kes-kes yang ditolak kerana mungkin ada hospital swasta yang tidak mempunyai fasiliti-fasiliti tertentu dan tidak dapat menunaikan tanggungjawabnya, maka tidak pula diterima di hospital swasta lain ataupun di hospital awam lain.

Juga perlulah dipastikan bahawa semua hospital swasta ini dapat mematuhi peraturan-peraturan building by-laws yang telah ditetapkan terutamanya untuk memastikan keselamatan dan juga sekuriti hospital-hospital yang berkenaan. Saya tahu ada hospital yang telah meminta khidmat daripada Jabatan Bomba, tetapi hampir tiga tahun masih lagi tidak dapat diluluskan oleh pihak Bomba mengenai khidmat kebakaran. Ini tentu sekalilah bahaya kerana orang yang terlibat adalah orang yang sakit. Jadi, saya memohon dalam peraturan-peraturan yang ditetapkan bahawa semua peraturan by-laws untuk memastikan terutamanya keselamatan fizikal hospital dapat dipastikan dan dilaksanakan jika tidak diberi priority oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, tentu sekalilah saya tidak lupa untuk membangkitkan isu tentang kos kesihatan. Di sini banyak rakan telah menyebut tentang fee yang ditetapkan, dan ini juga telah diperuntukkan dalam rang undang-undang di bawah Fasal 106. Saya ingin mencadangkan bahawa dalam pihak kementerian menentukan jadual atau skala bagi fee untuk perkhidmatan hospital swasta ini sama ada dari segi consultation ataupun dari segi ubat sekalipun, kerana kita tahu ada ubat ini boleh memberi keuntungan yang banyak kepada hospital swasta kerana ianya boleh dinaikkan harga seratus peratus atau dua ratus peratus daripada harga biasa tanpa diketahui oleh pesakit. Kita juga tahu ubat-ubat ada alternatif-alternatif. Jadi, saya ingin mencadangkan bahawa ubat-ubat yang dianggap sebagai ubat-ubat yang diperlukan dijadikan control item.

Seterusnya saya juga ingin mencadangkan pihak kementerian memberi takrif keuntungan. What is the profit untuk ditentukan dalam mereka mengira bagi consultation ataupun dari segi ubat. Mungkin perlu difikirkan berapa peratuskah yang boleh diberi sebagai profit. Untuk consultation juga perlulah adanya satu jadual yang boleh ditentukan formulanya. Kita tahu kalau legal fee pun kita ada formula yang tertentu. Tentu sekalilah saya rasa bagi medical profession medical ini juga boleh dikenakan jadual. Mungkin pihak kementerian juga menyenaraikan bagi kes-kes tertentu untuk ditakrifkan sebagai medical aids yang diberi untuk mereka dalam lingkungan pendapatan-pendapatan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi fee ini juga saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian untuk lihat kepada kualiti perkhidmatan yang diberi dari segi memberi kawalan kepada doktor yang

mungkin merupakan sold proprietor klinik swasta yang buka 24 jam dan sekali gus juga berkhidmat dalam hospital-hospital tertentu. Jadi, saya tidak tahulah macam mana dia dapat tenaga dia boleh bekerja, di klinik 24 jam selepas itu dia akan cari locum untuk klinik hospital di mana ia diberi gaji dan dia akan bekerja di waktu malam di klinik yang dia diberi gaji. Saya tahu adanya kekurangan doktor tetapi perlulah ada kawalan tertentu untuk memastikan bahawa orang yang sakit itu betul-betul mendapat khidmat seorang doktor, bukannya doktor yang sudah letih yang mungkin tidak dapat memberi khidmat yang sepatut dan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan kos kesihatan ini juga inginlah saya mencadangkan walaupun ramai antara rakan telah menyebut tentang insurans dan juga tentang tabung-tabung untuk memberikan bantuan kepada pesakit.

Saya ingin mencadangkan SOCSO memainkan peranan untuk menjadikan tabung untuk potongan gaji bagi pekerja dan majikan untuk dijadikan peruntukan faedah kesihatan. Buat masa ini kita tahu SOCSO adalah satu tabung untuk kumpulan-kumpulan pekerja dalam lingkungan tertentu yang boleh mendapat faedah bayaran jikalau berlaku accident. Tetapi mungkin boleh ditambah untuk health benefits dan saya mencadangkan bahawa sekarang ini kalau SOCSO potongan gaji lebih kepada majikan mungkin gap antara potongan gaji untuk pekerja majikan ini dikecilkan supaya peratusannya mungkin agak sama supaya boleh memberikan sumbangan - potongan gaji setiap bulan itu lebih dan boleh dimanfaatkan oleh mereka yang berpendapatan rendah terutamanya untuk membayar bagi kes-kes yang perlu untuk perkhidmatan kesihatan.

Saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kementerian mengkaji contohnya genesis yang diwujudkan. Adakah sebenarnya skim pembayaran doktor atau khidmat kesihatan ini telah dikaji dengan sedalam-dalamnya kerana saya dapati pelan ini sebenarnya tidak memberi khidmat yang baik kepada pesakit kerana ia lebih menyebelahi kepada majikan. Adakalanya kita pergi jumpa doktor di bawah skim ini dan doktor itu sendiri bukannya dia yang hendak memberi kita ubat tetapi dia bertanya kita pula, apa ubat yang kita hendak kerana dalam skim ini doktor sebenarnya tidak dapat benefit yang baik. Ianya hanya memberi satu skim untuk pihak majikan untuk melepaskan batuk di tangga untuk tanggungjawabnya memberi medical benefits kepada pekerja-pekerjanya.

Saya juga ingin mencadangkan bahawa pihak kementerian dalam menentukan peraturan-peraturan bagi hospital-hospital swasta ini untuk lebih menekankan dan mempertingkatkan dengan izin, preventive care kerana kita dapati bahawa banyak skim dan saya ada terbaca dalam *'The Economist'* tentang healthcare di Amerika, ia lebih menekankan kepada preventive care. Saya tidak tahulah betapa berjayanya mereka di sana tetapi daripada apa yang saya baca preventive care ini adalah merupakan satu pendekatan yang dianggap baik terutama untuk kita cuba mengurangkan kos penyakit. Saya rasa perkara ini mungkin kementerian telah memikirkan tetapi saya hanya ingin mencadangkan di sini bahawa ianya dijadikan salah satu daripada perkara yang perlu diberi penekanan dan perlulah kita menggunakan lebih teknologi untuk mengenalpasti penyakit dan treatment dan memastikan tidak adanya banyak sangat unnecessary test bagi menentukan penyakit-penyakit tertentu. Sebab banyak hospital swasta yang kita tahu kadangkala hantar pesakit itu untuk berbagai-bagai test sebelum ia dapat menentukan penyakit dan ini menambah-kan kos.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan tentang wad kebajikan yang juga diperuntukkan dalam rang undang-undang ini supaya diberikan bebas cukai bagi hospital-hospital swasta yang berkenaan. Perlulah hospital swasta berkenaan dibebaskan cukai bagi mewujudkan wad-wad tertentu dan bagi kos untuk membayar wad-wad tersebut ianya boleh dibebaskan daripada cukai. Inilah satu cara untuk kita menggalakkan hospital-hospital swasta ini untuk mewujudkan wad kebajikan untuk orang-orang miskin yang tidak mampu mendapatkan perkhidmatan hospital swasta.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan dari segi pentadbiran akan diwujudkan Medical Advisory Association, yang memang ada itu dan kalau boleh kita mendapatkan mereka yang benar-benar berpengalaman dan mereka yang mempunyai prinsip-prinsip moral yang lebih tinggi kerana merekalah yang akan menentukan tentang jadual skala, scale fees dan sebagainya. Kalau mereka sendiri tidak mempunyai tentang prinsip-prinsip, nilai dan tanggungjawab ini maka tentu sekalilah kita tidak dapat mencapai matlamat apa yang hendak kita

capai dalam mewujudkan satu negara Malaysia yang dalam acuannya sendiri ‘a caring society’ so to speak, banyak kali kita sebutkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada terbaca Al-Razi dalam bukunya iaitu seorang ahli perubatan Islam yang begitu masyhur. Antara lain beliau mengatakan, ini adalah untuk ingatan kita semua, “Antara ilmu yang perlu seseorang bijaksana perlu perolehi selain daripada hukum agama dan kemahiran ialah seseorang itu mesti mengetahui sedikit asas tentang ilmu perubatan supaya kesihatannya dapat dipelihara dan supaya doktor-doktor palsu tidak akan dapat membohonginya”. Mungkin Al-Razi hidup beberapa ribu tahun dahulu tetapi saya ingat nasihat ini mungkin bersesuaian bagi kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya menyokong Rang Undang-undang ini dan mendoakan kita akan berjaya mewujudkan satu masyarakat yang mendapat perkhidmatan kesihatan yang baik dan cemerlang berdasarkan nilai-nilai murni dan moral. Terima kasih.

8.48 mlm.

Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat tidak hendak juga mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998. Bercakap disaat-saat akhir ini ada juga untungnya iaitu banyak perkara-perkara yang saya hendak sebut telah pun disebut oleh rakan-rakan saya. Oleh itu tidak payahlah saya menggunakan tenaga yang lebih.

Pada saya rang undang-undang ini amat penting sekali. Oleh itu sungguhpun kita boleh bersidang hingga pukul 12.00, saya memikirkan kalau ada lagi Yang Berhormat yang hendak bercakap patut diberi peluang, Tuan Yang di-Pertua, sebab Dewan Negara ini selama bersidang sampai sekarang ini banyak Ahli Dewan Negara telah pun berucap. Tetapi apabila satu rang undang-undang sahaja tidak dibahaskan keluar dalam surat khabar dan mengatakan tanpa dibahas - ini masalah. Bukannya kita berbahas hanya untuk hendak ‘melepaskan batuk di tangga’ sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sendiri mendengar hujah-hujah yang diberi oleh Ahli Dewan Negara. Semuanya ada point-point dengan isi-isi yang bernas yang akan membantu kerajaan untuk memikirkan kebaikan mengadakan hospital swasta. Saya minta maaf kepada sahabat saya Dato' M. Mahalingam yang tangannya tidak berhenti-henti menulis sampaikan lenguh, saya rasa. Tetapi inilah tanggungjawab Ahli Dewan Negara dan pihak kerajaan. Kita boleh habiskan perkara ini dalam masa setengah jam sahaja tetapi ini tidak memberi makna.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun kita ada dua lagi rang undang-undang untuk diselesaikan sebelum pukul 12.00 malam ini. Oleh itu saya hendak pergi kepada perkara-perkara yang saya rasa patut saya jelaskan. Satu dua perkara telah pun dijelaskan oleh Ahli-ahli Dewan yang lain tadi. Mengapa kita berkehendakkan Rang Undang-undang Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 ini? Apa sebab kita mengadakan hospital swasta? Pada saya adalah untuk membantu kerajaan untuk mengurangkan belanja kerajaan.

Adakah ini bermakna kita hendak swasta banyak lagi hospital termasuk juga hospital kerajaan, kita hendak 'corporatise'kan. Walaupun dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kita bersetuju dan meluluskan untuk hospital kerajaan ini dicorporatisekan tetapi memandangkan sekarang ini keadaan kegawatan ekonomi, saya tidak bersetuju sekali-kali jikalau hospital kerajaan dicorporatisekan. Ini disebabkan pihak yang akan menanggung risikonya nanti adalah orang-orang yang miskin dan kita tahu kesihatan, perubatan adalah dengan izin, the basic need of all the people in this country including the poor and the one that need most are the poor people, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, kita tahu dengan adanya hospital swasta ini perkhidmatannya lebih baik dengan alat-alat yang canggih di hospital swasta. Kita tahu itu tetapi dengan adanya ini adakah ia dapat membantu keseluruhannya kepada rakyat yang memerlukan perkhidmatan, perubatan dan hospital. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, masalah yang kita hadapi dari segi hospital swasta nanti yang kita telah pun wujud yang ini hanya rang undang-undang untuk mengawalselia hospital-hospital ini, masalah yang timbul ialah satu daripadanya, saya dapati hospital-

hospital swasta ini akan menumpukan kepada keuntungan. Berlebih-lebih lagi daripada memberi perkhidmatan kepada orang yang hendakkan perkhidmatan. Yang keduanya, saya dapati di hospital swasta ini dari segi yang kita hendak luluskan ini kalau kita melihat seksyen 3, hospital swasta, psikiatri swasta, pusat jagaan ambulatori swasta, rumah jagaan kejururawatan swasta, rumah jagaan kejururawatan psikiatri swasta, rumah bersalin swasta, bank darah swasta, pusat hemodialiysis swasta dan sebagainya.

Saya hendak menekankan di sini bahawa banyak hospital ini akan diluluskan ataupun telah pun diluluskan tetapi adakah pihak kerajaan apabila meluluskan ini menimbang dari segi kehendak rakyat kita. Misalannya saya bagi contoh, hospital psikiatri swasta, berapa kita ada sekarang ini di negara kita dan dalam masa 15 tahun akan datang, kita dapati di negara kita ini pihak-pihak yang menanggung sakit mental akan sampai kepada 15%, itu sebagai contoh sahaja.

Oleh itu, apabila kerajaan meluluskan hospital swasta ini, adakah kerajaan menimbang bahawa janganlah satu-satu hospital yang sangat popular sahaja diberi kelulusan dan meninggalkan hospital-hospital yang lain itu. Hospital-hospital seperti hospital mental dari segi swasta mestilah diadakan dan diberi seimbangan dari segi kewujudan hospital-hospital ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ambil contoh lagi satu iaitu hemodialisis berkenaan dengan darah apabila kita hendak menukar dan buang darah. Yang ini kita dapati bahawa seminggu kepada pesakit akan memakan belanja sebanyak RM500 seminggu dan ini amatlah besar belanjanya dan satu mesin hemodialisis harganya adalah RM50,000 dan saya dapati banyak pesakit yang tidak dapat menggunakan mesin ini disebabkan belanjanya terlalu mahal. Kalau kita adakan mesin ini di hospital swasta sudah tentu kebanyakan pesakit yang terdiri daripada yang berpendapatan rendah tidak akan dapat pergi dan di hospital-hospital kerajaan pun hemodialisis amat berkurangan.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut berkenaan dengan jururawat yang bekerja di hospital swasta walaupun sudah disebut oleh sahabat saya tadi. Jururawat yang bekerja terdiri daripada jururawat-jururawat yang datang

daripada luar negeri kita. Mereka ini terdiri daripada yang datang dari Filipina, Bangladesh, Pakistan dan Indonesia dan kebanyakan mereka ini tidak faham dan tidak fasih dalam Bahasa Kebangsaan kita.

Oleh itu saya mencadangkan kepada kerajaan jururawat-jururawat yang hendak bekerja di hospital swasta mestilah melalui satu ujian bahasa. Bermaknanya pandai bercakap, bertutur, bukannya pandai menulis tidak payahlah menulis, pandai bertutur dengan pesakit-pesakit di hospital swasta. Barulah pesakit-pesakit kita ada keyakinan dan dapat meminta layanan-layanan yang sepatutnya daripada hospital swasta. Yang ini kita sendiri dapati, saya tidak hendak sebut hospital swasta mana tetapi saya pernah menziarahi sahabat-sahabat saya yang sakit, saudara-saudara yang sakit, yang datang membantu untuk melayani pesakit itu tidak faham langsung kadang-kadangnya untuk bercakap dalam Bahasa Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya hendak beritahu iaitu berkenaan dengan kekurangan doktor. Harga-harga yang dikenakan oleh pihak hospital swasta ini amat tinggi nanti adalah sebab kekurangan doktor-doktor pakar, begitu juga dengan hospital kerajaan. Saya mencadangkan supaya apabila kita hendak mengekalkan hospital kerajaan ini, gaji-gaji doktor di hospital kerajaan patutlah dipertimbangkan untuk dinaikkan supaya doktor-doktor ini akan berkhidmat dengan lebih baik lagi.

Kadang-kadang di hospital kerajaan, doktor sampai bekerja sepenuh masa, tidak ada rehat langsung khususnya apabila doktor itu 'on-call', dengan izin dan banyak pembedahan dibuat dalam satu malam. Kadang-kadang sampai tidak ada tenaga lagi untuk menjalankan pembedahan dan apabila pembedahan itu dijalankan masalah akan timbul nanti apabila doktor sangat letih dan mengantuk tetapi untuk tanggungjawab diteruskan juga pembedahan-pembedahan di hospital-hospital kerajaan disebabkan kita tidak ada doktor. Apabila sudah pula dia 'on-call' malam itu, besoknya kena bertugas lagi dengan tidak ada rehat langsung. Satu hari lagi kena bertugas walaupun sudah membuat pembedahan empat, lima pada malam itu. Saya harap pihak kerajaan akan memikirkan keadaan yang berlaku.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, kita tengok pada seksyen 12 - sepatutnya dalam jawatankuasa saya bertanya ini - tetapi seksyen 12(a) dan (b) iaitu Ketua Pengarah -

- (a) boleh memberikan kelulusan dengan atau tanpa apa-apa terma atau syarat;
- (b) boleh menolak permohonan itu dengan atau tanpa memberikan apa-apa alasan bagi penolakan itu.

Saya rasa ini tidaklah begitu adil, jikalau kita hendak menolak sesuatu permohonan itu, kita kena beri sebab supaya dia dapat memperbetulkan sebab-sebab itu.

Jikalau kita tidak memberi sebab ini, tolak mentah-mentah sahaja dia tidak akan tahu permohonan itu sebab mengapa tidak diluluskan dan ini akan menimbulkan satu masalah pula. Masalah rasuah ke akan timbul untuk meluluskannya. Jadi, saya rasa sebab-sebab untuk meluluskan permohonan untuk menubuhkan atau menyegerakan hospital-hospital swasta ini patutlah diberi sebab.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu tidak ada apa lagi perkara yang hendak dikatakan, hanya saya hendak mengingatkan lagi kepada kerajaan bahawa perubatan dan hospital ini adalah keperluan semua khususnya kepada orang yang berpendapatan rendah iaitu orang miskin. Oleh itu apa juga kita buat mestilah kita fikirkan dahulu kepentingan orang miskin daripada kepentingan orang-orang lain. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Menteri akan menjawab.

9.00 mlm.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membincangkan Rang undang-undang Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998.

Ingin saya memberi jaminan bahawa setiap pandangan dan teguran-teguran yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan diberi perhatian serta tindakan yang sewajarnya. Inilah rang undang-undang yang kedua saya bentangkan mulai

5.30 petang tadi, setakat ini kita membincangkan tentang kementerian saya, saya tidak ada masa pun untuk pergi toilet masa ini. *[Ketawa]*

Walau bagaimanapun saya ingin mengulas beberapa perkara yang telah disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Datuk Abdul Aziz bin Abdul Rahman, Yang Berhormat Dr. Yeow Seng Huat, Yang Berhormat Datuk Sairin bin Karno, Yang Berhormat Dato' Ghazi bin Haji Ramli, Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim buat beberapa cadangan, saya pun tidak ada masa tulis semua, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Aziz dan lain-lain Yang Berhormat ada memberitahu mengenai mengawal charge perkhidmatan perubatan. Mereka berkata charge di hospital swasta yang sangat banyak. Saya ingin memberitahu satu kes tidak berapa lama dahulu yang berlaku di sini. Seorang menghantar bapa mereka ke hospital swasta dan mereka tinggal di hospital swasta dalam 1 bulan di ICU unit dan selepas itu mereka dapat bil, bil itu RM200,000, jadi itu yang banyak masalah.

Memang kita beritahu mereka janganlah pergi ke hospital swasta, boleh pergi ke hospital kerajaan dengan charge yang murah, tetapi memang ramai pergi ke hospital-hospital swasta. Oleh itu melalui rang undang-undang ini telah diperuntukkan satu fasal untuk mengawal caj-caj yang dikenakan oleh pakar-pakar dan doktor-doktor swasta yang biasa ada disediakan. Tetapi macam manakah kita hendak tentukan harga. Sekali menggunakan khidmat swasta mengenakan bayaran berpandukan fee schedule yang dikeluarkan oleh MMA. Hospital-hospital kerajaan memang kita ada akta fee. Tetapi hospital-hospital swasta tidak ada akta fee tetapi MMA ada mengeluarkan satu fee schedule. Tetapi MMA 'kata' 80 peratus orang ikut fee schedule, 20 peratus tidak ikut. Inilah yang menjadi masalah.

Seseorang yang menggunakan khidmat itu haruslah menjelaskan caj yang akan dikenakan kepada pesakit sebelum dapatkan rawatan. Dan sekiranya caj tersebut lebih tinggi dari kos yang dibiayai ianya perlu mendapat persetujuan pesakit tersebut. Oleh kerana kos yang tinggi dikenakan setelah pesakit mendapat

rawatan, Malaysia Medical Association (MMA) boleh mengambil tindakan disiplin ke atas seseorang pakar tersebut kerana tidak beretika.

Apa yang saya beritahu di sini ialah bila mereka tidak ikut memang kita ada satu peruntukan rang undang-undang di sini, kita ada satu garis panduan di mana berapa fees boleh caj. Tetapi garis panduan setakat ini perlu ikut dengan apa yang dicadangkan oleh MMA. Pegawai dari kementerian dan MMA memang mengkaji bagaimana garis panduan diperlukan, jadi fee kita boleh dikawalkan di hospital-hospital swasta. Tetapi fee-fee di hospital swasta tidak boleh sama dengan fee di hospital kerajaan.

Menjawab kepada soalan Yang Berhormat Datuk Abdul Aziz iaitu apakah tindakan harus diambil terhadap hospital swasta sekiranya meminta wang pendahuluan sebelum merawat kes-kes kecemasan. Kita banyak terdengar kes bila mereka pergi ke hospital kecemasan dan hospital-hospital swasta minta adakah credit card, adakah duit sebanyak RM1,000 dan sebagainya. Tetapi di dalam rang undang-undang ada dinyatakan sekiranya hospital swasta menolak untuk merawat kes-kes kecemasan maka mereka boleh dikenakan denda dan boleh juga dipenjarakan. Di dalam Akta baru ini kita ada, dahulu tidak ada. Sekarang akta baru kita ada satu peruntukan di mana kita bagi tidak boleh ditolak bila orang datang ke hospital dengan kes-kes kecemasan memang kena beri rawatan. Lepas itu dia boleh tengok bagaimana keadaannya, sama ada boleh dihantar ke hospital kerajaan - selepas itu. Tetapi beri rawatan dahulu, jangan minta duit dahulu.

Yang Berhormat Datuk Abdul Aziz juga berkata pastikan premis-premis jagaan kesihatan menubuhkan jawatan sebelum memberi rawatan kecemasan. Jawapan itu telah diberi tidak perlu saya beri satu jawapan kepada Yang Berhormat. Dua kali jawapan yang bertulis.

Yang Berhormat Datuk Aziz pun meminta Kementerian Kesihatan menetapkan fee yang serupa juga. Tiga kali yang bertulis. *[Ketawa]*

Yang Berhormat Datuk Aziz bertanya berapa ramai pakar patologi berkhidmat di makmal-makmal swasta. Buat masa ini tidak ada pakar patologi luar berkhidmat di hospital-hospital swasta. Untuk mengawal

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta laluan ya.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin : Tuan Yang di-Pertua, saya kesian sahabat saya ini, sampai 3 kali dia tertulis-tertulis ini. *[Ketawa]* Adakah beliau perlu rehat sekejapkah atau pergi ke 'to answer the call of nature' ke. Saya kesian benar sebab dia sampai 3 kali tertulis. *[Ketawa]*

Dato' M. Mahalingam: Ada beberapa jawapan yang datang dari pegawai kita yang tidak boleh selaraskan. Ini yang menjadi masalah. Saya pun tulis, pegawai pun tulis, serupa jawapan ini yang menjadi masalah kita di sini. *[Ketawa]* Dengan mengkontrol patologi sememangnya kementerian saya ada menggubal satu undang-undang patologi dan akan dikemukakan kepada kementerian. Ia perlu mengawal patologi di negara kita. We are going to have act very soon which will control and give effect to what phatologist to be in this country. It's all been last stage of process, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Saya gunakan soalan tadi bertanya dengan wujudnya hospital swasta ini berapa ramai patologi asing yang terdorong untuk bekerja di sini kerana patologi asing ini, Tuan Yang di-Pertua, pembiayaan tiap-tiap seseorang itu puluh-puluh ribu ringgit seorang. Jadi ini meningkatkan kos yang akan dibebankan kepada mereka yang menggunakan perkhidmatan itu. Itu yang saya maksudkan tadi. Berapa ramai patologi asing?.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya tidak ada angka-angka itu. Banyak masalah kita hadapi dengan pihak swasta. Kita responsible dengan mereka tetapi mereka tidak beri figure kepada kita, ini yang menjadi masalah. Oleh itu undang-undang yang kita bentangkan di sini memang those matters can be resolve.

Yang Berhormat Datuk Aziz juga meminta indek kematian di hospital-hospital. Apa yang kita ada ialah mortality assessment committee, Rang undang-undang cadangan mortality assessment committee. Hospital-hospital kerajaan memang ada satu mortality assessment committee dalaman dan memang dibincangkan perkara dengan mendalam apa yang menyebabkan kematian itu terjadi. Oleh itu kes-kes akan datang kalau ada apa-apa kelemahan boleh dibaiki,

itu caranya. Bukan kita buat satu laporan dengan mereka semua boleh tahu dan ambil tindakan, tidak ada. Apa yang ada di dalam mortality assessment committee, semuanya rahsia. Oleh itu it can improved the health facilities yang diberi kepada hospital-hospital. Itu yang kita mahu introduce kepada hospital-hospital swasta, mortality assessment committee, bukan indeks kematian seperti yang diberitahu oleh Yang Berhormat Datuk Aziz.

Yang Berhormat Dr. Yeow Seng Huat memberitahu mengenai zoning yang terdapat di dalam rang undang-undang ini adalah ianya berlaku percanggahan kuasa dengan kerajaan tempatan. Kalau kita tidak ada zoning, kita ada satu masalah di negara kita seperti di Ampang kalau Yang Berhormat jalan boleh melihat dua hospital besar tetapi apa yang saya difahamkan bila dia memohon, satu lagi hospital tidak tahu ada hospital didirikan di tempat itu. Ini yang menjadi masalah 'over supply'. Oleh itu konsep zoning diperkenalkan di dalam rang undang-undang ini kerana kita tidak mahu suatu kawasan itu tidak menipu dengan kemudahan kesihatan dan peralatan perubatan yang canggih yang tersedia. Ianya juga perlu memastikan mengikuti kesaksamaan dalam pengagihan hospital-hospital swasta di seluruh negara. Selain mendapat kebenaran daripada kerajaan tempatan di samping mengenal pasti kawasan yang telah ditetapkan, seseorang yang ingin membuka hospital masih perlu mendapat kelulusan dari Kementerian Kesihatan.

Sebelum undang-undang dimulakan di sini, sebelum itu mereka yang mendirikan hospital, tidak merujuk kepada Kementerian saya dan selepas itu dia membiayai dengan berjuta-juta ringgit dia akan datang minta lesen. Bila kita tidak memberikan lesen, dia jumpa dengan orang dia kata "saya sudah guna hampir RM30 juta, lesen tidak dapat", inilah yang menjadi masalah. Tetapi kalau tengok dalam hospital tidak ikut dengan apa yang Ketua Pengarah hospital mahu, apa yang kementerian mahu. Oleh itu sekarang dia kemukakan dua, satu, dia mohon dengan semua pelan, pelan-pelan itu diberikan kepada kita dan semua dia kemukakan kepada kementerian, selepas itu kebenaran diberikan oleh Ketua Pengarah, selepas itu mereka pergi ke Local Council dan dapat kebenaran, dalam tiga tahun mereka dapat wujudkan hospital di tempat itu. Oleh itu kita tidak ada masalah, kita tahu sebelum mereka kemukakan pelan memang kita ada berikan komen apa yang dibuat dengan hospital itu yang boleh diikuti apa yang kementerian mahu, oleh itu pelan yang akan datang boleh masuk dengan Local Council dan mewujudkan hospital di tempat itu.

Yang Berhormat Dr. Yeow Seng Huat pun ada mengatakan supaya diwujudkan satu tabung khas untuk subsidi atau merawat pesakit supaya 10% keuntungan hospital diberikan kepada satu tabung. Jenis sumbangan sosial oleh hospital swasta, ini adalah subjek yang paling popular dengan Menteri saya dan Timbalan Menteri. Mengenai obligasi sosial atau kebajikan yang perlu dilaksanakan sehingga kini mungkin terdapat 10% atau 20% telah memberikan respons yang menggalakkan. Umpamanya Kumpulan Perubatan Johor yang menubuhkan Tabung Prihatin Mutiara ianya usahasama dengan New Straits Times, Subang Jaya Medical Centre juga telah menubuhkan tabung yang berasaskan kepada kebajikan. Hospital-hospital non-profit pula sebagai, contohnya Assunta Hospital,

Chinese Maternity Hospital, Tung Shin Hospital telah banyak menawarkan kebajikan amal jariah kepada pesakit yang miskin. Tun Hussein Onn National Eye Hospital telah memberikan perkhidmatan 'mobile eye clinic' dengan izin, melalui van-van ke kawasan luar bandar bagi pesakit yang kurang penglihatannya. Ada juga hospital yang memberikan pendidikan perubatan, counseling clinic, public forum untuk orang ramai. Ada yang memberikan rawatan percuma kepada golongan khas umpamanya pesakit dan old folk home, dan orang-orang cacat.

Walau bagaimanapun jenis dan kuantum, sumbangan sosial masih di bawah kajian dan akan ditetapkan di mana peraturan dan kementerian akan dimestikan sumbangan tersebut yang diberikan mestilah lebih teratur, kerap dan berpatutan dengan status, saiz dan kemudahan berkenaan. Ini pun soalan dari Yang Berhormat Dato' Ghazi. Itulah jawapan Yang Berhormat Dr. Yeow Seng Huat dan Yang Berhormat Dato' Ghazi.

Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno bertanya tentang 'mark-up' harga ubat di hospital-hospital swasta. Amalan 'mark-up' harga ubat di hospital swasta adalah terdapat amalan kos subsidi yang mana kos ini diperlukan untuk mendapat balik kos-kos penyelenggara peralatan dan hospital, gaji kakitangan hospital dan lain-lain lagi. Kementerian mencadangkan sistem bil terperinci dijalankan agar harga ubat sebenar lebih telus. Pesakit adalah digalakan untuk meminta preskripsi ubat sekiranya mendapati harga ubat yang ditawarkan di hospital swasta adalah jauh lebih tinggi dan tidak berpatutan. Di dalam Akta Perubatan doktor tidak boleh mengaut keuntungan ke atas ubat dan caj yang dikenakan mesti berasaskan kos di mana ianya termasuk kos ubat, kos penstoran dan lain-lain kos yang terlibat dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Janggu Anak Banyang ada menyebut mengenai doktor-doktor, minta maaf, salah dengan nama-nama.....

Datuk Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, sedikit pembetulan Yang Berhormat Tuan Janggu anak Banyang tidak mengambil bahagian dalam perbahasan ini, salah nama barangkali.

Dato' M. Mahalingam: Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno, minta maaf, pegawai yang sebutkan nama itu. Doktor dari luar negeri adalah diberi kursus Bahasa Malaysia. Polisi kementerian, bila doktor yang datang dari luar negara memang mereka tidak tahu Bahasa Malaysia. Kita hantar mereka ke hospital-hospital di pekan besar, oleh itu mereka boleh gunakan Bahasa Inggeris dan mereka menjalankan tugas dengan Bahasa Malaysia. Mereka datang 6 tahun di Malaysia, selepas 3 tahun bekerja di pekan yang besar, selepas itu term yang kedua atau mereka yang kontrak akan dihantar ke hospital-hospital di luar bandar, oleh itu mereka sudah tahu berbahasa Malaysia, boleh menjalankan tugas-tugas mereka. Itulah cara kita jalankan di Kementerian.

Yang Berhormat Datuk Haji Sairin pun ada mengatakan kematian pesakit berlaku apabila doktor yang patut bertugas tidak ada di tempat bertugas. Perkara ini adalah satu perkara serius, kalau ada kes-kes seperti itu kita boleh mengambil tindakan dan boleh kompelin dengan Majlis Perubatan Malaysia dan boleh diambil tindakan tatatertib ke atas mereka. Memang kalau terjadi apa-apa kita boleh ambil tindakan ke atas mereka.

Yang Berhormat Dato' Ghazi juga ada mengatakan perkhidmatan kesihatan tidak boleh dikeluarkan iklan. Ini satu masalah, untuk makluman Yang Berhormat di bawah seksyen 4(A) Akta Ubat, Iklan dan Penjualan 1956, disemak tahun 1983, lembaga iklan ubat boleh meluluskan iklan-iklan perkhidmatan perubatan kesihatan oleh mana-mana hospital, klinik, makmal perubatan yang dikenakan oleh pengamal perubatan berdaftar, akan tetapi kelulusan ini hanya dikeluarkan untuk iklan-iklan tertentu sahaja mengikut garis panduan lembaga iklan, ubat. Kita memang ada memberi garis panduan ubat, kalau ia langgar ini menjadi satu kesalahan dalam undang-undang ini.

Yang Berhormat Dato' Ghazi juga mengatakan mengenai 'staff pinching' yang ada dengan hospital-hospital swasta, mereka dapat staff very easily. Ada hospital ia pinch dengan hospital-hospital kerajaan. Sekarang kalau mereka hendak mendirikan satu hospital di mana-mana tempat, mereka hantar pelan dan satu nota dari Ketua Pengarah, macam mana staff hospital itu mahu ada, dengan training dan lain-lain itu, sekarang kita check dengan mereka, jadi satu lesen yang kita berikan bagaimana staff boleh didapati, dia bagi latihan nurses, doktor, doktor di mana mereka dapat, beritahu sebelum mereka kemukakan pelan kepada kementerian. Oleh itu, melaluinya kita fikir 'staff pinching' boleh dikurangkan melalui tindakan.

Yang Berhormat Puan Kamalia mengatakan beberapa cadangan, satu cadangan yang dibuat, ubat-ubat dijadikan control item. Kementerian Kesihatan tidak menetapkan ubat-ubatan menjadi satu control item, dengan izin, setakat ini. Walau bagaimanapun Kementerian Kesihatan sentiasa mengadakan sesi dialog dan perbincangan dengan pihak industri mengenai isu-isu ubat-ubatan termasuk kenaikan harga ubat supaya harga ubat-ubat dalam pasaran adalah berpatutan.

Yang Berhormat Puan Kamalia pun menyebut tentang insurans, satu skim tabung ataupun insurans diberikan kepada rakyat Malaysia. Kerajaan perlu untuk mengadakan satu skim tabung pembiayaan perubatan kebangsaan bagi membiayai pesakit-pesakit bila mereka hendak mendapatkan perkhidmatan daripada hospital termasuk hospital kerajaan yang telah diperbadankan pada masa yang tersebut. Reka bentuk skim tabung pembiayaan perubatan kebangsaan ini masih belum ditentukan lagi di mana EPU di Jabatan Perdana Menteri sedang membuat kajian dan kemudahannya perlu dibincangkan di peringkat Jemaah Menteri. Kerajaan perlu memainkan peranan untuk memberi subsidi kepada golongan yang berpendapatan rendah.

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, kawan baik, saya ada menghantar nota dengan mengatakan mengenai pengkorporatan hospital-hospital kerajaan. Saya ingin memberitahu di sini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan dasar Rancangan Malaysia Ke-7 di Dewan Rakyat telah jelas memaklumkan bahawa kerajaan secara beransur-ansur akan mengurangkan peranannya dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan dan meningkatkan fungsi perundangan dan penguatkuasaan. Kerajaan juga telah memutuskan bahawa hospital-hospital akan diperbadankan bagi mepertingkatkan

lagi kecekapan perkhidmatan serta untuk mengekalkan perkhidmatan anggota kesihatan yang berkeelayakan dan berpengalaman.

Dasar ini telah dibahaskan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara dan diterima oleh kedua-dua Dewan yang mulia ini. Dalam penetapan dasar ini, kerajaan telah juga menerangkan bahawa satu skim pembiayaan kesihatan bagi membiayai kos penjagaan kesihatan akan dilaksanakan. Bagi mereka yang berpendapatan rendah, kerajaan telah membuat jaminan bahawa golongan ini akan mendapat akses kepada perkhidmatan kesihatan menerusi bantuan kerajaan. Pengkorporatan hospital belum lagi dilaksanakan dan ia adalah bergantung kepada skim pembiayaan kesihatan yang masih dalam proses penyelidikan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi.

Yang Berhormat Datuk Ghazi ada mengatakan bahawa rang undang-undang yang membenarkan pihak swasta menubuhkan hospital psikiatri. Ini seolah-olah kerajaan telah melepaskan tanggungjawab mereka kepada sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, Mental Disorder Ordinance yang disediakan pada tahun 1952, mengandungi peruntukan-peruntukan yang sesuai dengan keadaan perawatan dan pemikiran zaman tersebut iaitu pesakit-pesakit psikiatri hendaklah dikurangkan dan dijangka, institusi mental ini hendaklah terletak sejauh yang boleh daripada masyarakat. Pada masa yang tersebut juga tidak terdapat kemudahan di sektor swasta yang dianggap sesuai untuk menjaga atau merawat pesakit-pesakit psikiatri. Pemikiran seperti ini perlu diubah kerana terdapat banyak perkembangan dalam bidang psikiatri yang menunjukkan bahawa kebanyakan pesakit psikiatri memerlukan jagaan dan ianya semua seperti pesakit-pesakit lain yang perlu mendapat sokongan kaum keluarga dan masyarakat sekelilingnya.

Kebanyakan penyakit pesakit ini boleh dirawat di mana-mana hospital atau klinik. Oleh itu dasar kementerian untuk decentralise, dengan izin, perawatan pesakit psikiatri kepada semua hospital kerajaan dan juga klinik-klinik kerajaan kerana undang-undang sivil tidak membenarkan sektor swasta mengambil pesakit psikiatri pada masa ini. Pihak kementerian tidak dapat membenarkan pihak swasta menubuhkan hospital psikiatri. Kementerian sedang menggubal selia undang-

undang berkaitan dengan jagaan pesakit psikiatri agar ianya lebih selaras dengan cara perawatan pada masa kini dan kehendak zaman ini.

Kementerian ingin menekankan di sini bahawa dasar-dasar kementerian dalam hal berhubung dengan pesakit psikiatri bukanlah untuk melepaskan tanggungjawabnya terhadap pesakit-pesakit psikiatri. Malahan setiap langkah yang disediakan adalah bagi memudahkan cara orang mendapatkan rawatan psikiatri yang diperlukan dan memberi mereka alternatif-alternatif untuk mendapatkan rawatan yang disediakan itu sama seperti pesakit lain. Selain daripada menjamin hak-hak asasi pesakit psikiatri, memastikan kesihatan, keselamatan, keselesaan pesakit psikiatri dan juga kepentingan orang ramai. Kementerian akan bertanggungjawab untuk memberi rawatan kepada pesakit-pesakit criminally insane, pesakit forensik dan pesakit yang kronik dan berbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, itulah jawapan dari saya dan mana-mana yang saya tidak jawab pada hari ini, kita ambil perhatian dan pegawai-pegawai kementerian ada mencatatkan dan mana-mana perkara-perkara yang perlu, akan datang kita boleh laksanakan dan mana yang boleh dijalankan, kita akan jalankan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 122 -

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Yang Berhormat sahabat saya jangan susah hati, saya tidak akan pergi ke setiap fasal satu demi satu. Saya hanya hendak bertanya sedikit sahaja, kalau pihak kerajaan tahu berkenaan dengan implikasi kewangan, sebab di sini kerajaan mengatakan bahawa perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan. Saya rasa ini akan melibatkan kerajaan dalam perbelanjaan yang banyak, dalam keadaan kita sekarang ini sudah tentu ini tidak akan membantu kerajaan. Oleh itu, jika pihak kerajaan tahu peruntukan ini lebih kurang berapa, kalau tidak tahu saya rasa adalah satu perkara yang ganjil sebab kalau kita hendak membuat sesuatu perkara itu kita mestilah tahu berapa duit yang kita ada dan berapa yang boleh kita belanjakan. Terima kasih.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Pengerusi, kajian masih lagi dijalankan, kita belum lagi mengambil satu keputusan yang tetap dalam perkara ini, belum mengambil satu keputusan yang muktamad dalam perkara ini.

Fasal 1 hingga 122 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH KEHAKIMAN (PINDAAN) 1998

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

9.33 mlm.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan hasrat kerajaan untuk memberikan satu sistem pentadbiran keadilan yang cekap kepada orang ramai, maka beberapa tatacara tertentu di bawah Akta Mahkamah Kehakiman 1964 yang telah dikenal pasti sebagai antara faktor yang menyumbang kepada kelewatan proses pentadbiran keadilan di mahkamah adalah dicadangkan supaya dipinda. Pindaan adalah dicadangkan untuk dibuat kepada seksyen-seksyen 3, 10, 42, 44, 78, 80, 96 dan 97 Akta Mahkamah Kehakiman 1964. Ia adalah dibuat dengan tujuan untuk mempercepatkan proses pendengaran kes-kes di mahkamah-mahkamah atasan khususnya Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan. Alasan-alasan pindaan secara terperinci adalah seperti berikut:

- (i) Pindaan kepada seksyen 3 adalah melibatkan penggantian, takrif decision, supaya ia tidak meliputi keputusan yang tidak membuat penentuan muktamad tentang hak pihak dalam sesuatu perbicaraan.
- (ii) Seksyen 42 dan 78 adalah dipinda untuk membolehkan perbicaraan di Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan diselesaikan oleh hakim yang tinggal, asalkan tidak kurang dari dua orang sekiranya mana-mana hakim yang pada awalnya menganggotai panel hakim mahkamah itu tidak dapat meneruskan kes itu kerana sakit ataupun apa-apa sebab yang lain walaupun tanpa persetujuan pihak-pihak dalam kes itu. Pindaan ini akan mengelakkan pembaziran masa mahkamah serta memendekkan masa rayuan di Mahkamah-mahkamah Rayuan dan Persekutuan.
- (iii) Pindaan kepada seksyen 44 dan 80 adalah untuk menetapkan had tempoh masa yang tertentu, 10 hari untuk mana-mana pihak yang terkilang memfailkan permohonan untuk kajian

semula perintah yang dibuat oleh seseorang hakim kepada satu panel tiga orang hakim di Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan. Pada masa ini ketiadaan had masa sedemikian seringkali menimbulkan kelewatan dalam pemberesen kes.

- (iv) Seksyen 96 dipinda untuk memasukkan prinsip faedah awam dalam menentukan sama ada kebenaran untuk merayu kepada Mahkamah Persekutuan boleh diberikan. Prinsip ini diamalkan di mahkamah-mahkamah di Britain dan ia telah dapat menghadkan hujah dalam permohonan bagi kebenaran sedemikian dan menyegerakan pemberesan permohonan itu.
- (v) Pindaan kepada seksyen 97 adalah bertujuan untuk membolehkan permohonan bagi kebenaran untuk merayu kepada Mahkamah Persekutuan dibuat kepada seorang hakim sahaja. Buat masa ini permohonan perlu didengar oleh panel tiga orang hakim Mahkamah Persekutuan. Bagaimanapun pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan seorang hakim itu boleh memohon untuk ke panel penuh tiga orang hakim.

Selain itu, pindaan kepada seksyen 10 adalah untuk membuat penyelarasan mengenai amalan perlantikan pegawai-pegawai kehakiman. Pada masa sekarang walaupun perlantikan dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong tetapi perlantikan ini adalah dibuat atas syor Ketua Hakim Negara. Oleh itu, pindaan ini adalah bertujuan untuk memastikan bahawa ada peruntukan nyata dalam undang-undang bagi amalan tersebut. Pihak Jabatan Peguam Negara telah pun menyemak draf rang undang-undang ini dan berpendapat bahawa rang undang-undang ini adalah

tidak bercanggah dengan Perlembagaan dan teratur dari segi gubalan. Pindaan ini juga tidak melibatkan sebarang implikasi kewangan kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki.

9.37 mlm.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat untuk hendak berucap panjang disebabkan masa suntuk, tetapi ini bukan bermakna yang kita dapati bahawa setiap rang undang-undang itu mesti dibahas, disebabkan hendak dibahas - tidak!

Sekarang ini rang undang-undang yang kita hendak pinda ini adalah satu akta yang sangat-sangat penting dan penerangan yang diberi oleh pihak kerajaan tadi amat jelas iaitu pemindaan rang undang-undang ini, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, 'delayed judgement is justice denied', dengan izin, 'time off ease of essence'. Dengan perkataan Inggeris ini dengan sendirinya ia memberi penerangan kepada kita bahawa akta-akta yang hendak dipinda ini adalah untuk mengurangkan masa daripada Fasal 3 adalah untuk menentukan dengan jelas bahawa lantikan Ketua Pendaftar, Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Kanan Pendaftar dibuat oleh Ketua Hakim Negara, bukannya oleh Yang di-Pertuan Agong, untuk hendak menerangkan lagi, memberi kenyataan yang lebih lagi supaya terang dan lebih terang lagi.

Yang lain ini Fasal 4, Fasal 5 dan juga Fasal 9 semuanya untuk hendak mempercepatkan sesuatu keputusan yang dibuat oleh mahkamah, untuk hendak

mempercepatkan supaya keadilan diberi setimpal dan tidak payah menunggu-nunggu begitu lama.

Fasal 8 tadi adalah prinsip yang kita terima daripada negara Inggeris, satu prinsip yang amat baik untuk, dengan izin, public interest.

Saya di sini berdiri untuk mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah dapat meminda akta ini iaitu Akta Mahkamah Kehakiman 1964 supaya perjalanan mahkamah lebih licin lagi dan tidaklah kita mengambil masa yang begitu panjang untuk mengatasi kes-kes yang dibawa kepada Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan.

Jadi, saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada kerajaan kerana dapat membawa satu pemindaan yang amat penting untuk perjalanan kehakiman di negara kita ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Ghazi bin Haji Ramli.

9.40 mlm.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan ini dan sekali gus saya menyokong Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1998. Saya juga turut mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang telah memberi penerangan yang begitu jelas. Niatnya amat baik untuk mengurangkan masa.

Rakan saya Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki memberi penerangan lanjut, saya pun sekarang terlalu amat jelas tentang niat baik ini. Sedikit sahaja saya hendak tumpang berkongsi pendapat iaitu mengenai hajat baik dan niat baik untuk mengurangkan masa. Biasanya hajat ini hendak kita ukur sama ada kita mencapai niat baik ini atau tidak. Pada saya, makhluk biasa yang tidak mempunyai pendedahan sangat tentang undang-undang ini saya perhatikan yang paling lewat dalam banyak-banyak perkhidmatan ialah mahkamah. Jadi, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah mekanisme baru yang hendak kita ukur prestasi pegawai-pegawai mahkamah ini supaya kita tahu ada kawal selia, monitoring system, dengan izin, dan sebagainya supaya sekurang-kurangnya kita tahu sebenarnya. Bertahun-tahun, berlonggok-longgok kes, susah benar hendak faham. Jadi, ini saya cuba hendak faham sedikit dari segi niat baik tetapi saya masih rasa curiga dan sangsi tentang implementasinya.

Kedua, saya mendapat faham juga, Tuan Yang di-Pertua, mengatakan dalam proses mahkamah ini, judge, dengan izin, hakim itu kena tulis tangan. Ini bab tulis tangan ini saya betul-betul tidak faham. Saya tahulah tentu ada kriteria dan sebagainya tetapi saya cuba hendak kaitkan dengan teknologi maklumat masa kini. Jadi, saya percaya ini juga diberi perhatian oleh pihak kerajaan. Jadi, saya ingin tahulah di sini, saya ingat relevan akta ini saya tanya kerana bab hendak kena tulis semua ini, kadang-kadang saya baca kes-kes luar macam yang terakhir ini kita baca di luar negeri, wah, berjam-jam, beratus-ratus muka. Jadi tidak adakah cara lain yang boleh kita kemas kinikan dari segi teknologi – menyimpan maklumat, merekod maklumat, memproses maklumat, memproses pemikiran dalam usaha untuk membuat keputusan supaya akhirnya didokumentasikan supaya keputusan yang dibuat oleh hakim itu dapat disingkatkan masanya.

Terima kasih, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Puan Kamilia.

9.44 mlm.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun bangun untuk menyokong dan seterusnya mengucapkan tahniah kepada Jabatan Kehakiman kerana keprihatinan mereka untuk membuat pindaan-pindaan yang seperti mana saya bersetuju dengan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki tadi, memang kena pada tempatnya kerana memanglah kita tahu bahawa Jabatan Kehakiman berusaha sedaya upaya untuk mempercepatkan keputusan-keputusan dibuat di mahkamah.

Tadi, Yang Berhormat Dato' Ghazi pun mempersoalkan kenapa masih ada lagi kelewatan-kelewatan tetapi mungkin saya juga boleh dapat menjawab dari sini kalau dari segi membuat keputusan-keputusan mahkamah terpaksa hakim itu sendiri buat kerana dia perlu menganalisa apa-apa yang telah dibentangkan atau dihujahkan di dalam mahkamah. Dia perlulah menghalusi sama ada ianya merupakan perkara-perkara yang boleh diterima atau tidak boleh diterima dan juga bukti-bukti yang dikemukakan. Saya rasa mungkin buat masa ini tidak ada cara lain tetapi untuk hakim-hakim menulis mungkin kalau ada modul dalam komputer atau software tertentu, dia dapat menganalisa bagi pihak hakim untuk menentukan mana satukah yang dikatakan evidence atau mana satukah yang boleh dipercayai atau tidak dipercayai, mungkinlah pada masa itu tidak perlu menulis.

Walau bagaimanapun, saya juga inginlah memberi sokongan juga apa yang dikatakan oleh Dato' Ghazi tadi kerana ada kelewatan selain daripada apa usaha-usaha untuk mempercepatkan penggantian hakim-hakim, contohnya, kalau hanya ada dua hakim dalam satu hari dan kalau tidak ada – if the party's consent itu yang kita hendak kecualikan dan seterusnya Fasal 8 yang penghakiman untuk faedah awam dan sebagainya dan jikalau ada dua hakim, seorang hakim boleh mencukupi dan boleh dibuat rayuan kalau tidak bersetuju tetapi saya dapati di mahkamah-mahkamah masih lagi mempunyai masalah-masalah tentang filing.

Ada kes-kes, contohnya, di Mahkamah Shah Alam, fail-fail itu tidak dapat di 'locate' semasa hari sebutan dan terpaksa dibuat pada hari-hari lain kerana fail tidak jumpa. Jadi, ini satu masalah juga yang, walaupun kita cuba mengatasi masalah hakim tetapi dari segi sistem mahkamah yang wujud ini, saya rasa masih lagi perlu banyak dipertingkatkan kerana cara-cara walaupun kalau di Mahkamah Shah Alam, contohnya, walaupun bangunannya begitu cantik sepatutnya sistem filingnya juga sepatutnya secanggih bangunan yang mereka duduki.

Saya percaya dan bersetuju dengan apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Dato' Ghazi tadi, kalau dapat kita menggunakan teknologi yang ada untuk dapat menyelaras dan memperkemas sistem filing ini, kerana ini banyak yang melewatkan kes-kes. Selalu filing saman dan sebagainya hilang dan fail-fail tidak dijumpai. Saya tidak tahu apa masalahnya, mungkin pihak Jabatan Kehakiman dapat menjawab.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang ingin saya sampaikan ialah walaupun pihak Jabatan Kehakiman telah dapat mengatasi masalah-masalah mungkin kekurangan hakim, saya ingin juga menyarankan bahawa hakim-hakim membuat pendekatan-pendekatan baru dalam masalah-masalah untuk menyelesaikan kes-kes yang mereka hadapi. Kita tidak perlu membuat penghakiman secara konvensional seperti yang ada sekarang. Saya ini mungkin ada yang saya baca, saya tertarik hati dan saya rasa mungkin perlu kita berikan fikiran dan juga pertimbangan.

Saya ada membaca bagaimana hakim-hakim di Washington mengatasi masalah penagih dadah. Mereka telah menggunakan 'what their term' sebagai additive justice iaitu dia tidak menghukum tetapi cuba membaikpulih, contohnya penagih dadah dengan cara mendapatkan penagih dadah yang didapati mempunyai test yang positif untuk duduk dalam mahkamah sebagai punishment dan mendengar perbicaraan dan selepas itu kalau didapati juga digunakan teknik lain agar dapat penagih dadah itu dipulihkan dan didapati mengikut apa yang ditulis di dalam artikel itu bahawa ianya dapat mengurangkan penagihan dadah itu, dapat dia mengurangkan anak-anak muda ataupun siapa yang menagih dadah itu dengan cara pendekatan baru, yang saya rasalah kalau dapat pihak hakim-hakim membuka minda dan membuka pintu kepada pembaharuan-pembaharuan sebab saya rasa sampailah masanya kita – kalau kita dapat mengubah tentang cara penghakiman, siapa hakim-hakim yang duduk untuk perbicaraan tentu sekalilah kita juga perlu, pertamanya menghadapi pelbagai masalah terutamanya masalah sosial, membuat pendekatan-pendekatan baru.

Tuan Yang di-Pertua, lagi sekali saya mengucapkan tahniah kepada Jabatan Kehakiman walaupun banyak telah dibuat perubahan-perubahan yang baik, saya rasa masih banyak juga lagi perkara-perkara yang perlu diberi perhatian.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya monyokong rang undang-undang yang dibentangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Setiausaha Parlimen menjawab.

9.50 m.m.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat seramai tiga orang yang telah mengambil bahagian bagi membahaskan rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian ialah Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, Yang Berhormat Dato' Ghazi bin Haji Ramli dan Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim. Saya ucapkan terima kasih di atas pandangan-pandangan yang diberi oleh ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat. Hanya nampaknya semua mereka telah mengalu-alukan pindaan ini, sebab kita telah jelas menyatakan bahawa apa pindaan dibuat ini adalah berdasarkan kepada perjalanan kehakiman yang telah kita laksanakan selama ini. Sebab banyak di antara perkara yang tertentu menyebabkan kelewatan bagi keputusan-keputusan sesuatu kes. Sebab itulah pindaan ini dibuat dengan menharapkan supaya kita boleh mempercepatkan membuat keputusan mana-mana kes di mahkamah.

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki tadi ada menyebut bahawa Ketua Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Kanan Pendaftar tidak perlu dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, hanya dilantik oleh Ketua Hakim. Sebenarnya semua jawatan ini mesti dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Kita hanya telah buat ialah syor/cadangan yang dibuat oleh Ketua Hakim. Perkara itu kita telah buat, lama kita telah buat tetapi tidak termaktub dalam undang-undang. Sebab itu kita mencatatkan secara formal, secara sah dalam undang-undang ini supaya memang Ketua Hakim ada hak untuk membuat cadangan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk melantik Ketua Pendaftar, Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan juga Penolong Kanan Pendaftar. Itu hanya penjelasan sahaja.

Selain daripada itu, saya hendak berpindah kepada Yang Berhormat Dato' Ghazi yang telah menyebut dan memberi pandangan beberapa perkara mengenai perjalanan mahkamah kita sekarang dan mengenai supaya menggunakan teknologi moden bagi menyimpan rekod-rekod mahkamah dan juga apa-apa perkara penting mengenai dengan mahkamah itu. Sekarang ini pihak Jabatan Kehakiman telah secara prinsipnya melantik satu konsortium untuk melaksanakan sistem pengurusan kes dan rujukan undang-undang dengan menggunakan teknologi maklumat. Bererti kita akan ada komputer dan sebagainya, jadi ini akan memudahkan kita untuk menyemak dan melihat apa-apa perkara yang telah berlaku di mahkamah. Projek ini akan dilaksanakan secara penswastaan, projek ini adalah pada peringkat rundingan. Perbincangan di antara EPU dan konsortium sedang dikenal pasti. Maknanya kalau semuanya telah selesai, maka perkara ini akan kita laksanakan dengan secepat mungkin.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Dato' Ghazi menyebut apakah kayu ukur prestasi pegawai-pegawai mahkamah menjalankan tugas. Memang kita mengambil perhatian daripada banyak faktor yang perlu diambil kira sebelum sesuatu kes itu dapat diselesaikan. Kadangkala kes itu menjadi lewat bukan kerana ketidakcekapan pegawai-pegawai di mahkamah menjalankan tugas, tetapi ada di antaranya perkara penting, misalannya keterangan, evidence yang jelas hendak didapati kadangkala memakan masa. Dengan sebab itulah kadangkala satu kes itu terpaksa mengambil masa yang lama. Pada hakikat kalau sekiranya perkara-perkara yang dikehendaki oleh mahkamah untuk menyelesaikan satu kes, kalau cepat dapat, maka tidak ada sebab mahkamah itu tidak boleh menyelesaikan kes-kes itu dengan cepat.

Kita mesti ingat untuk menjalankan satu hukuman yang dikira paling adil sudah barang tentu kita mahu kepada evidence yang cukup jelas, kerana kita tidak mahu menjatuhkan hukuman kepada orang yang tidak bersalah. Biarlah kita melepaskan 10 orang yang bersalah tetapi jangan kita

menghukum seorang yang tidak bersalah. Sebab itulah kita mesti menjalankan penghakiman ini secukup teliti supaya apa sahaja hukuman yang kita jatuhkan betul-betul adil, kerana bukan sahaja.....

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan.. saya tidak faham bagaimana kita melepaskan 10 orang yang bersalah tetapi jangan menangkap seorang yang....

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Jangan menghukum seorang yang tidak bersalah.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Formula daripada mana saya tidak berapa faham.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Saya pun mendengar daripada ahli-ahli hakim juga. Maknanya bukan kita sengaja hendak melepaskan orang bersalah. Tetapi maknanya kita takut menghukum orang yang tidak bersalah. Itulah perbandingannya. Bererti kita mesti tepat menghukum orang yang bersalah. Orang yang tidak bersalah mesti kita lepas kerana dia tidak bersalah. Tetapi yang kita takut kita menghukum orang yang tidak bersalah kerana tidak adanya evidence yang begitu sahah dan nyata. Sebab itulah ada di antara banyak kes yang kita bicarakan terpaksa berjalan agak lama kerana kita benar-benar menjatuhkan hukuman itu dengan paling adil yang boleh dilaksanakan oleh hakim-hakim yang berkenaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, bila saya diganggu susahlah sedikit tetapi tidak mengapa. *[Ketawa]* Saya tahu Dato' Aziz faham tetapi dia sengaja hendak menanya perkara itu sebab dia hendak pastikan saya tidak tersilap apa yang saya cakap. Saya tetap membetulkan apa yang saya cakapkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Kamalia juga menyebut beberapa perkara dan di antaranya mengenai sistem mahkamah dan sebagainya menggunakan teknologi yang canggih pada masa ini, saya telah jawab sebagaimana saya menjawab soalan yang dikemukakan oleh Dato' Ghazi sebentar tadi. Selain daripada itu, Puan Kamalia memberikan beberapa pandangan yang saya kira baik yang perlu kita fikirkan bersama bagi menentukan perjalanan mahkamah kita dari masa ke semasa dengan lebih baik dalam apa-apa kes kesalahan sekalipun terlibat penagih dadah dan sebagainya. Tetapi pada hakikat perjalanan perbicaraan yang kita jalankan kepada penagih-penagih dadah mengikut perjalanan mahkamah kita adalah di antara satu perkara yang terbaik dibandingkan dengan negara-negara lain, kerana setelah kita mengenakan hukuman-hukuman tertentu juga kadangkala pihak mahkamah memutuskan supaya penagih-penagih dadah ini dihantar ke pusat-pusat pemulihan. Ini semua kita laksanakan mengikut kemampuan yang kita fikirkan sesuai yang berlaku di negara kita.

Saya ucapkan terima kasih kepada yang membahaskan perkara ini, dan saya percaya mana yang saya tinggal tidak dapat menjawabnya perkara ini akan diambil perhatian oleh kerajaan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI (PINDAAN) 1998

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

10.04 mlm.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, ketiga-tiga akta tersebut telah memperuntukkan kuasa memberi keizinan mendakwa kepada Ketua Pengarah, Lembaga Hasil Dalam Negeri berkenaan dengan kesalahan-kesalahan tertentu di bawah akta-akta berkenaan. Peruntukan kuasa seperti ini adalah sebenarnya bertentangan dengan prinsip dan semangat Fasal 145(3) Perlembagaan Malaysia yang menyebut, "*Peguam Negara adalah mempunyai kuasa dan kuasa itu hendaklah dijalankan menurut budi bicaranya bagi membawa, menjalankan atau memberhentikan apa-apa pembicaraan mengenai sesuatu kesalahan lain daripada pembicaraan di hadapan Mahkamah Syariah, Mahkamah Bumiputera atau Mahkamah Tentera*". Oleh kerana percanggahan yang timbul di antara peruntukan undang-undang dengan apa yang termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia maka pindaan kepada undang-undang adalah wajar

dilakukan agar perjalanan pelaksanaan undang-undang sepertimana ketiga-tiga akta yang dicadangkan dipinda dapat berjalan dengan lancar.

Cadangan pindaan undang-undang ini adalah melibatkan pembatalan kepada Seksyen 123 Akta Cukai Pendapatan 1967, Seksyen 61 Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan Seksyen 39 Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. Sejalan dengan pembatalan kepada seksyen-seksyen kepada akta-akta berkenaan, maka pindaan juga dicadangkan dilakukan kepada peruntukan-peruntukan lain yang berhubung kait dengan peruntukan-peruntukan yang dicadangkan, dibatalkan di dalam akta-akta yang berkaitan. Dengan pindaan yang dilakukan kepada ketiga-tiga akta ini undang-undang yang berkaitan dengan kutipan cukai ini akan dilaksanakan dengan lebih cekap dan sejajar dengan kehendak Perlembagaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini juga bertujuan untuk memansuhkan perenggan-perenggan 11 dan 11A Jadual III Akta Cukai Pendapatan 1967 yang berkaitan dengan elaun modal semasa membentangkan Belanjawan 1998 Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah mengumumkan di Dewan yang mulia ini pengurangan elaun modal terhadap jentera berat yang diimport pada kadar 10% untuk elaun permulaan dan 10% untuk elaun tahunan. Langkah yang bertujuan untuk mengurangkan import jentera berat bersempena dengan kegawatan ekonomi masa kini adalah meliputi industri perlombongan, pembalakan dan pembinaan. Lanjutan daripada pengumuman Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, tindakan pentadbiran yang melibatkan langkah penwartaan telah diambil denganewartakan Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Loji Yang Layak) (No. 2).

Walau bagaimanapun, tindakan pentadbiran ini didapati tidak memenuhi kehendak keputusan dasar dan sukar untuk dilaksanakan kerana peruntukan perenggan 11A Jadual III Akta Cukai Pendapatan 1967 masih wujud dan masih lagi memperuntukkan elaun permulaan yang melebihi 10% bagi industri perlombongan, pembalakan dan pembinaan. Oleh yang demikian, adalah wajar perenggan 11 dan 11A Jadual III Akta Cukai Pendapatan 1967 dibatalkan. Bagi tujuan untuk mengelakkan elaun permulaan yang tinggi bagi jentera berat

tempatan, peruntukan yang sama seperti perenggan 11 dan 11A akan dibuat di dalam kaedah di bawah Seksyen 154 Akta Cukai Pendapatan 1967.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

10.07 mlm.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan ini.

Saya ingin menyokong Rang Undang-undang Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 yang baru disampaikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ucapkan tahniah kerana kerajaan telah merangkumkan ketiga-tiga Akta ini untuk memperkemaskinikan semua perkara yang amat mustahak dan relevant. Oleh kerana penyampaian Yang Berhormat Timbalan Menteri jelas dan perangkuman ketiga-tiga akta yang ber'relevant' pun amat jelas, saya tidak bercadang untuk menambah, mengomen, memberi cadangan atau pandangan. Saya turut memintakan rakan-rakan lain juga berbuat demikian kerana apabila perkara yang sudah elok kita hanya menerimanya sebagai yang elok.

Jadi itu sahaja pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]* Ini bermakna boleh balik cepat ya.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

10.09 mlm.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, memanglah jelas apa yang diutarakan oleh pihak kerajaan berkenaan dengan pindaan Rang Undang-undang ini. Jadi kita mengucapkan syabas terutama sekali kepada pihak kerajaan kerana meminda akta-akta yang relevant ini terutama sekali dalam menghadapi kegawatan ekonomi. Di mana jentera-jentera berat akan dikuatkuasakan importnya sekarang ini yang agak berkurangan kerana wujudnya satu pendekatan baru yang dibuat oleh kerajaan dan kita mengharapkan jentera-jentera berat yang ada di negara kita ini digunakan dengan sepenuhnya supaya kita tidak bergantung kepada import. Kita dapati banyak jentera berat di negara kita, berselerak di seluruh negara tetapi yang perlu ialah dari segi cara membaikinya, dengan izin, cara cannibalise parts yang ada di negara kita ini kerana ini saya rasa satu pendekatan baru untuk hendak menggalakkan penggunaan yang optimum kepada jentera-jentera berat yang telah pun wujud di negara kita.

Saya juga ingin menyentuh kerana ia berkaitan dengan cukai seperti yang saya nyatakan dalam Dewan yang mulia ini, pada tahun ini, kita akan berdepan dengan beberapa syarikat yang sebelum kegawatan 2 Julai 1997 membuat keuntungan tetapi setelah berdepan dengan keadaan kegawatan, kebanyakan syarikat ini boleh dikatakan menjunam dari segi pendapatan dan banyak yang sebenarnya terpaksa dibebankan dengan kerugian yang amat besar.

Jadi, adakah pihak kerajaan peka dengan kedudukan sekarang ini dan kalau sekiranya ada fleksibiliti dari segi fiscal policy kita untuk menentukan cukai -cukai yang sepatutnya dikutip berasaskan kepada keuntungan tahun lepas dan apabila ianya sekarang ini berdepan dengan kerugian yang amat teruk boleh membantu syarikat-syarikat ini dengan cara-cara yang lebih fleksibel untuk menunda pembayaran cukai berasaskan kepada keuntungan yang dibuat sebelum 2 Julai 1997, kerana ini sebenarnya akan dapat juga membantu syarikat-syarikat yang banyak mengalami kerugian ini dapat sekurang-kurangnya tidak begitu nazak, dapat sekurang-kurangnya bergerak perlahan-lahan kalau ada formula, cara baru pihak kerajaan prihatian terhadap kesusahan yang dihadapi.

Begitulah juga dengan cukai-cukai yang berkaitan dengan individu, saya difahamkan ramai juga mereka yang terpaksa diberhentikan kerja apabila mereka diberhentikan kerja terpaksa pendapatan terakhirnya dipegang oleh pihak majikan untuk dipertimbangkan oleh pihak Lembaga Cukai supaya ianya tidak dibayar selagi tidak selesai formula pembayaran cukai mereka.

Jadi fleksibiliti semacam ini dalam keadaan sekarang ini amatlah perlu untuk diberikan kepada syarikat dan juga rakyat jelata dan saya yakin dapat membantu syarikat dan orang perseorangan berdepan dengan masalah kekurangan modal dan kekurangan keuntungan dan juga kekurangan pendapatan. Inilah perkara-perkara yang saya hendak komen sedikit dari segi pendekatan kerajaan untuk membawa nilai-nilai yang lebih flexible dari segi pembayaran cukai oleh mereka yang terlibat. Terima kasih.

10.12mlm.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, beri kebenaran saya bercakap?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan. [*Ketawa*]

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa inilah bil akhir sekali yang kita hendak pertimbangkan. Ada satu lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ini yang akhir.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebab Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini terlalu sejuk sekarang ini jadi tidak tahu sebab, sudah malam sangat dah ke ataupun sudah kurang yang hadir. Jadi saya tidak tahu mengapa makin malam makin sejuk.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini dalam keadaan kita sekarang ini seperti kata sahabat saya Dato' Abdul Aziz, kegawatan ekonomi dengan izin, we must not kill the golden goose that lays the golden egg. Maknanya pembayar-pembayar cukai ini mestilah diberi kelonggaran dalam keadaan kita sekarang ini iaitu janganlah kita kalau berhutang RM20,000 suruh bayar RM20,000 terus dan kalau tidak bayar kena cukai 10% lagi.

Jadi, saya minta kerajaan bertimbang rasalah dari segi ini kepada yang sekarang ini menghadapi kesusahan yang amat sangat khususnya disebabkan seorang individu mata wang kita sudah turun, harga pun sudah naik sedikit, dari segi kewangan - cash flow kita dengan izin, amat kekurangan. Oleh itu kita cubalah cari macam mana cara kita boleh dapatkan cukai kita. Saya bersimpati dengan kerajaan, dengan keadaan sekarang ini cukai pendapatan dan cukai syarikat-syarikat akan berkurangan tetapi apa boleh buat sebabnya keuntungan kurang, cukai pun akan kurang.

Jadi, saya harap yang dapat membayar cukai ini berilah kelonggaran sedikit. Saya tidak tahulah Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz kena bayaran RM20,000 ke RM30,000 sekali gus, saya tidak tahu tetapi saya difahamkan ramai yang kena membayar cukai yang menghadapi masalah. Pada tahun lepas tidak ada masalah, pertengahan tahun lepas, awal enam bulan tahun lepas tetapi tidak semena-mena keadaan bertukar. Jadi tidak bersedia untuk memikirkan pembayaran cukai untuk tahun 1998 ini kita kena bayar cukai, jadi oleh itu saya harap kerajaan pertimbangkanlah.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan izin, Real Property Gains Tax Act 1976, saya hendak memberi pandangan sedikit, kita adakan undang-undang ini untuk menyekat dengan izin, speculator ataupun spekulasi dalam hartanah, tanahkah, rumahkah, kalau kita jual dalam masa tarikh tertentu saya tidak payah sebutnya, tiga tahunkah, dalam setahun, dua tahun kita kena bayar cukai mengikut 30%, 25%, mengikut keadaan.

Ini pada masa perniagaan perumahan dan hartanah ramai yang niagakan tetapi dalam keadaan sekarang ini, saya rasa tidak ramai yang hendak membeli dan menjual. Oleh itu adakah kerajaan memikirkan untuk mengurangkan peratusan pembayaran cukai dari segi menjual harta dalam masa yang tertentu. Kalau lepas 10 tahun tidak ada kena bayar apa-apalah. Oleh itu ada ramai yang membeli harta ini kemungkinan untuk dijual balik. Oleh itu dari segi dengan izin, engine of growth - sekarang ini kita hendak 'engine of growth' maknanya duit kita 'berjalan', diniagakan tidak seperti kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri,

kita bubuh di bawah bantal RM10, tidak ada gunanya tidak ada maknanya. Oleh itu kita hendak benda ini berjalan dari segi liquidity flow, dengan izin. Oleh itu saya memikirkan dan mencadangkan kepada kerajaan supaya Real Property Gains Tax ini dipinda supaya tidak adalah, makna sekatan membeli rumah. Termasuk juga rumah-rumah ini kita harapkan akan dapat dibeli oleh bukan sahaja orang tempatan tetapi juga yang di luar daripada negara kita ini.

Dengan ini saya menyokong pindaan rang undang-undang ini iaitu Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1997 dan Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi, oh ya, Yang Berhormat, silakan.

10.17 mlm.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya seperti rakan-rakan cuba sesingkat mungkin, sependek mungkin, sebab kalau ini saya tidak keluarkan makna tidak akan terjawab apa yang akan ditanya oleh rakan kita terutama daripada Sarawak dan Sabah.

Pertama, saya juga bersimpati sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa kegawatan yang kita tidak ingini ini angkara orang luar, negara kita telah mengalaminya dan bukan negara kita sahaja, malah beberapa negara. Inilah juga yang turut melanda terutama mereka yang mempunyai perniagaan yang cukup bagus satu ketika dahulu kemudian akhirnya sehinggakan saya difahamkan ramai rakan yang satu ketika dahulu mempunyai Mercedes 320, 280, 230 dan sebagainya yang mana akhirnya ada yang sudah ditarik oleh pihak bank dan ada yang tidak bertimbang rasa, apakah kementerian mempunyai satu, saya tidak tahu apa bahasa yang boleh digunakan tetapi bolehkah mereka yang rumah mereka ini akan ditarik atau kenderaan mereka ini ditarik. Saya berkeyakinan bahawa mereka ini mempunyai simpanan seperti EPF. Jadi, EPF ini janganlah tunggu sampai 55 tahun baru dikeluarkan. Dalam masa kegawatan ini saya rasa kerajaan mempunyai kuasa tertentu untuk membolehkan EPF ini digunakan untuk bayar rumah-rumah mereka, jangan sampai ditarik. Begitu juga dengan kenderaan atau barangkali dengan bank boleh kita aturkan. Kalau satu ketika dahulu sebelum kegawatan ini

kita bayar RM4,000 tiap-tiap bulan, barangkali kita boleh buat bayar bunga itu sahaja ataupun kita atur balik pembayarannya sehingga RM500 atau berapa yang termampu oleh orang yang meminjam.

Begitu juga dengan perumahan, sehingga satu ketika apabila keadaan mengizinkan atau ekonomi mengizinkan dan bolehlah mereka membayar sebagaimana yang boleh dilakukan sebab saya percaya tidak ada orang yang ingin rumahnya, 'syurga'nya itu ditarik begitu sahaja. Begitu juga dengan kenderaan tidak ada orang di dunia saya yakin yang ingin bankrap tetapi keadaan kita telah membuat begini.

Jadi, kalau begitu saya ingin bertanya, apakah boleh kerajaan menggunakan bidang kuasa mereka untuk meminta EPF - jangan tunggu sampai 55 tahun tetapi keluarkanlah untuk membantu mereka ini.

Yang kedua, kita sedia maklum bahawa di Sabah dan Sarawak salah satu daripada negeri yang juga turut dilanda dengan perkara ini. Satu ketika dahulu kita mempunyai pengeluaran kayu balak yang memang kita mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh ITTO dan sehingga hari ini negara-negara yang kita eksport kayu itu seperti Korea dan Jepun telah mengurangkan pembeliannya sehinggalah boleh dikatakan tidak ada apa-apa lagi, hampir tidak ada apa-apa lagi pendapatan kerajaan negeri.

Dan saya percaya, saya juga ingin bertanya apakah garis panduan dan kerjasama yang diberi kepada pihak kerajaan negeri dan sistem pungutan yang mana satukah balik kepada kerajaan negeri dan yang mana satu kepada Kerajaan Pusat. Dan saya rasa penerangan ini perlu kepada masyarakat terutama rakyat di negeri Sabah. Saya tahu ini ada hubung kaitnya dengan perjanjian-Intergovernmental Agreement yang ditandatangani di antara kerajaan Malaya, Sarawak dan Sabah pada tahun 1962. Dan saya difahamkan bahawa pembayar cukai, tolong betulkan kalau tidak betul, sebelum ini ialah RM2.5 juta dan memang seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki dan Yang Berhormat Datuk Abdul Aziz bahawa semakin hari ataupun dari tahun ke

tahun apabila kegawatan ekonomi ini melanda kita ianya telah berkurangan. Jadi untuk itu saya ingin bertanya apakah dasar yang tidak dapat membayar cukai.

Maknanya kepada orang-orang yang gagal membayar cukai ini apakah kita mempunyai satu kelonggaran seperti juga yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki supaya barangkali pembayar-pembayar ini janganlah diambil tindakan yang - barangkali adalah pertimbangan-pertimbangan. Tetapi kalau saya lihat dari segi perbandingan, saya lihat pada tahun 1996 kalau tidak silap saya, kita telah mengutip lebih kurang RM30 bilion. Dan saya kalau tidak silap barangkali dalam tahun-tahun lepas ini, 1997 ini sudah tentu berkurangan. Memang ramai orang yang tidak mampu untuk membayar cukai lagi. Jadi saya ingin merayu kepada kerajaan supaya satu dasar agar tidak terlalu berat sehingga membuatkan orang-orang ini bankrap dan sebagainya dikenakan kepada mereka sebab tidak ada orang yang ingin bankrap juga. Jadi untuk itu saya dengan ini menyokong Rang undang-undang Cukai (Pindaan) 1998. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Timbalan Menteri menjawab.

10.23 mlm.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada empat orang Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Ghazi, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin dan Yang Berhormat Datuk Haji Sairin yang telah mengambil bahagian, yang sama-sama menyokong akta rang undang-undang ini.

Memang pungutan cukai pendapatan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri ini dijangka akan berkurangan. Dan kalau berbanding dengan tahun yang lepas iaitu tahun 1997 pungutan itu ialah RM30.5 bilion. Dan pada tahun ini oleh kerana kegawatan ekonomi walaupun telah dijangka akan memungut lebih tinggi daripada apa yang telah dipungut pada tahun yang lepas, tetapi pihak kerajaan telah membuat keputusan untuk menurunkan jangkaan kita sampai RM24 bilion pada tahun ini.

Jadi dengan itu telah mencerminkan, ini adalah kerana pulangan daripada pihak swasta itu dijangka akan berkurangan. Dalam hal yang demikian Lembaga Hasil Dalam Negeri memang akan juga menjalankan tugasnya dengan adil dan mengikut undang-undang. Dan seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu diharapkan supaya pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri dapat bertimbang rasa oleh kerana kegawatan ekonomi dan kesusahan pihak swasta itu, maka dengan itu untuk makluman Yang Berhormat sejak Januari hingga Mei tahun ini Lembaga Hasil Dalam Negeri ini telah mendapat rayuan daripada pihak swasta dan perseorangan lebih daripada 230 kes yang memohon supaya dapat dijadualkan ansuran ataupun untuk menjadualkan pembayarannya atau mengikut ansuran ataupun mengikut jadual-jadual yang boleh dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Dan ini adalah satu nasihat supaya pihak swasta atau perseorangan dengan secepat mungkin dapat mengemukakan penyata taksiran pada tahun ini dan dapatlah dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri cukai taksiran yang akan dikenakan. Dan selepas itu mungkin pihak yang menghadapi masalah itu dapatlah berhubung dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri dan berunding supaya dapat 'flexibility' nya untuk melakukan pembayaran itu.

Saya percaya ini adalah salah satu caranya dapat kita 'don't kill the goose that lays the golden egg'. Dan mengikut cadangan daripada Dato' Aziz supaya kita dapat mengkaji semula cukai keuntungan harta tanah, sebenarnya kerajaan telah melakukan beberapa langkah supaya dapat kita mengurangkan cukai untuk menggalakkan penjualan yang dilakukan oleh orang-orang asing iaitu terhadap kondominium dan pusat-pusat membeli-belah.

Dan cadangan yang spesifik daripada Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin itu iaitu tentang sama ada ini akan dibuka kepada penjualan untuk semua jenis harta tanah itu. Saya percaya kita akan mengambil cadangan itu dan akan mengkaji sama ada dapat dilaksanakan ataupun tidak. Dan mengenai sama

ada KWSP dapat digunakan untuk menyelesaikan masalah pinjaman perumahan itu, sebenarnya tujuan KWSP itu adalah untuk tujuan persaraan dan bukanlah untuk tujuan kita menyelesaikan masalah kewangan dari masa ke semasa. Jadi kalau dalam masa kegawatan ekonomi ini kita gunakan duit itu dan ini memang lari dari tujuan yang asal semasa kita menubuhkan KWSP itu. Dan cadangan seperti yang dikatakan itu mungkin adalah susah sedikit untuk kerajaan mengkaji. Walau bagaimanapun mungkin pihak yang ada kaitan dapat berunding dengan bank-bank yang berkenaan supaya dapat menjadualkan bayaran balik mengikut kemampuan masing-masing. Dan ini adalah sebagai satu hak seseorang peminjam itu dan dapat menjadualkan supaya satu bayaran itu dapatlah ditanggung oleh seorang peminjam itu.

Dan mengenai garis panduan tentang cukai pembalakan di Malaysia timur ataupun di Sabah dan Sarawak itu sebenarnya adalah di bawah kuasa kerajaan negeri. Dan pihak Kerajaan Persekutuan hanya akan mencukai berdasarkan kepada pengeluaran cukai-cukai pendapatan seseorang atau satu-satu syarikat itu berdasarkan kepada pengeluaran satu-satu syarikat itu.

Ini bermakna royalti dan cukai eksport hasil daripada pengeluaran pembalakan itu adalah dipungut oleh pihak kerajaan negeri dan pihak Kerajaan Persekutuan hanya akan mengutip cukai pendapatan yang diperolehi oleh pihak perseorangan ataupun pihak syarikat itu. Dan saya rasa ini adalah amat jelas sekali dan tidak ada percanggahan kuasa antara pihak kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Saya ucapkan terima kasih sekali lagi oleh kerana semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian menyokong sama sekali tentang rang undang-undang ini. Sekian sahaja, saya mohon sekali lagi mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Alhamdulillah tidaklah sampai sehingga pukul 12 malam dan ini adalah dengan sebab kerjasama dari semua Ahli Yang Berhormat dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. [*Tepuk*] Majlis mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 10.35 malam.